



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1): Isu Sensitif dan Menghasut Dalam Perhimpunan Agung UMNO - <i>Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)</i>	(Halaman 18)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2007 <u>Jawatankuasa:</u> <u>Jadual:</u> Maksud B.27 Maksud B.28	 (Halaman 19) (Halaman 67)
USUL: Anggaran Pembangunan 2007 <u>Jawatankuasa:</u> Maksud P.27 Maksud P.28	 (Halaman 19) (Halaman 67)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) – MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

11. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraath @ Ben (Pensiangan) - PBRB

17. Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS

55. Yang Berhormat Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. ” Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO

93. Yang Berhormat Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. ” Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 21 November 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Raimi Unggi [Tenom]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, berapakah jumlah kadar kemalangan jalan raya yang berlaku di seluruh negara dan apakah usaha-usaha yang telah dan akan dibuat oleh kementerian bagi menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tenom yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, kadar kemalangan jalan raya pada tahun 2005 adalah 222 kes bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar berbanding dengan 237 kes bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2004.

Sementara itu, kadar kemalangan jalan raya sehingga Jun 2006 adalah sebanyak 108 kes. Jika dibandingkan dengan kadar kemalangan pada tahun 2004, terdapat penurunan sebanyak 6.7% pada tahun 2005. Jika ditinjau daripada segi kadar kematian jalan raya pada tahun 2005 adalah 4.2 kematian setiap 10,000 kenderaan yang berdaftar berbanding dengan 4.5 kematian setiap 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2004. Iaitu penurunan sebanyak 7.8%.

Di samping itu, jumlah kemalangan ringan pada tahun 2005 adalah 27,085 kes, berbanding dengan 33,143 kes pada tahun 2004, iaitu penurunan sebanyak 18.3%. Bagi bulan Januari sehingga Jun 2006, jumlah kemalangan ringan adalah sebanyak 7,977 kes, berbanding dengan 16,406 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2005. Iaitu penurunan sebanyak 51.4%.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha-usaha yang pernah dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini dari semasa ke semasa program-program baru yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam tahun 2006 bagi menangani isu kemalangan jalan raya adalah seperti berikut:

- (i) program galakan pemakaian topi keledar di kawasan luar bandar;
- (ii) program keselamatan jalan raya bersama majikan;
- (iii) perluasan skop program *road safety audit* dan rawatan kawasan kerap berlakunya kemalangan untuk merangkumi jalan negeri dan jalan bandaran;
- (iv) program menggalakkan penggunaan peralatan keselamatan seperti topi keledar dewasa, topi keledar kanak-kanak, beg udara dan tali pinggang keledar belakang;
- (v) pelancaran laman web keselamatan jalan raya yang mesra pelanggan dan interaktif; dan
- (vi) menubuhkan Jabatan Keselamatan Jalan Raya di peringkat negeri.

Terima kasih.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Secara umumnya kita memang mengetahui kerajaan kita banyak mengadakan pelbagai kempen jalan raya dan pelbagai operasi polis seperti Ops Pacak, Ops Sikap dan sebagainya.

Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan boleh mengadakan kursus lanjutan mengenai teori dan keselamatan jalan raya kepada pemandu yang memiliki lebih lima tahun lesen memandu dan mungkin boleh diwajibkan sebagai langkah proaktif untuk menangani kadar kemalangan jalan raya. Ini kerana apabila kita melihat di negara Jepun, mereka mewajibkan, malah sebanyak 30% kadar kemalangan jalan raya berjaya dikurangkan.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan Yang Berhormat itu memang amat baik dan kalau tidak silap saya pihak JPJ dan juga kementerian pada masa kini telah mengkaji apakah cara-cara yang sebaik mungkin untuk memastikan kenderaan yang lebih lima tahun ini dan juga pemandu-pemandunya ini diberi kursus khas untuk meningkatkan lagi dari segi fahaman mereka dalam menggunakan kenderaan ini. Ini saya rasa akan kita maklumkan kemudian apabila kita dapat memastikan apakah cara-cara yang terbaik. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan lebih kurang dengan Yang Berhormat bagi Tenom iaitu sudah sampai masanya apakah kementerian bersetuju Institut Pemandu Malaysia ditubuhkan sebagai suatu institut yang menguruskan, bukan sahaja kita menunggu lima tahun ataupun sepuluh tahun tetapi kita mengambil dana daripada denda dan sebagainya yang hukuman daripada mahkamah yang terlibat dengan polis dan sebagainya.

Dengan menguruskan sebuah institut pengurusan pemandu Malaysia, supaya bukan sahaja lima tahun tetapi kepada pemandu-pemandu yang bermasalah supaya kita terus. Sekarang ini kita hukum sahaja kemudian kita gantung sahaja tetapi tidak ada proses pemulihan. Jadi, apakah kerajaan bersetuju supaya Institut Pengurusan Pemandu Malaysia ini dapat kita wujudkan dengan serta-merta dan kita buat latihan secara bukan berkala, secara berterusan. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak saya, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada hari ini kita dalam masa untuk menubuhkan satu Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya bagi seluruh Malaysia dan saya rasa pandangan Yang Berhormat itu akan saya ambil serius dan akan saya kemukakan kepada pihak kementerian. Terima kasih.

2. Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta Menteri Kewangan menyatakan, mengapa pihak Sarawak Hidro Sdn. Bhd. enggan melupuskan biomassa di tapak projek Hidroelektrik Bakun.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Pertamanya, Sarawak Hidro Sdn. Bhd. bukanlah enggan untuk melupuskan biomassa di tapak projek Hidroelektrik Bakun, tetapi dalam proses untuk memohon pengecualian daripada Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak dan masih menunggu keputusannya.

Sarawak Hidro Sdn. Bhd. juga telah melantik juru perunding alam sekitar menjalankan kajian lanjut perlunya pelupusan biomassa. Hasil kajian didapati bahawa pelupusan biomassa tidak dijangka memberi kesan ketara kepada pengurangan kualiti air di kawasan takungan.

Keduanya, kajian juga mendapati penebangan pokok-pokok untuk tujuan pelupusan biomassa akan menyebabkan penumbuhan daun-daun muda pokok-pokok baru yang mempunyai jumlah biomassa yang lebih daripada pokok-pokok asal dan ini sebaliknya boleh memberi kesan yang lebih negatif kepada kualiti air.

Ketiga, kajian yang dijalankan juga mendapati pelupusan biomass seperti mana yang disyaratkan buat masa ini oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak tidak pernah dilakukan di mana-mana projek hidroelektrik di Malaysia dan empangan-empangan besar di dunia. Oleh itu, panel penilai bebas Sarawak Hidro Sdn. Bhd. yang terdiri daripada pakar-pakar antarabangsa dalam bidang empangan hidroelektrik telah menyarankan agar pelupusan biomass tidak perlu dilaksanakan kerana pertamanya tidak begitu praktikal dan tambahan pula ia tidak memberi kesan yang ketara kepada pemulihan kualiti air di mana impak ke atas kualiti air tanpa pelupusan adalah dijangka minimum.

Berdasarkan penemuan kajian ini, amalan antarabangsa dan nasihat daripada panel penilai bebas serta mengambil kira keselamatan penduduk di hilir Empangan Bakun maka Sarawak Hidro Sdn. Bhd. telah pun memohon pengecualian pelupusan biomass daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di hilir Empangan Bakun terdapat lebih 300,000 bilangan penduduk dan satu pertiga mereka ini menggunakan air daripada Batang Rajang.

Oleh yang demikian, adalah penting untuk menyelenggarakan kualiti air di hilir empangan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut bahawa banyak empangan-empangan besar di dunia tidak melupuskan biomass, saya telah buat *review* laporan-laporan daripada empangan itu dan didapati kualiti air memang teruk sehinggalah ikan mati, bahkan empangan di Laos, ada orang mati disebabkan *methylated mercury* di dalam air sungai.

Untuk Empangan Bakun, walaupun saya tidak menekankan semestinya bahawa biomass dilupuskan, saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan jika kualiti air di hilir Bakun nanti jatuh ke paras di bawah *National Water Quality Standard 2B*, sedia untuk menyalurkan air paip kepada penduduk-penduduk yang tinggal di hilir Bakun. Mereka menggunakan air langsung (*directly*) daripada Batang Rajang. Ini adalah satu perkara yang amat penting jika kualiti air ini menurun nanti. Kualiti air sudah tentu akan menurun. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong yang begitu prihatin tentang implikasi yang mungkin berlaku dan ini sememangnya menjadi tanggungjawab kerajaan dan seterusnya tanggungjawab Sarawak Hidro Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat kerajaan untuk memastikan keselamatan penduduk-penduduk di hiliran Sungai Balui ini akan terjamin.

Sebenarnya pihak Sarawak Hidro Sdn. Bhd. telah pun mendapat permohonan sekiranya bekalan air bersih dapat disediakan kepada kampung-kampung di tetapi sungai yang terlibat dan ini sedang dalam pertimbangan. Mungkin sesuatu dapat dilakukan oleh syarikat untuk memastikan mereka ini mendapat bekalan air yang lebih terjamin.

Sudah tentu kualiti air akan sentiasa dipantau supaya keseimbangan Yang Berhormat dan keseimbangan penduduk-penduduk di kawasan terlibat akan dapat diambil kira dan keadaan keselamatan sentiasa terjamin. Terima kasih

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu belum lagi satu jawapan yang baik. Alternatif untuk *supply* ataupun membekalkan air kepada penduduk di hilir Bakun ini belum mengatasi masalah oleh kerana apabila merkuri masuk ke sungai, ia akan masuk ke dalam makanan ikan dan sebagainya serta masuk dalam *food chain* ikan. Ikan itu nanti akan membawa banyak merkuri-merkuri. Semua ikan tidak boleh dimakan lagi bahkan keseluruhannya. Jadi, *solution* nya bukan kepada pembekalan air tetapi menghalang merkuri ini pergi ke sungai. Apakah tindakan kerajaan? Sepatutnya EIA sudah buat ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta tolong jawapan yang lebih elok lagi. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat ini mengandaikan bahawa merkuri akan mengalir masuk ke sungai dan ini akan dimakan oleh ikan dan ikan-ikan ini akan dimakan oleh manusia dan ramai pula manusia yang akan mati kerana memakan merkuri ini.

Andaian ini boleh kita teruskan dan kita lipat kali gandakan lagi andaian-andaian ini supaya satu tragedi besar yang mungkin akan berlaku sekiranya kita membuat andaian tersebut. Yang Berhormat, sebenarnya memang inilah tujuan kita untuk membuat kajian dan untuk meneliti. Saya difahamkan sebenarnya kita mungkin merasakan air yang bertakung daripada biomass ini kesemuanya akan mengalir keluar.

Akan tetapi dari segi pelaksanaan penjana kuasa ini, sebenarnya hanya 15 meter atas air di empangan itu yang akan digunakan pada setiap masa. Sekiranya air ini berkurangan daripada 15 meter, *power generation*, dengan izin, akan diberhentikan. *Power generation* tidak akan digerakkan sehingga air-air itu mantap sampai ke bawah. Ini tidak, dia kaedah dia. Jadi biasanya air-air yang di *top level* atau *top layer* ini adalah air-air bersih kerana di situ oksigennya ada dan air inilah sahaja yang mengalir turun dan *incoming water* akan memenuhi atau mengambil alir *layer* tersebut. Jadi tidaklah ia begitu menggerunkan seperti yang dibayangkan oleh Yang Berhormat.

Ini bermakna bahawa segala aspek telah dikaji dan telah diambil kira. Sebab itulah panel penasihat yang terdiri daripada pakar-pakar antarabangsa menasihatkan secara imbangannya atau perimbangannya iaitu *on balance*, kita tidaklah perlu melakukan pelupusan biomass ini dan kajian yang berterusan, pemantauan yang teliti akan terus dibuat supaya tidak ada suatu tragedi di mana ikan-ikan ini akan memakan terlalu banyak *mercury* dan manusia yang memakan ikan-ikan ini akan mati, yang akan berlaku seperti yang boleh kita bayangkan.

3. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, bilakah dan dalam sektor manakah tenaga alternatif seperti suria, angin dan lain-lain akan digunakan dengan secara meluas di negara ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Gerik saya ingin memaklumkan bahawa tenaga konvensional dari sumber-sumber fosil seperti minyak, arang batu dan gas asli adalah yang paling ekonomi dan efisien untuk penjana tenaga elektrik di negara pada ketika ini.

Bagi tenaga alternatif pula, ia merupakan satu perkembangan baru dan penggunaannya adalah masih di tahap permulaan kerana infrastruktur dan teknologi yang bersesuaian masih belum dibangunkan di peringkat untuk penggunaan secara meluas. Kos untuk pembangunan tenaga alternatif juga lebih tinggi daripada kos untuk membangunkan tenaga konvensional. Di samping itu terdapat pelbagai cabaran atau halangan dalam pembangunan tenaga alternatif secara luas, bukan sahaja di negara kita tetapi di kebanyakan negara yang lain. Ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- (i) kekurangan pemahaman dan penerimaan tenaga alternatif oleh pelbagai pihak; dan
- (ii) keengganan atau keberatan sektor swasta untuk melabur dalam industri alternatif atas sebab risiko tinggi untuk membangunkan teknologi yang sesuai.

Berdasarkan penjelasan di atas, pembangunan dan penggunaan tenaga alternatif di negara kita akan mengambil sedikit masa sebelum ia dapat digunakan secara meluas. Ia juga memerlukan perancangan dan tempoh pelaksanaan yang menjangkau masa yang panjang. Perancangan dan pelaksanaan tenaga alternatif akan melibatkan penggubalan dasar yang komprehensif dan pembangunan infrastruktur institusi dan fizikal bagi menyokong penggunaan tenaga alternatif serta mengubah sikap di kalangan penjana dan pihak pengguna.

Untuk mencapai hasrat kerajaan untuk membangunkan tenaga alternatif sebagai satu komponen *phoenix*, dengan izin, di negara ini, beberapa langkah telah dan sedang diambil untuk memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan penjana tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy* atau RE. Usaha untuk menggalakkan penggunaan tenaga alternatif adalah tertumpu kepada sektor elektrik dan pengangkutan kerana kedua-dua sektor ini merupakan pengguna-pengguna tenaga yang besar di negara ini.

Berhubung dengan sektor elektrik, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Bahan Api Kelima atau *Fifth Fuel Policy* di bawah Rancangan Malaysia Kelapan tahun 2001 hingga 2005. Dengan menambahkan penggunaan bahan api mesra alam, atau tenaga boleh diperbaharui, *renewable energy* dalam campuran bahan api negara. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pula, tahun 2006 hingga 2010 ini usaha untuk menggalakkan penjana tenaga boleh diperbaharui akan dipergiatkan lagi dan RE disasarkan untuk menyumbangkan sebanyak 350 megawatt ke Sistem Grid Nasional.

Bagi menjayakan dasar ini, kerajaan telah memperkenalkan Program Pembangunan Jana kuasa Kecil Tenaga Yang Boleh Diperbaharui atau *Small Renewable Energy Power*, SREP, yang telah dilancarkan pada bulan Mei 2001. Di bawah program SREP penjana dari pelbagai sumber RE seperti biomas, khususnya *empty fruit bunch* dari kelapa sawit, *mini hydro solar* atau suria dan angin adalah digalakkan. Sehingga hari ini sebanyak 47 syarikat telah diberi kebenaran untuk memajukan projek Jana kuasa tenaga yang boleh diperbaharui untuk disambung ke sistem grid dengan jumlah kapasiti sebanyak 244 megawatt.

Setakat ini dua projek SREP dengan jumlah kapasiti penjana elektrik sebanyak 12 megawatt elektrik sedang beroperasi manakala tujuh projek yang lain sedang dilesenkan dan sedang dalam proses untuk beroperasi. Selain penjana untuk penyambungan ke Sistem Grid Nasional, terdapat juga tenaga elektrik yang dijana daripada sumber RE yang tidak disambungkan ke grid untuk tujuan penggunaan persendirian sahaja.

Pada tahun 2004 dan 2005, sebanyak 719.7 megawatt dan 715.2 megawatt tenaga elektrik masing-masing telah dijana melalui sumber RE khususnya biomas seperti *empty fruit bunch* atau EFB, kelapa sawit dan sekam padi untuk kegunaan persendirian. Selain daripada penjana tenaga elektrik daripada sumber biomas, kerajaan juga telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan penjana tenaga suria di bawah *Project Malaysia Building Integrated Photovoltaic* atau MBIPV. Projek MBIPV yang telah dilancarkan pada 26 Julai 2005 sedang dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang memberi jawapan yang agak terang dan jelas. Namun begitu saya merasa risaulah, persoalan seperti ini kita timbulkan pada 2004 dan timbul lagi 2006, mungkin 2008 akan timbul lagi soalan, 2010 soalan yang sama, jawapannya sama, kita menanti dan menanti dan menanti. Bilakah kita dapat beralih kepada tenaga alternatif ini.

Jadi sebagai contohnya, Yang Berhormat bagi Ketereh, dia *queue* panjang untuk mendapatkan tenaga gas daripada Petronas. Saya rasa dia akan terus *queue*, *queue* tak ada perubahan pun. Jadi tidakkah boleh diambil tindakan tertentu seperti gas ini kita perluaskan? Kalau saya memandu kereta dari Ketereh sampai ke Ipoh sahaja, tak boleh sampai ke Gerik dan begitulah masalahnya. Jadi bilakah masa yang terdekat dan bagaimana pula R&D yang kita belanja begitu banyak kepada IPTA ini tidak dapat mengatasi masalah peningkatan atau ketinggian kos untuk mengeluarkan tenaga-tenaga alternatif ini? Terima kasih

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gerik. Sebenarnya saya kurang jelas dengan soalan Yang Berhormat mengatakan dari segi gas kerana gas bukanlah satu bahan *renewable energy*. Kalau boleh saya minta Yang Berhormat utarakan dengan jelas soalan Yang Berhormat kerana saya kurang faham. *Renewable energy* adalah seperti bahan-bahan kitaran semula dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah ini, jawab saja...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat berhubung perkara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tenaga alternatif saja.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, Pusat Tenaga Malaysia sentiasa menjalankan kajian bukan sahaja kajian seperti Yang Berhormat katakan, malah projek seperti MBIPV yang mana menggunakan tenaga solar kita telah mengeluarkan tender yang mana kita memberi penyertaan kepada orang ramai supaya boleh melibatkan diri dalam penggunaan tenaga *renewable* pada hari ini. Sekian, terima kasih.

4. Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan] minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana Dasar Penswastaan Negara telah berjaya dan penglibatan bumiputera membantu mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru atau DEB, dengan menggalakkan lebih ramai pengusaha bumiputera khususnya Sabah dan Sarawak mengambil alih perkhidmatan yang telah diswastakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Penswastaan yang diperkenalkan oleh kerajaan semenjak tahun 1983 telah mencapai kejayaan yang membanggakan. Sebagai contohnya, dari segi mengurangkan beban kewangan kerajaan, dasar ini telah berjaya menjimatkan perbelanjaan pembangunan yang sehingga kini berjumlah RM154 bilion dan perbelanjaan mengurus berjumlah RM7.75 bilion setahun.

Jumlah ini perlu ditanggung oleh kerajaan sekiranya projek-projek berkenaan tidak diswastakan. Di samping itu, kerajaan juga telah memperoleh hasil sebanyak RM1.54 bilion daripada penjualan aset dan RM4.94 bilion daripada penjualan ekuiti berikutan pelaksanaan Dasar Penswastaan. Hasil ini belum lagi mengambil kira cukai korporat dan pelbagai cukai lain yang perlu dibayar oleh agensi-agensi yang diswastakan. Pelaksanaan dasar ini juga telah berjaya meningkatkan kecekapan dan produktiviti agensi-agensi yang diswastakan sebagai mana dibuktikan oleh Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan juga pelabuhan-pelabuhan.

Seterusnya pelaksanaan projek penswastaan seperti lebuhraya telah mewujudkan pusat pertumbuhan baru di sepanjang lebuhraya, di samping wujudnya kesan pengganda kepada industri berkaitan seperti industri pembuatan yang berasaskan pembinaan misalnya industri simen dan besi. Di samping itu, pelaksanaan dasar ini juga telah membolehkan orang ramai menikmati kemudahan moden lebih awal berbanding jika ianya dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Ini disebabkan kerajaan mempunyai sumber kewangan yang terhad dan perlu disalurkan terlebih dahulu kepada projek yang diberi keutamaan seperti kemudahan kesihatan, pendidikan dan latihan.

Mengenai penglibatan bumiputera pula, Dasar Penswastaan merupakan salah satu wahana utama dalam mempertingkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor ekonomi. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menetapkan supaya sekurang-kurangnya 30% ekuiti projek yang akan diswastakan diberikan kepada bumiputera. Kedudukan pada tahun 2005 menunjukkan bahawa pegangan ekuiti bumiputera dalam projek penswastaan termasuk di Sabah dan di Sarawak pada nilai tara telah meningkat daripada 32.7% semasa projek berkenaan mula diswastakan kepada 51.7%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian penswastaan juga mensyaratkan supaya syarikat konsesi memberikan sekurang-kurangnya 60% daripada kontrak kerja kepada usahawan bumiputera. Sebagai contoh, daripada sembilan projek jalan yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan yang lalu, 27 kontraktor bumiputera telah dianugerahkan kontrak bernilai RM4.4 bilion iaitu 66.7% daripada jumlah keseluruhan nilai kontrak. Di samping itu, Program Pembangunan Vendor merupakan komponen penting dalam projek penswastaan.

Program tersebut memainkan peranan utama dalam menggalakkan hubungan yang lebih luas dan rapat antara enterprise kecil dan sederhana dengan syarikat besar.

Melalui Program Pembangunan Vendor, enterprise kecil dan sederhana khususnya bumiputera termasuk di Sabah dan Sarawak berpeluang membekalkan bahan mentah, alat ganti dan komponen serta menyediakan perkhidmatan operasi dan penyenggaraan kepada syarikat-syarikat besar.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, saya berbangga dengan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, tapi saya kurang yakin, kurang yakin kontrak-kontrak yang telah pun diusahakan di Sabah dan mungkin di Sarawak, biarlah saya tumpukan kepada Sabah. Kebanyakan kontrak-kontrak ini umpamanya jalan-jalan raya yang selalunya dimiliki oleh kontraktor-kontraktor daripada Semenanjung. Mohon maaf, *but the bottom line is*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah ketulusan dan keikhlasan jabatan atau Jabatan Perdana Menteri ini ataupun kementerian-kementerian lain untuk membantu pengusaha-pengusaha bumiputera dari Sabah dan Sarawak dalam usaha menyeimbangkan bukan sahaja daripada segi perdagangan dan sebagainya, tetapi dari segi ekuiti bumiputera di Sabah.

Yang kedua, sejauh manakah pendekatan baru yang telah diperkenalkan baru-baru ini melalui konsep *cluster* ini dalam usaha memantapkan penglibatan bumiputera khusus Sabah dan Sarawak dalam sektor-sektor ekonomi negara membina kekuatan bumiputera menghadapi saingan global. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa dari segi penswastaan di Sabah seperti mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat iaitu tentang jalan raya, sebenarnya kita tidak ada penswastaan dalam bidang jalan raya. Jadi sebab itu ini tidak termasuk di dalam apa yang menjadi jawapan kepada saya tadi, tetapi sekiranya berlaku dalam penswastaan pada masa-masa yang akan datang, syarat penswastaan itu akan tetap dipertahankan di mana dari segi konsesi kalau syarikat penswastaan, syarikat konsesi mestilah bumiputera mendapat ekuiti tidak kurang daripada 30%. Dan syarat kontraktor iaitu subkontraktor dan sebagainya mestilah tidak kurang daripada 60%.

Dan ini akan diteruskan dan kerajaan tegas dalam hal ini tetapi di dalam proses itu Yang Berhormat sedia maklum mungkin terdapat berlaku sub subkontraktor atau kontraktor-kontraktor yang menyalahgunakan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan ini. Sebab itu dalam Rancangan Malaysia yang kita lalui sekarang ini, Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menetapkan supaya semua agensi kerajaan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi termasuk kementerian-kementerian, agensi pelaksanaan mempunyai satu jawatankuasa khas memastikan pemantauan ini berlaku dan supaya syarat-syarat ini dipenuhi dengan seberapa yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukankah memandangkan kontroversi yang belum diselesaikan mengenai pencapaian bumiputera dalam *equity corporate* khasnya daripada perkiraan Unit Perancang Ekonomi, bukankah ketiadaan Yang Berhormat Menteri yang menjawab khas mengenai perkara ini satu kecuaihan, satu *irresponsibility* yang sangat tinggi. Dan tak boleh dimaafkan oleh kerana dia seorang Senator. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun seorang Senator. Kenapa menteri tidak ada di sini?

Satu isu yang begitu mustahak, khasnya apabila mengenai bumiputera Sabah dan Sarawak, KadazanDusun, Murut dan Iban, mereka boleh dianggap sebagai golongan bumiputera yang terpinggir dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan kemudian, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sekarang angka-angka dan fakta-fakta yang diberikan yang semacam tadi tidak boleh dipercayai oleh sebab ada fakta-fakta yang bercanggah mengenai ekuiti yang ada disebut Yang Berhormat Timbalan Menteri kata 36.6% dalam Bursa Saham Bumiputera, tetapi Yang Berhormat Menteri di luar Dewan kata 21.8% walhal satu kajian bumiputera *incorporate sector* Universiti Malaya Dr. Fazilah Abdul Samad kata, bahawa ialah sebenarnya 33.7%. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kata pun ada kekeliruan bercanggah, satu minggu dahulu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri kata perlu dibetulkan.

Kenapa tidak dibetulkan sehingga mengelirukan *UMNO Assembly*, menyebabkan ucapan-ucapan yang terlampau di buat. Kenapa? Bolehkah meyakinkan kenapa kita boleh percaya fakta-fakta yang diberikan kalau semua ini tidak dibetulkan dan diperjelaskan dan bila ia akan diperjelaskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua sebenarnya tidak ada percanggahan yang berlaku. Maklumat-maklumat yang bercanggah daripada orang luar dengan orang dalam kalau dapat kita kata kerajaan tetap mempertahankan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Peratus. Ini bukan orang luar itu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini dia boleh berdiri.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua saya hendak betulkan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab tentang ekuiti di *listed company* Bursa tetapi kita jawab dari segi keseluruhan *company* 600,000 syarikat yang daftar dengan syarikat Malaysia bahawa ekuiti tetap 18.9% pada tahun 2004.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua mengenai *listed company*, Menteri kata 21.8%, Universiti Malaya kata 33.7%. Kita tidak mahu hirau *Asli report* 45%. Tiga angka kenapa bercanggah? Satu Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu Menteri Jabatan Perdana Menteri, satu Universiti Malaya Dr. Fadzilah...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Nanti sekejap, nanti sekejap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak mahu ambil kira *Asli Report*.

Tuan Yang di-Pertua: Beri peluang Menteri jawab.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua seperti saya jawab tadi dalam jawapan yang lalu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor iaitu bagaimana metodologi kita pakai. Dan saya sebutkan dalam jawapan saya itu kita mempunyai maklumat dan sumber-sumber yang boleh dipertahankan, maklumat-maklumat yang sentiasa kita pakai dan boleh diterima pakai bukan sahaja oleh dalam negara tetapi bahkan World Bank, bahkan bank...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua dia tidak jawab kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri kata *listed company* Bursa Saham 36.6% itu bukan daripada kita, ini daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu fahamkah *simple yes or no*.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua yang saya sebutkan tadi iaitu ekuiti kita berdasarkan ekuiti keseluruhannya bukan ekuiti *listed company*. Jadi kita yang ditanya yang ditimbulkan ialah tentang bagaimana pegangan bumiputera di dalam negara kita. Jadi yang kita jawab ialah ekuiti keseluruhan bukan ekuiti...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua boleh betulkan dia ini tidak faham dia tidak faham.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua sejak bila boleh macam ini..., sejak bila macam ini? Boleh bercakap pergi mari, pergi mari sejak bila peraturan macam ini, sejak bila? Ketua Pembangkang boleh langgar peraturan kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut *listed company*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya ingat cukuplah beri peluang Menteri untuk menjawab ya. Sama ada hendak terima tidak terima terpulang kepada Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya hendak menegaskan lagi bahawa yang saya jawab ialah ekuiti keseluruhan tetapi yang dijawab oleh Timbalan Menteri Kewangan ialah *listed company*. Itu sahaja dua perkara yang berlainan.

5. Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran] Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, berapakah peruntukan serta senarai nama Jalan Luar Bandar (JALB) yang akan dilaksanakan di Sabah dalam RMK-9, berapa banyak jalan yang akan dilaksanakan pada tahun 2007.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Tuan Yang di-Pertua di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sejumlah RM428.83 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan Program Jalan Luar Bandar (JALB) di negeri Sabah. Ia melibatkan pelaksanaan 76 projek bagi pembinaan jalan sepanjang 562.01 kilometer dan 79 unit jambatan. Senarai jalan akan saya serahkan kepada Yang Berhormat bagi Tuaran secara bertulis. Namun demikian berdasarkan kepada peruntukkan Rancangan Malaysia Kesembilan yang diluluskan sejumlah RM79.65 juta dicadangkan untuk diagihkan bagi pelaksanaan projek-projek JALB tahun 2007 di negeri Sabah.

Ia melibatkan pembinaan 27 projek bagi pembinaan jalan sepanjang 164.66 kilometer dan tujuh unit jambatan. Dari jumlah itu 22 batang jalan adalah dalam pembinaan dan lima lagi masih lagi dalam proses rundingan harga dan juga reka bentuk untuk dilaksanakan pada tahun 2007. Sekian.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Panjang jalan raya yang perlu dinaik taraf diaspal dan menggunakan peruntukan JALB negeri Sabah ialah lebih kurang 4,000 kilometer seluruh negeri Sabah tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan seperti mana yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi kita akan dapat menyelesaikan hanya 562 kilometer. Dan semalam Timbalan Menteri Kerja Raya telah menyatakan bahawa hanya 50% daripada keseluruhan senarai peruntukan atau projek yang telah dihantar oleh Kerajaan Negeri Sabah telah diluluskan.

Persoalan saya ada dua sini Tuan Yang di-Pertua, pertama apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk memastikan supaya peruntukan untuk JALB ataupun projek-projek naik taraf jalan-jalan JKR negeri Sabah dapat diberi keutamaan oleh pihak Unit Perancangan Ekonomi.

Sebab sekiranya kita ambil peruntukan ini hanya 562 kilometer dalam satu rancangan Malaysia maka sampai tahun 2020 pun belum setengah pun jalan-jalan rakyat JKR di Sabah ini dapat diaspal. Sedangkan satu jambatan Pulau Pinang RM3 bilion sudah diumumkan begitu sahaja. Kita sebenarnya memerlukan lebih kurang lebih RM4 bilion hingga RM5 bilion untuk mengaspal semua jalan dan kemudahan asas. Soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM600 juta seluruh negara iaitu RM3 juta untuk satu kawasan Parlimen. Persoalan saya ialah bagaimanakah peruntukan ini akan dilaksanakan dan adakah ini hanya untuk parti politik sahaja ataupun untuk keseluruhan. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua soalan di sini jadi bagi bahagian kedua, saya tidak ada maklumat untuk menjawab itu jadi saya serah kepada pihak-pihak yang berkenaan. Bahagian yang pertama memang kementerian sentiasa menjalankan perancangan supaya semua jalan yang telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan seterusnya dapat dinaik taraf secepat mungkin. Namun demikian kita bergantung kepada jumlah peruntukan yang disalurkan oleh pihak kerajaan kepada kementerian.

Yang kedua kita juga mempunyai kesulitan dari segi kapasiti iaitu kementerian tidak mempunyai unit khas untuk menjalankan tugas-tugas bagi melaksanakan jalan-jalan ini. Jadi kita memerlukan kerjasama pihak lain seperti di Sabah, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah (JPPS) dan juga Jabatan Kerja Raya dan ada juga agensi-agensi yang lain seperti FELCRA yang turut mengambil bahagian dalam melaksanakan projek-projek ini. Jadi di sinilah terletaknya masalah yang kita hadapi namun demikian kerajaan atau kementerian akan berusaha untuk memastikan semua jalan di Sabah, bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh negara dapat dinaik taraf. Sekian.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sepanggar.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua ini bukan pelaksanaan sahaja ini peruntukan. Bagi peruntukan kita boleh laksana. Kawasan saya 199 kilometer kita boleh laksana kalau ada peruntukan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat Sepanggar.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana dapat menjawab soalan ini. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kementerian dapat membuat pemantauan mengenai pengendalian kontraktor yang dilantik? Kita tahu bahawa jalan luar bandar dan juga naik taraf jalan luar bandar ini pada ketika ini ada yang di kendali oleh kontraktor yang dilantik. Saya difahamkan bahawa pihak kerajaan tidak ada kakitangan untuk memantau bagaimana mereka melaksanakan dan juga proses pembayaran itu. Saya difahamkan bahawa proses pembayaran itu hanya diasah oleh *consultant* kontraktor itu sendiri.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Bagi pemantauan projek-projek kementerian termasuklah projek jalan luar bandar yang diberi kepada kontraktor-kontraktor, kementerian ada beberapa kaedah bagi memantau projek ini. Satu, adalah melalui Jabatan Pembangunan yang ada di negeri Sabah misalnya, di Sarawak dan juga di negeri-negeri yang lain. Yang kedua, kementerian juga mempunyai pegawai pemantau yang diletakkan di setiap negeri. Yang ketiga, bagi negeri Sabah, kita juga mempunyai satu Jawatankuasa Pemantauan Penyelarasan Projek yang secara kebetulannya dipengerusikan oleh saya sendiri.

Di antara mereka yang terlibat dalam jawatankuasa pemantauan ini adalah agensi-agensi kerajaan negeri termasuklah agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah yang turut serta dalam jawatankuasa ini. Jadi dari segi pembayaran memang kita memerlukan pengesanan daripada konsultan ataupun pihak perunding tetapi pihak perunding ini dilantik oleh kementerian dengan kelulusan, dengan persetujuan, Kementerian Kewangan Malaysia.

6. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, berapakah bilangan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Kolej Profesional Mara (KPM) akan dibina dalam RMK-9 termasuk di kawasan Parlimen Kuala Krau.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun meluluskan sebanyak lapan buah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan dua buah Kolej Profesional Mara (KPM) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di seluruh negara. MRSM tersebut adalah seperti berikut:

- (i) MRSM Rantau, Negeri Sembilan
- (ii) MRSM Johor Bahru, Johor
- (iii) MRSM Tanjong Karang, Selangor
- (iv) MRSM Baling, Kedah
- (v) MRSM Dungun, Terengganu
- (vi) MRSM Sandakan, Sabah
- (vii) MRSM Temerloh, Pahang; dan
- (viii) MRSM Tanah Merah, Kelantan

Manakala KPM pula adalah seperti berikut iaitu:

- (i) KPM Yan, Kedah; dan
- (ii) KPM Bachok, Kelantan.

Kerajaan belum mempunyai perancangan untuk membina MRSM Kuala Krau, Pahang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini kerana kerajaan telah pun meluluskan MRSM Temerloh dalam Rancangan Malaysia Kesembilan selain daripada MRSM Muadzam Shah dan MRSM Kuala Lipis yang telah sedia ada dan MRSM Pekan dan MRSM Bentong yang sedang dalam pembinaan di negeri Pahang. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas Setiausaha Parlimen. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana bersetuju untuk membina MRSM di daerah Temerloh. Soalnya Tuan Yang di-Pertua MRSM Bentong di dalam pembinaan dan MRSM Temerloh di kawasan Lanchang akan dibina dan jarak lebih kurang hanya 30 kilometer sahaja di antara MRSM Bentong dan juga MRSM Temerloh. Soalan saya adakah pembinaan satu-satu MRSM ini mempunyai syarat-syarat tertentu termasuk juga jarak di antara satu sama lain, kerana saya percaya Parlimen Kuala Krau juga termasuk di dalam daerah Temerloh.

Kenapakah MRSM di Temerloh itu tidak dibina di kawasan Kuala Krau yang jaraknya lebih kurang 100 kilometer daripada MRSM yang di dalam pembinaan di Bentong. Harapan saya juga agar pengambilan pelajar MRSM di Tingkatan 1 hendaklah ditingkatkan sejajar dengan pengambilan tambahan bagi pelajar-pelajar di UiTM. Sekian, terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak ada syarat tertentu dari segi jarak satu kawasan dengan kawasan yang lain. Walau bagaimanapun di dalam konteks MRSM Temerloh iaitu telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ianya baru di dalam senarai dan dari segi penentuan tapak ianya masih boleh dibincangkan dan juga masih boleh dipohon oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krau yang secara kebetulan kawasan yang dimaksudkan adalah terletak dalam daerah Temerloh juga yang berdekatan dengan Kuala Krau.

Mengenai cadangan saranan penambahan pengambilan pelajar MRSM, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tambahan pengambilan pelajar di UiTM telah pun diumumkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri maka MARA sebagai agensi kerajaan adalah peka dan sentiasa mengikuti perkembangan ini. Saranan Yang Berhormat boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

7. Tuan Jimmy Donald [Sri Aman] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan dagangan dan hubungan di antara Malaysia dan negeri China.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu bagi meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan China. Ini termasuk melalui rombongan dan pameran galakan perdagangan dan pelaburan ke China. Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Ekonomi dan Perdagangan Malaysia-China atau *Joint Economic and Trade Commission* (JETC) dan Perjanjian Perdagangan Bebas, *Free Trade Agreement* atau (FTA) ASEAN dan China. Tuan Yang di-Pertua, rombongan dan pameran galakan perdagangan dan pelaburan ke China telah berjaya dalam mempromosikan eksport barangan dan sektor perkhidmatan Malaysia.

Mengukuh dan mewujudkan peluang kerjasama di antara Malaysia dan China, mengeratkan hubungan dua hala perdagangan dan ekonomi, dan memaklumkan sektor swasta di China mengenai kedudukan ekonomi serta peluang-peluang pelaburan dan perdagangan di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Ekonomi dan Perdagangan Malaysia-China merupakan satu mesyuarat tahunan yang dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Pengadangan Antarabangsa dan Industri Malaysia dan Menteri Perdagangan China. Mesyuarat ini bertujuan menangani isu-isu serta mengeratkan kerjasama berkaitan perdagangan dan pelaburan.

Akibat mesyuarat-mesyuarat itu, Malaysia dan China juga telah bersetuju mengadakan kerjasama dalam sektor-sektor berikut:

- (i) promosi perdagangan;
- (ii) pembinaan dan infrastruktur;
- (iii) teknologi maklumat dan komunikasi;
- (iv) penyelidikan dan pembangunan berkenaan penggunaan minyak sawit dalam barangan makanan, insurans, pelancongan, pameran perdagangan dan promosi pelaburan secara bersama; dan
- (v) pembinaan dan pemburuan.

Tuan Yang di-Pertua dari tempoh 1997 hingga 2005, pelaburan Malaysia di China berjumlah RM10.3 bilion. Hampir 7% daripada jumlah ini adalah merupakan pelaburan dalam sektor pembuatan termasuklah elektrik dan elektronik, industri berkaitan kaca, automobil serta tekstil dan pakaian, pertanian, perhutanan, perikanan dan penternakan, hartanah, telekomunikasi, kesihatan dan pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia melalui ASEAN juga sedang merundingkan FTA dengan China. Program Tuaian Awal atau *Early Harvest Program* telah mula dilaksanakan pada Januari 2004 dan tarikh kadar semua produk di dalam senarai (EHP) atau *Early Harvest Program* itu telah dilupuskan pada 1 Januari 2006. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2006, eksport Malaysia ke China di bawah EHP adalah sebanyak RM373.7 juta. Import dari China pula berjumlah RM20.8 juta bagi tempoh masa yang sama. FTA dalam sektor barangan telah mula dilaksanakan pada Julai 2005. Akibat FTA ASEAN-China, cukai import telah dikurangkan kepada 0.5% atas 40% barangan import pada tahun yang sama dan pada tahun 2007 ke 60%.

Cukai import barangan antara ASEAN dan China akan dihapuskan pada tahun 2010. Rundingan dalam sektor perkhidmatan dan pelaburan sedang berjalan. Dan untuk melicinkan dan mempromosikan perdagangan antara China dan Malaysia, MITI telah menumpukan satu pejabat MITI, satu pejabat MIDA dan tiga pejabat MATRADE di bandar-bandar utama di negara China. Sekian, terima kasih.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen atas usaha mereka yang gigih. Pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kementerian untuk menentukan perdagangan kita ini lebih rapat, lebih erat dan lebih lumayan?

Apakah saranan dan kerjasama yang telah dibuat dengan kementerian-kementerian lain seperti saranan mungkin minta Kementerian Luar Negeri mengadakan lebih ramai lagi *Mandarin Speaking Diplomat* di China. Ataupun Kementerian Pelajaran untuk mengadakan lebih ramai lagi penuntut-penuntut yang mengambil bahasa Cina dan kementerian-kementerian lain supaya jangan ada andaian yang tidak sihat apabila ada perempuan dari negeri China datang ke sini, mereka ada tujuan yang tidak baik. Jadi saya ingin tahu, apakah usaha yang telah dibuat dan disarankan kepada kementerian-kementerian yang lain?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat JETC yang saya sebutkan itu melibatkan bukan sahaja Kementerian MITI tetapi melibatkan banyak bidang dan banyak kementerian-kementerian. Ini akan membantu peningkatan hubungan antara negara China dan Malaysia. Misalnya kita ada kerjasama di bawah mesyuarat ini, kita ada kerjasama dan persijilan produk dan kualiti dilaksanakan oleh SIRIM dan *Certification and Accreditation Administration of China*. Selain daripada itu, kita juga ada kerjasama dalam sains dan teknologi. Ini dilaksanakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan *National Remote Sensing Center* negara China.

Kita juga ada kerjasama dalam minyak dan *national gas* yang dilaksanakan oleh Petronas dengan China National Petroleum Corporation atau CNPC dan kita ada kerjasama dengan kastam yang dilaksanakan oleh Kastam Diraja Malaysia. Dalam mesyuarat ini, kita telah mencapai kongsi maklumat dan juga kerjasama dalam penguatkuasaan dan latihan pegawai kastam. Dan lagi ada kerjasama dalam ICT yang dilaksanakan oleh MTC Malaysia dan kita juga ada penukaran maklumat dan kerjasama dalam bidang pertanian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Pertanian negara China, dan lain-lain seperti *tourism*, pelancongan serta pelajaran. Dalam bidang masing-masing, kementerian telah mengambil tindakan yang sewajarnya. Walaupun pada peringkat ini, mungkin kita belum mencapai apa yang kita hasratkan tetapi kita telah mengambil semua langkah-langkah yang akan mengeratkan hubungan antara negara China dan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, MITI adalah sebuah kementerian yang mengendalikan perdagangan antara negara kita sama ada dua hala, serantau dan sebagainya. Persoalan saya ini ialah berkaitan dengan, saya diberitahu oleh satu sumber bahawa ada 1,300 kereta Proton kita tersadai di Tanjung Priok, Jakarta sejak dua, tiga tahun ini. Perkara ini berlaku kerana pihak bank di Indonesia tidak mahu memberikan pinjaman untuk membiayai masalah kereta ini.

Dan yang lebih malang, bank-bank kita yang ada saham di bank-bank Indonesia pun tidak mahu kerana kononnya kereta ini akan digunakan untuk menjadi teksi di Indonesia. Saya nak tahu daripada pihak kementerian, bagaimana cerita ini berlaku dan sejauh mana kebenaran cerita ini? Ini saya minta satu penjelasan yang jelas daripada kementerian.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu kes spesifik. Saya masih belum dapat maklumat yang sebenarnya dan saya akan balik ke kementerian saya dan saya akan buat siasatan dan memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada satu masa hadapan. Sekian, terima kasih.

8. Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, ada berapakah kategori pemohon yang ingin memohon kerakyatan Malaysia dan menyatakan proses yang perlu dilalui bagi setiap kategori dan tempohnya sekali.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kategori dan syarat-syarat permohonan kewarganegaraan adalah tertakluk pada peruntukan di Bahagian 3, Perlembagaan Persekutuan. Terdapat dua kategori permohonan untuk menjadi warganegara Malaysia iaitu, pertama, permohonan dengan cara pendaftaran yang mengandungi sub kategori berikut:

- (i) permohonan oleh isteri asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan;
- (ii) permohonan anak-anak salah seorang ibu bapa yang bertaraf warganegara Malaysia di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan;
- (iii) permohonan di bawah keadaan khas di bawah Perkara 15(a) Perlembagaan; dan
- (iv) permohonan oleh orang-orang yang dilahirkan di Persekutuan sebelum hari merdeka di bawah Perkara 16 Perlembagaan.

Kedua, permohonan dengan cara kemasukan atau naturalisasi yang mengandungi sub kategori seperti berikut:

- (i) permohonan oleh orang asing yang telah menetap di negara ini selama 12 tahun atau lebih di bawah Perkara 19(1), dan 19(2) Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, semua permohonan kewarganegaraan boleh dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara di peringkat negeri atau ibu pejabat. Di antara proses yang perlu dilalui ialah semakan borang dan dokumen-dokumen yang disertakan seperti dokumen perjalanan, sijil kelahiran, permit masuk, dokumen ibu bapa serta adik-beradik. Di antara perkara yang disemak untuk memastikan dokumen yang dikemukakan ialah dokumen yang sah dan maklumat yang dikemukakan tidak dipalsukan. Bagi permohonan di bawah Perkara 16, 19(1) dan 19(2) Perlembagaan, disyaratkan supaya menduduki ujian bahasa Melayu. Dan bagi pemohon yang berumur lebih 18 tahun, perlu ditapis oleh pihak polis sama ada pemohon pernah melakukan jenayah.

Secara umumnya, setiap permohonan kewarganegaraan akan dapat diselesaikan dalam tempoh dua tahun. Walau bagaimanapun, sama ada permohonan tersebut perlu diputuskan dalam tempoh dua tahun atau sesuatu tempoh yang lebih lama lagi adalah tertakluk kepada Kerajaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan yang di-Pertua. Di mana apa yang diterangkan dalam jawapan tadi ada dua jenis pendaftaran dan juga satu lagi kemasukan di bawah Peraturan 15(1) dan 19(1). Di sini saya bermasalah di kawasan saya terutamanya kawasan yang bersepadan dengan negara jiran. Di mana ada rakyat negara kita yang berkahwin dengan rakyat seperti di tempat saya di Thailand tanpa mendaftar sebagai warganegara Malaysia. Maka timbul masalahnya apabila sampai satu peringkat anak ini tidak didaftar, tidak mendapat surat beranak.

Apakah kes-kes seumpama ini yang melibatkan rakyat negara kita dengan rakyat asing. Seperti rakyat negara Thailand yang berkahwin diberi satu kemudahan untuk memohon kerakyatan negara kita. Kerana mereka ini kita sahkan bahawa isteri dan juga anak-anak. Apabila besar anak-anak ini bermasalah apabila hendak memasuki sekolah. Sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Sekian terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, isteri warga asing yang berkahwin dengan suami bertaraf warganegara Malaysia beliau boleh mohon taraf kewarganegaraan melalui 15(1) dan kes-kes yang disebut tadi, memanglah anak-anak yang dilahirkan merupakan di luar nikah kerana mereka tidak mengatakan perkahwinan yang sah, yang tidak betul. Jadi oleh itu, anak-anak yang hendak memohon taraf kewarganegaraan kena mengikut perkara 15(a) iaitu kuasa-kuasa khas bagi mendaftar kanak-kanak dengan syarat pertama berumur kurang 21 tahun.

Seorang Ahli: Anak Luar nikah...

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa pihak kementerian dalam bab ini agak lembap. Kita lihat bahawa banyak lagi kes-kes yang telah membuat permohonan begitu lama. Saya rasa ada setengah ada sampai 15-20 tahun pun ada, tapi masih tidak ada satu keputusan. Bolehkah kementerian mengadakan satu tempoh masa *time frame*, di mana setiap permohonan mesti ada keputusan ataupun satu jawapan sama ada permohonan itu diluluskan ataupun tidak supaya orang ramai tahu macam mana hendak bertindak.

Kita lihat begitu banyak yang *hanging* macam itu, tidak tahu mana arahnya. Saya minta supaya kementerian lebih serius dalam bab ini supaya dapat mengatasi masalah orang-orang yang bukan kerana kesalahan mereka, tetapi mungkin kerana masalah teknik dan sebagainya menjadi menganiayai. Saya hendak minta sama ada kementerian mempunyai maklumat berapa banyak permohonan yang terdapat masih tertunggak dan berapa masih belum diluluskan. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pemberian kewarganegaraan merupakan anugerah tertinggi dan surat berharga kerajaan. Jadi kementerian ini sangat serius, bukan tidak serius, sangat serius. Oleh itu kementerian ini sentiasa mengambil sikap berhati-hati di dalam membuat keputusan. Setiap permohonan diteliti dengan rapat...

Tuan Yang di-Pertua: Rapi!

Datuk Tan Chai Ho: Rapi. Minta maaf...! Jadi Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada kes-kes yang belum diselesaikan, tetapi kita telah berusaha supaya memproses lebih cepat. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, ada perangkaan yang saya dapat pada tahun 1995 hingga 2005 terdapat bilangan permohonan adalah 47,811 dan yang diluluskan adalah 16,868. Jadi ini bermakna 35% dari jumlah permohonan telah berjaya untuk memperoleh taraf kewarganegaraan. Sekian, terima kasih.

9. Ir Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah peratusan lulus bagi PTK untuk kakitangan awam pada tahun 2005 dan 2006. Apakah markah lulus bagi PTK yang selama ini tidak pernah disiarkan untuk makluman awam. Adakah kerajaan bersedia mengkaji semula kandungan kursus dan mekanisme peperiksaan PTK dalam menentukan kenaikan pangkat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2005 sebanyak 70.56% kakitangan awam yang menduduki PTK telah lulus atau melepasi tahap kompetensi. Walau bagaimanapun, peratusan lulus PTK pada tahun 2006 belum lagi dapat dikeluarkan memandangkan kebanyakan jabatan masih melaksanakan PTK.

Markah minimum lulus PTK ialah 60%, perkara ini dijelaskan melalui siri penerangan dan taklimat kepada kementerian, jabatan negeri dan agensi-agensi yang berkenaan. Kerajaan telah menetapkan bahawa PTK merupakan satu syarat kenaikan pangkat dalam Sistem Saraan Malaysia. Walau bagaimanapun kaedah pelaksanaan PTK telah dimantapkan sejak 1 Januari 2005 yang turut mengambil kira semakan terhadap aspek kandungan kursus dan mekanisme peperiksaan. Selain itu kerajaan juga telah memutuskan pelbagai kaedah selain daripada peperiksaan yang boleh digunakan sebagai pengganti atau pelengkap komponen PTK.

Ir Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa banyak rungutan, keluhan telah dikeluarkan oleh kakitangan awam tentang PTK ini. Mereka mempertikaikan tentang sama ada ini relevan atau tidak. Dari segi kandungan kursus dan cara kita mengendalikan PTK ini di mana mereka itu tidak secara langsung terlibat dalam prosedur yang sepanjang hayat dia tidak pernah. Sebagai contoh, kalau seorang diplomat takkan dia tidak tahu tentang prosedur kewangan di kerajaan tempatan. Jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat, memandangkan begitu banyak rungutan telah dikeluarkan oleh kakitangan awam dan kalau hendak lepas, orang yang lepas PTK pun tidak menjamin akan memberi perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang.

Apa pandangan dan pendirian kerajaan tentang perkara ini. Adakah ianya akan dimansuhkan dan hanya memilih agensi ataupun mengendalikan atau mereka bentuk satu kursus yang *relevant* dengan jabatan. Apa pendirian kementerian sekarang? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan awam kita ataupun pegawai dan kakitangan merupakan satu sektor yang sentiasa berkembang maju ke hadapan. Ia melibatkan faktor kemanusiaan dan sebagainya selain daripada faktor perkhidmatan. Jadi kalau kita lihat pada masa yang lepas dalam SSB yang kita laksanakan pun ada juga pada waktu itu tujuan kita untuk memastikan bahawa perkhidmatan awam kita terus maju ke hadapan dan kita adakan SSB dan ini pun ada kelemahan-kelemahannya. Sebab ada yang menyatakan SSB ini kalau kita mengampu bos baru kita boleh naik pangkat dan sebagainya, orang yang jauh dari pandangan ketua jabatan tidak mendapat perhatian dan sebagainya. Banyak masalah yang dihadapi dan sebab itu kerajaan pada 2003 ataupun pada hujung 2002 yang lalu telah memperkenalkan SSM.

Ini menyebabkan kita mengkaji semula bahawa kelemahan-kelemahan dalam SSB untuk diperbaiki dalam SSM dan sebab itu kerajaan memperkenalkan PTK ini. Selain daripada tugas harian mereka, kerajaan melihat bahawa semua kakitangan perlu mengetahui perkhidmatan mereka selain daripada perkhidmatan yang khusus kepada mereka sendiri.

Dalam PTK ini untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada kita mengadakan penilaian melalui ketatanegaraan, perkhidmatan awam, maklumat-maklumat yang harus diketahui oleh semua pegawai perkhidmatan, mereka juga ada satu lagi komponen yang diuruskan oleh jabatan masing-masing ataupun agensi masing-masing yang terus dengan mereka. Umpamanya kalau bidang kedoktoran mereka terpaksa menghadapi peperiksaan ataupun menghadapi PTK yang ada kaitan dengan bidang kedoktoran.

Begitu juga dalam bidang pertanian dan dalam bidang-bidang lain dan di samping itu komponen yang ketiga ialah mereka juga dikehendaki untuk menghadiri kursus yang telah dikhaskan. Pihak kerajaan sebenarnya tidak membebankan pegawai-pegawai yang terlibat kerana mereka ini diuruskan oleh jabatan ataupun agensi, PTK ini diuruskan oleh jabatan dan agensi masing-masing. Hanya panduan diberikan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga mendapat begitu banyak keluhan terutama mereka yang menggunakan kemahiran seperti doktor-doktor yang di hospital terutamanya, pakar bedah, pakar jantung contohnya. Jadi banyak keluhan yang disampaikan kepada saya, oleh kerana mereka ini, terutama kerja mereka banyak, mereka terpaksa *on call* selalu dan mengapa mereka harus diuji dan sebagai seorang pakar untuk menjadi seorang pakar perubatan, pakar klinikal mereka sekurang-kurangnya harus belajar sepuluh tahun, enam tahun untuk *undergraduates* dan empat tahun lagi untuk *post graduates*, sepuluh tahun dan setelah mereka menjadi pakar, mereka ini harus diuji lagi untuk kenaikan pangkat.

Jadi mereka merasakan ini tidak adil dan kebanyakan mereka oleh kerana kita tahu di hospital, kekurangan pakar bedah, kekurangan pakar jantung dan kekurangan pakar-pakar perubatan dan oleh kerana mereka melalui proses ini setelah berkhidmat lama pun mereka tidak naik pangkat dan akhirnya mereka meninggalkan perkhidmatan kerajaan. Dan akhirnya di sektor kerajaan kita mengalami kekurangan mereka yang betul-betul mahir dan seharusnya mereka itu kalau pakar bedah harus diuji kemahiran mereka dari segi pembedahan, harus diuji kemahiran mereka dari segi merawat mereka yang terkena sakit jantung. Jadi saya ingin mempersoalkan apakah ini masih relevan kepada golongan ataupun profesion yang menggunakan kemahiran di dalam kerja harian mereka.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan kerajaan memang saya sebut awal-awal tadi iaitu perkara ini kita dari semasa ke semasa ada buat kajian, penelitian. Sekiranya sesuatu perkara baru boleh memperbaiki perkhidmatan awam kita, kita akan ambil pandangan-pandangan itu, tetapi untuk makluman Yang Berhormat kekurangan doktor ini adalah satu perkara yang berlainan. Dan ini di bawah Kementerian Kesihatan pula, ini tentang *ratio* dan kekurangan perkhidmatan ini adalah satu perkara yang berlainan. Sekiranya *ratio* ini sudah mencukupi..., hampir, maka tidak timbullah masalah tadi, masalah *on call* dan sebagainya, saya yakin. Sekiranya semuanya elok alhamdulillah, tetapi masalah kita ini ibaratkan, kain singkat, tarik di sini naik, di sini nampak. Itulah maksud saya Tuan Yang di-Pertua.

10. Datuk Haji Mohd said bin Haji Yusof [Jasin] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kerajaan tidak berhasrat untuk menaikkan bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama negeri-negeri memandangkan pada masa ini kita sedang menghadapi gejala sosial yang kritikal dan sekolah-sekolah agama negeri ini boleh mengeluarkan modal-modal insan yang baik dan bermaruah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia menyedari peranan semua sekolah termasuk Sekolah Agama Negeri dalam membentuk modal insan yang baik dan bermaruah sebagai aset pembangunan negara. Justeru Kementerian Pelajaran tidak pernah mengabaikan pembangunan prasarana pendidikan bagi semua sekolah di bawah kementerian sama ada sekolah kerajaan mahupun sekolah bantuan kerajaan termasuklah sekolah-sekolah agama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah memutuskan supaya Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah-sekolah Agama Negeri (SAN) berdaftar dengan Kementerian Pelajaran sebagai sekolah agama bantuan kerajaan. Sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan akan menikmati bantuan sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh seperti yang dinikmati oleh sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang lain. Dari segi bantuan per kapita sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan juga akan mendapat kadar bantuan per kapita yang sama dengan sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah-sekolah bantuan kerajaan. Sehingga kini sebanyak 101 Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat telah didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai sekolah agama bantuan kerajaan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya kerajaan telah membuat pengumuman supaya satu pelajaran yang baru diperkenalkan di sekolah iaitu J-QAF. Sehingga pada hari ini benda ini belum menyeluruh lagi dan pada hari ini kita lihat bahawa bantuan per kapita kepada Sekolah Agama Negeri tidak cukup. Mengapa J-QAF ini tidak dapat meluas, mungkin disebabkan Kementerian Pendidikan tidak mempunyai tenaga yang cukup, mengapa tidak bantuan yang lebih diberi kepada Sekolah Agama Negeri supaya mata pelajaran-mata pelajaran sebagaimana J-QAF ini dapat dijalankan sekarang, juga tidak payah menunggu sampai kakitangan yang cukup diadakan untuk pendidikan rendah biasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas soalan tambahan tadi. Memang kerajaan telah memperkenalkan satu mata pelajaran yang baru J-QAF di sekolah-sekolah kebangsaan dan sama ada kakitangan cukup pada masa ini, ini adalah satu soalan yang spesifik dan saya akan maklumkan nanti. Cuma daripada segi bantuan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat, saya ingin menyatakan di sini bahawa sekolah-sekolah ini menerima lain-lain bantuan daripada bantuan per kapita geran iaitu bantuan fizikal sekolah, bantuan dari segi perjawatan guru dan staf sokongan, bantuan aset, bantuan per kapita mata pelajaran dan juga bantuan buku teks.

Dari segi bantuan aset dan harta modal untuk sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan, pada tahun 2005 sebanyak RM8.9 juta telah dihulurkan dan sehingga Jun tahun ini sebanyak 1.5 juta. Manakala dari segi geran per kapita setakat ini sebanyak RM6.03 juta telah dihantar kepada sekolah dan untuk projek pembangunan RM52.7 juta bagi projek-projek dua tahun untuk 65 Sekolah Agama Rakyat telah dijalankan. Terima kasih.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana telah mengambil alih Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini. Jadi soalan tambahan saya ialah setakat ini berapa banyak Sekolah Agama Rakyat ini telah diambil alih dan bagi yang belum diambil alih itu bagaimana kedudukan sekolah-sekolah tersebut? Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian telah menerima permohonan daripada 383 sekolah dan setakat ini sebanyak 101 sekolah telah diluluskan dan antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ialah supaya membolehkan Sekolah Agama Rakyat ini didaftar dengan kementerian dan beberapa langkah telah diambil, di antaranya, nombor satu memberi taklimat yang jelas tentang tujuan dan faedah mendaftar Sekolah Agama Rakyat dengan kementerian dan taklimat ini diberikan kepada kerajaan negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Badan Perhubungan UMNO Negeri dan sekolah-sekolah yang berkaitan supaya tidak disalahfahamkan oleh pihak-pihak berkepentingan. Pada masa yang sama kementerian juga mempercepatkan pemberian bantuan kepada sekolah-sekolah yang berdaftar dari segi yang saya sebutkan tadi, iaitu bantuan fizikal sekolah perjawatan guru dan sebagainya, dan akhirnya kementerian telah mengambil inisiatif untuk mendokumenkan maklumat berhubung dengan program pendaftaran Sekolah Agama Rakyat untuk disebarkan kepada umum dalam bentuk *brochure*, *pamphlet* dan juga risalah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahaja Jawapan Lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Isu Sensitif dan Menghasut Dalam Perhimpunan Agung UMNO

11.30 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengemukakan usul yang berbunyi, bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Dewan yang mulia ini memberi laluan kepada Ahli Parlimen bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, untuk membawa satu usul mengenai perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan ialah Perhimpunan Agung UMNO dan Pemuda UMNO yang tidak sensitif, bersifat mengapi-api dan menghasut... *[Disampuk]*

Walaupun dalam ucapan dasar Presiden UMNO pada minggu lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa akhir-akhir ini kita menyaksikan peningkatan polemik berhubung isu kaum dan agama yang telah sampai ke tahap yang mencetuskan kebimbangan, tetapi Perhimpunan-perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung selama lima hari ini merupakan manifestasi terburuk terhadap polemik berhubung isu kaum dan agama yang begitu negatif, bersifat memecah belah dan memusnahkan... *[Disampuk]*

Pemimpin Pemuda UMNO dan Menteri Pelajaran menghunus keris Melayu untuk tahun kedua berturut-turut, *insensitivity* nya bertambah perit dengan retorik seorang perwakilan UMNO menanyakan bila keris itu akan diguna apabila ianya telah dicabut, dicitum dan dilayang dua kali... *[Disampuk]* Bersetuju itu?

Ancaman Mei 13 yang ditimbulkan semasa Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu dibangkitkan sekali lagi di mana seorang perwakilan UMNO memberi amaran bahawa UMNO rela berkorban nyawa dan bermandikan darah... *[Disampuk]* Seorang lagi memberikan amaran bahawa orang Melayu mungkin mengamuk sementara mengancam bahawa Kuala Lumpur akan menjadi padang jarak padang tekukur.

Perhimpunan Agung UMNO 2006 merupakan satu titik hitam yang paling serius dalam pembinaan negara Malaysia untuk tiga dekad yang lepas di mana ianya telah:

- (i) menjejaskan perpaduan nasional dan pembinaan bangsa Malaysia sebagai objektif Wawasan 2020;
- (ii) menjejaskan daya saingan antarabangsa dan menakutkan pelaburan asing; serta
- (iii) membangkitkan persoalan sama ada perayaan ulang tahun kemerdekaan ke-50 tahun depan merupakan satu perayaan bermakna untuk semua rakyat Malaysia.

Satu perbahasan tergepang oleh Parlimen adalah diperlukan untuk menebus balik kerosakan serius yang dilakukan oleh Perhimpunan-perhimpunan Agung UMNO... *[Disampuk]* Terhadap seluruh jiwa rakyat Malaysia, pembinaan negara dan juga daya saingan dan tarikan antarabangsa Malaysia sebagai satu pusat pelaburan untuk menghadapi cabaran globalisasi. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Ipoh Timor pada hari Isnin, 20 November 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini adalah satu perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai, ia adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini tidak perlu disegerakan... *[Disampuk]*
[Tepuk]

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Presiden UMNO semasa pengguling perbahasan perwakilan Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini telah menjelaskan teras dasar-dasar mengenai perkongsian kuasa, pemeliharaan hak setiap rakyat di bawah Perlembagaan Malaysia dan hasrat beliau sebagai ketua kerajaan dan parti untuk mentadbir negara dengan adil dan saksama kepada semua. Oleh yang demikian, saya menolak Usul itu di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2)... *[Tepuk]*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Jawatankuasa

Aturan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. “*[Hari Kesepuluh]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.27 [Jadual]

Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2007]

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya. Saya jemput Yang Berhormat bagi Johor Bahru.

11.36 pagi

Dato’ Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian juga dalam perbahasan berhubung dengan Maksud Pembangunan P.27 bagi Kementerian Kerja Raya. Hanya beberapa perkara yang saya hendak timbulkan yang ada kaitannya dengan jalan raya dan jambatan, naik taraf jalan raya dan laluan ataupun naik taraf jalan-jalan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Semuanya berhubung dengan soal sektor *infra* yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya. Saya ingin mendapat pandangan daripada pihak Menteri Kerja Raya mengenai dengan soal *design and build*, dengan izin, ataupun reka dan bina yang menjadi amalan bagi sesetengah projek infrastruktur khususnya jalan raya yang dikendalikan oleh Kementerian Kerja Raya.

Pengalaman yang lalu telah menunjukkan bahawa projek-projek *design and build*, dengan izin Tuan Pengerusi, ialah menunjukkan satu keadaan yang berhadapan dengan pelbagai masalah dan telah melibatkan perbelanjaan tambahan daripada pihak kerajaan bagi projek-projek *design and build* dan oleh itu saya berharap bahawa di dalam pengendalian kewangan yang telah diberikan oleh Kementerian Kerja Raya bahawa menteri yang berkenaan atau kementerian yang berkenaan akan mengambil tindakan untuk menentukan supaya adanya projek laluan naik taraf bagi jalan raya atau pembinaan jalan raya yang baru tidak dilaksanakan secara *design and build* kerana pertamanya mungkin ia boleh menimbulkan masalah dari segi untuk menentukan siapa yang tersilap dari segi pelaksanaan projek itu.

Dari segi masalah MRR2 yang telah kita lihat, kita difahamkan bahawa perbelanjaan tambahan bagi membetulkan atau mengubahkan projek ini untuk disempurnakan semula supaya boleh digunakan oleh orang ramai mungkin naik sampai peringkat RM80 juta. Jadi sehingga hari ini kita tidak mengetahui siapakah pihak yang telah dipertanggungjawabkan untuk membayar perbelanjaan tambahan itu. Kita juga tidak mendengar sama ada pihak yang melaksanakan sama ada kontraktor ataupun perunding telah dikenakan apa-apa tindakan di atas kesilapan yang telah berlaku. Jadi saya juga merujuk kepada naik taraf sebuah jalan berdekatan dengan Johor Bahru iaitu Jalan Tampoi. Saya difahamkan bahawa sepatutnya projek itu dibina secara empat pakej tetapi difahamkan bahawa pihak Kementerian Kerja Raya ingin menggabungkannya sebagai satu pakej supaya dijadikan sebagai satu projek *design and build*. Dan kalau itu menjadi matlamat Kementerian Kerja Raya saya bimbang bahawa ia akan menimbulkan masalah yang perlu tindakan tambahan; kedua, akan mengurangkan penglibatan bilangan kontraktor dan juru perunding yang boleh terlibat apabila ia dijadikan sebagai empat pakej daripada apa yang saya dengar ura-ura hendak dijadikan sebagai satu pakej semata-mata.

Jadi saya berharap bahawa Menteri Kerja Raya akan memberi penjelasan sama ada projek Jalan Tampoi di Johor Bahru itu naik taraf Jalan Tampoi itu akan dikendalikan sebagai cadangan asalnya iaitu sebagai empat pakej dan bukan digabungkan menjadi satu pakej dan dijadikan pula sebagai satu projek *design and build*. Sebagaimana yang kita tahu bahawa masalah yang telah kita hadapi dengan pihak kontraktor dan juru perunding dalam projek MRR2 ialah di Kuala Lumpur ini.

Perkara yang kedua yang saya hendak timbulkan ialah tentang soal pampasan yang juga merupakan sama perbelanjaan tambahan kerajaan kepada projek-projek pembinaan. Kita tahu bahawa projek Jambatan Indah yang dipanggil Jambatan Indah dari Johor Bahru ke tengah Tambak Johor telah dibatalkan, dan telah juga timbul soal pampasan kepada pihak kontraktor yang terlibat. Daripada maklumat yang kita terima adanya menyatakan bahawa ia dalam jangkaan RM100 juta. Pihak kontraktor pula minta sampai RM380 juta. Saya bimbang kalau kontraktor minta RM380 juta bahawa Kementerian Kerja Raya dan kerajaan akan pula mengambil jalan mudah untuk mencari angka di antara RM100 juta dan RM380 juta.

Sedangkan pada anggapan saya sudah tentulah mesti adanya asas-asas untuk menentukan jumlah pampasan yang hendak dibayar. Dan asas-asas pampasan itu hendaklah juga mengambil kira bukan sahaja perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh pihak kontraktor untuk memulakan projek yang berkenaan, tetapi juga untuk mengambil kira bahawa dari segi pampasan, aspek kehilangan keuntungan janganlah berdasarkan kepada pula 30% margin ataupun keuntungan 30% yang didakwa menjadi amalan biasa di dalam projek-projek *design and build*. Saya difahamkan daripada rakan-rakan saya bahawa kalau biasanya dibawa ke mahkamah pun pihak mahkamah akan hanya memberi di antara 8 atau 9% margin sahaja dari segi kehilangan keuntungan.

Jadi saya berharaplah bahawa pihak kerajaan akan tidak memilih atau memutuskan memberi pampasan yang keterlaluan, kerana apa pun kita hendak kata, akhirnya ini semua ialah merupakan dana awam. Ia merupakan duit rakyat yang dipungut melalui cukai dan haruslah kita sebagai pemerintah berjimat dari segi mengeluarkan pembayaran-pembayaran yang terlalu tinggi.

Akhir sekali berhubung dengan soal kerja Kementerian Kerja Raya khususnya dari segi projek CIQ yang sudah dibina. Saya berharap bahawa Kementerian kerja Raya akan mengambil tindakan segera untuk menghubungkan Tambak Johor kepada bangunan CIQ yang bakal siap dan tidaklah ia menjadi terpampang begitu sahaja tanpa digunakan.

Jadi saya berharap bahawa Kementerian Kerja Raya akan menentukan agar perbelanjaan yang telah diluluskan oleh Parlimen di bawah bajet kita ini akan digunakan dengan sebaiknya dan bukan memerlukan perbelanjaan yang berlebih-lebihan terutamanya melalui pampasan, melalui perbelanjaan tambahan untuk membetulkan projek-projek yang tidak diseliatkan dengan baik dan supaya apa yang kita dapat akhirnya menepati dengan kadar perbelanjaan yang telah diberikan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat yang ingin berucap saya beri kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor dahululah.

11.45 pagi

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya rujuk kepada Butiran 010000 - Pengurusan Kementerian Kerja Raya. Barangkali tajuk-tajuk lain pun terlibat dengan ucapan pendek yang saya akan suarakan. Tuan Pengerusi, Kementerian Kerja Raya adalah diketuai oleh Dato' Seri S. Samy Vellu semenjak tahun 1982. Apa yang penting ialah Tuan Pengerusi, adakah Menteri ini layak untuk mengekalkan jawatan dia sebagai Menteri Kerja Raya?... *[Dewan riuh] [Disampuk]* Tuan Pengerusi ini ada kaitan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu dasar Yang Berhormat .

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan dasar, ini kaitan dengan pengurusan. Dia yang mengetuai kementerian ini. Ada kaitan, mana tidak ada kaitan. Berkaitan dengan semua butiran bawah kementerian ini. Saya berucap sebagaimana saya menyuarakan tadi Tuan Pengerusi. Ini kerana adalah apa yang terjadi dalam perhimpunan UMNO baru-baru ini. Ada dikatakan oleh seorang wakil dalam mesyuarat ini iaitu Menteri Kerja Raya, Dato' Samy Vellu adalah seorang biadab kerana dia ada satu selisih faham dengan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Koh Tsu Kun.

Dan ini ada dilakukan di hadapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah Menteri ini pada masa itu satu tetamu khas yang ada di sana dengar apa yang terjadi, apa yang disuarakan tetapi adakah dia bangun untuk membuat apa-apa protes? Dalam fikiran saya menteri ini tidak ada hak untuk menjadi Menteri Kerja Raya kerana dia tidak mempertahankan maruah dia dan juga Tuan Pengerusi apa yang dikatakan MIC adalah satu parti untuk perjuangan akar...

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Pengerusi ini tidak ada kena mengena dengan Butiran. Fasal apa hendak beri dia laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya saya tahu. Saya sudah tegur Yang Berhormat. Sila duduk.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini bukan dasar. Ini pengurusan. Jika menteri ini tidak layak untuk mengekalkan jawatan dia, itu bermakna tidak payah untuk memberi peruntukkan apa-apa kepada kementerian ini. Mana boleh tidak ada kaitan. Ini terikat dengan apa yang saya menyuarakan sekarang Tuan Pengerusi. Adakah dia berdiri apabila lebih daripada satu wakil ada menjemput kepada Menteri Pelajaran untuk dapat tahu bila hendak gunakan keris. Ada mengeluarkan keris. Apabila mahu gunakan keris itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat yang lain minta diam. Yang Berhormat saya sudah beritahu Yang Berhormat pergi kepada Butiran.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Adakah menteri ini mempunyai kebolehan, kekuatan, untuk mengekalkan jawatan dia. Mana boleh tidak ada kaitan. Ada kaitan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada Yang Berhormat. Itu dasar Yang Berhormat. Sekarang kita pergi kepada butiran peruntukan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Gaji dia pun boleh, jangan kira ini bukan satu tugas untuk memberhentikan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sila terus kepada tadi, dia tadi di bawah pengurusan Kementerian Kerja Raya.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Pengurusan Kerja Raya bukan hanya menteri tetapi juga ketua setiausaha dan pegawai-pegawai kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah tegur Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Menteri yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya minta Yang Berhormat tumpukan kepada Butiran-butiran yang...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya, semua Butiran kerana menteri ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ...Tidak, kita tidak membincangkan...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...Kementerian Kerja Raya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Pengerusi, kalau semua Butiran bermaknanya dasar. Kalau Butiran tertentu barulah kita perbahaskan dalam Jawatankuasa tetapi kalau kita hendak cakap tentang semua Butiran, maknanya dasar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Not* pengurusan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ...Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, saya tidak benarkan Yang Berhormat bincang...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya mengadakan kepada pengurusan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini soal keperibadian individu. Yang Berhormat, tidak payahlah Yang Berhormat bincang di sini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan individu, sebagai menteri, sebagai pemimpin...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya lah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...Atasan bagi MIC. Ini bukan MIC, 'M-I-C-E'. Semua dalam parti ini adalah itu..., *all of them are rats*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah sentuh keperibadian, tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan keperibadian...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus kepada Butiran.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...Bukan personel.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Di bawah program-program yang lain, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini kerja dia sebagai Menteri Kerja Raya. So, dalam fikiran saya Tuan Pengerusi, apa yang harus dibuat adalah bukan potong gaji dia RM10 sahaja, tetapi potong gaji dia semua sekali. Terima kasih...[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup. Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

11.51 pagi

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga Butiran yang saya ingin bahas. Yang pertama, saya hendak bahas di bawah tajuk Sektor Infra iaitu Butiran 020100 - Cawangan Jalan.

Tuan Pengerusi, kalau kita baca apakah objektif cawangan jalan dalam Bajet ini, kita dapati bahawa objektifnya ialah untuk memastikan pembangunan dan pembinaan jalan dan juga jabatan mematuhi spesifikasi reka bentuk bertaraf antarabangsa, bermutu tinggi dengan kos yang ekonomi supaya rangkaian jalan yang efisien dapat disediakan bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Yang kedua, memastikan bahawa pelaksanaan berterusan bagi penyelenggaraan jalan yang berteraskan spesifikasi piawaian yang ditetapkan dan bermutu tinggi demi keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya tetapi kalau saya hendak rujuk kepada satu kes yang berlaku di kawasan saya iaitu satu projek menaik taraf Jalan Batu 12 sehingga ke Batu 16 yang telah sepatutnya diselesaikan pembinaannya pada penghujung tahun lepas tetapi sampai hari ini selepas dua tiga kali *extension of time* atau EOT, tetapi jalan ini masih belum siap lagi. Tambahan pula, ini telah memberikan banyak masalah dan juga ketidakselesaan kepada pengguna jalan raya di kawasan itu dan juga ada beberapa kemalangan telah berlaku dan sehinggalah kemalangan maut juga berlaku di sini.

Di sini juga saya sebagai wakil rakyat turut beberapa kali telah menegur dan juga memberikan sedikit pandangan mengenai perkara ini tetapi setakat ini masih tidak ada apa-apa jawapan dan juga nasihat ataupun satu jawapan yang tetap daripada segi tempoh masa untuk diselesaikan walaupun saya telah bangkit dua tiga kali di Parlimen atau Dewan yang mulia ini. Dan yang paling sedih sekali ialah saya pernah menelefon kepada Ketua Penolong Pengarah Jalan Negeri Selangor, tetapi beliau tidak menjawab panggilan saya beberapa kali dan saya tidak tahu mengapa.

Saya juga telah memberi SMS kepada Yang Berhormat Menteri, tetapi dalam tempoh lima belas minit, Menteri Kerja Raya telefon saya dan saya berjumpa dengan beliau mengenai perkara ini. Adakah apa yang saya cakap ini adalah Little Napoleon yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri dan beliau adalah bernama Mohd Jamil bin Sulaiman. Saya telah dua tiga kali *call* dia, tetapi tidak ada jawapan daripada beliau. Ini telah memberikan banyak masalah, kritikan dan juga *concern*, dengan izin, daripada orang-orang di kawasan di sana. Saya bercadang kepada kementerian bahawa kalau di peringkat negeri mereka tidak boleh mengendalikan projek ini walaupun hanya 3.5 kilometer sahaja yang berjumlah lebih kurang RM28 juta telah berkali-kali ditunda dan menyebabkan kelewatan ini. Maka saya bercadang kepada kementerian supaya JKR pusat mengambil alih ini supaya dapat diselesaikan secepat mungkin kerana saya tidak hendak ini menimbulkan satu masalah yang sampingan ataupun *side effect* yang lebih teruk lagi kalau kita tidak selesaikan perkara ini.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai bayaran pampasan tol iaitu Butiran 060600 iaitu berjumlah RM80 juta di bawah tajuk *One-Off* dan saya hendak tanya pampasan ini kepada siapa, konsesi mana? Adakah ini menjadi satu kebiasaan kita untuk memberikan satu pampasan kepada konsesi kalau kita ataupun konsesi tidak dapat menaikkan tol di sesuatu kawasan tertentu.

Di sini juga saya ingin memberikan sedikit pandangan saya mengenai konsesi di Lebuhraya Damansara-Puchong iaitu LDP. Saya juga telah bangkitkan di Dewan yang mulia ini beberapa kali supaya kalau kementerian ataupun kerajaan bercadang untuk menaikkan tol di masa hadapan, haruslah menimbang ataupun berhati-hati menimbangkan perkara yang penting di dalam proses untuk meluluskan ataupun membenarkan kenaikan tol pada masa hadapan.

Ini kerana sebagai contoh di LDP, ramai pengguna telah berkata kepada saya mengapa kita masih lagi memberikan tol yang lebih tinggi kalau LDP ini masih mempunyai kesesakan yang tidak munasabah. Sebagai contoh, kalau kita bermula pada pukul 7.30 pagi hinggalah pukul 10, tol berdekatan dengan Bandar Sunway, walaupun tol itu berdekatan dengan Bandar Sunway iaitu di bawah Parlimen Kelana Jaya, tetapi kebanyakan pengguna ialah orang-orang Puchong iaitu kawasan saya. Mereka terpaksa menunggu berjam-jam untuk membayar tol ini.

Pada masa yang sama juga semasa waktu lepas kerja iaitu di antara 5.30 petang sampai pukul 8 malam juga jem secara teruk di kawasan itu. Ini telah memberikan satu ketidakselesaian dan tidak mematuhi objektif yang telah saya nyatakan tadi dan saya berharap, saya bukan hendak anti sesiapa mendapat keuntungan dalam perniagaan, konsesi. Saya berasa bangga kalau mereka membuat keuntungan, tetapi dengan keuntungan yang munasabah pada masa yang sama juga mestilah memberikan perhatian yang lebih serius kepada obligasi-obligasi sosial yang akan ditanggungkan oleh konsesi-konsesi ini.

Saya nyatakan di sini, saya ada beberapa sebab mengapa kita mesti berhati-hati. Kerana selain daripada kesesakan, saya hendak tahu juga untuk LDP ini yang melalui kawasan Puchong sehingga ke Putrajaya sehingga ke Hulu Langat dan seterusnya, apakah jalan alternatif yang ada? Kalau tidak silap saya, setiap perjanjian konsesi kita mesti mempunyai satu jalan alternatif. Apabila saya dan juga pemimpin-pemimpin tempatan mencadangkan untuk membina satu jalan alternatif di mana menyambung daripada kawasan Puchong ke USJ1. Maka ini mendapat banyak bantahan dan juga keluhan daripada syarikat tersebut. Sebagai contoh Tuan Pengerusi, baru-baru ini syarikat ini telah menulis satu surat kepada PBT iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya bahawa mereka ini tidak bersetuju ataupun tidak *agree* untuk membina satu jalan penyambung di antara kawasan Puchong ini kepada kawasan USJ ataupun di Subang Jaya.

Sebagai contoh, mereka kata sekiranya pihak KESAS iaitu syarikat yang menulis surat ini akan mengalami kesan-kesan kerugian dari segi kutipan tol disebabkan pembinaan jalan berkenaan, pihak KESAS terpaksa membuat tuntutan pampasan kepada pihak kerajaan yang mana kos tersebut adalah melibatkan wang rakyat ataupun pembayar cukai di negara ini.

Di sini saya tanya, siapakah yang menapis ataupun menguruskan kerajaan kita? Adakah kerajaan pimpinan Barisan Nasional kita, ataupun syarikat-syarikat konsesi ini yang boleh memberikan amaran dan juga memberikan syarat-syarat tertentu kepada pihak berkuasa tempatan? So, saya nak dapatkan satu penjelasan daripada pihak kementerian bahawa apakah keputusan mengenai surat ini dan juga pada masa yang sama saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada PBT kerana mereka menyatakan bahawa kelulusan ini telah diluluskan sebelum jalan itu di naik taraf menjadi lebuh raya LDP di kawasan Puchong.

Saya berharap Kementerian Kerja Raya melalui peringkat negeri ataupun daerah ini mestilah cuba untuk membina jambatan yang menyambung kedua kawasan ini kerana bukan sahaja dia bertindak sebagai satu jalan alternatif, tetapi juga merupakan satu jalan alternatif untuk waktu-waktu kecemasan. Saya bagi sebagai contoh, bila ada runtuh tanah di tepi LDP pada tahun lepas, bulan Julai di LDP. Ini telah menyebabkan banyak kesesakan dan juga keluhan daripada pengguna-pengguna jalan di lebuh raya LDP. Kerana apa? Kerana kenderaan trafik itu tidak ada jalan alternatif untuk pergi dan keluar daripada kawasan yang mereka tuju. Ini merupakan satu cara untuk kita memilih satu jalan alternatif supaya dalam waktu-waktu kecemasan kita boleh guna jalan ini supaya keselesaan dan juga keselamatan jalan raya dapat dijamin untuk pengguna-pengguna jalan di LDP ini.

Satu perkara yang saya hendak bangkitkan di sini mengenai LDP ini. Kalau kita lihat apa yang telah dinyatakan di dalam surat khabar ini, saya percaya bahawa kerajaan mesti telah berhati-hati, adakah LDP ini kita mesti bagi luluskan kenaikan tol ini? Kerana mengikut satu laporan yang telah saya bangkitkan di sini juga, LDP telah membuat keuntungan bersih lebih kurang RM80 juta daripada *turnover* ataupun perolehan mereka ialah lebih kurang RM243 juta setakat sehingga Mac 2006 ini.

Adakah kita ini, bukankah kerajaan kita mestilah melihat perkara ini juga dari segi kesesakan atau keselesaan jalan raya, keuntungan mereka dan saya juga diberitahu daripada pihak tertentu bahawa kalau kita tidak boleh naik tol, kita terpaksa beri pampasan yang perlu kepada konsesi? Adakah ini satu dasar yang kekal?

Kalau begini, bolehkah kita memberi satu *review* mengenai apa yang konsesi-konsesi jalan raya yang telah di tandatangani. Saya baca dalam surat khabar dua, tiga hari yang lalu bahawa satu konsesi *agreement* telah akan di siapkan di antara Banding dengan Taiping. Dari Taiping ke Banding iaitu satu jalan lebuh raya *coastal way*. Saya berharap kementerian mesti memberikan perhatian kepada semua perkara begini. Jangan ada satu *one sided agreement* sahaja yang di mana keuntungan ataupun obligasi sosial ini kita tidak memberi perhatian yang sepenuhnya.

Ingin saya mendapatkan sedikit penjelasan daripada pihak kementerian dan perkara yang terakhir sekali saya nak sentuh Tuan Pengerusi ialah mengenai membina persimpangan bertingkat iaitu butiran 21000. Saya telah membangkitkan perkara ini juga beberapa kali. Iaitu satu merentas jalan sambungan daripada Sri Manja ke Kinrara iaitu di kawasan Puchong dan ini sudah lama Tuan Pengerusi saya telah bangkitkan dan juga telah dibangkitkan oleh bekas Ahli Parlimen juga di kawasan itu tetapi sampai ke hari ini, tidak ada jawapan yang konkrit. Tidak ada jawapan yang sepatutnya diberikan kepada saya. Ini hanya melibatkan satu penyambungan tidak lebih daripada 400 meter tetapi kalau kita mendapat satu penyambungan kepada jalan ini, maka ini memberikan keselesaan dan kemudahan kepada ratusan penduduk ataupun mungkin jutaan penduduk di kedua-dua kawasan ini.

Di sini saya hendak mendapatkan sedikit penjelasan daripada pihak kementerian, iaitu saya telah tuliskan surat kepada Yang Berhormat Menteri pada 21 April 2005 mengenai perkara ini. Saya mendapat jawapan daripada Jabatan Kerja Raya pada 17 Mac yang menyatakan bahawa projek ini akan dimohon untuk dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Kesembilan. Itu ialah surat pertama. Yang kedua, saya juga mendapati bahawa surat baru-baru ini pada 28 April daripada Jabatan Kerja Raya juga mereka menyatakan bahawa LLM - Lembaga Lebuh Raya akan mempertimbangkan perkara tersebut. Selepas itu, Lembaga LLM juga menulis kepada saya, bahawa sukacita difahamkan pihak Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) melalui kerajaan negeri telah memohon supaya pembinaan jalan perhubungan berkaitan adalah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Akan tetapi baru-baru ini, saya telah mendapati bahawa daripada JKR *Bureaucrat District* yang menyatakan bahawa projek ini, dukacita di maklum bahawa cadangan pembinaan jalan di atas tidak dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Apakah jawapan sebenarnya, di manakah kesilapan? Adakah pandangan dan juga keluhan dari rakyat ini tidak akan dipertimbangkan? Di manakah kewibawaan kita sebagai sebuah Kementerian Kerja Raya yang betul-betul untuk memberikan satu atau membina jambatan ataupun kerja-kerja yang baik untuk rakyat kita? Saya ingat saya hendak dapatkan satu kepastian, adakah projek ini dijalankan atau tidak? Saya ingin supaya saya diberikan satu jawapan yang lebih konkrit kepada rakyat kita.

Akhir sekali juga saya ingin membangkitkan satu isu iaitu mengenai Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya bertingkat dan perkara ini saya telah bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri, dan juga saya ingin mendapatkan satu kepastian, adakah satu jalan keluar masuk yang melalui satu jalan Bandar Puteri, Bandar Putra Permai ini akan dibina sepanjang lebuh raya, *KLU Dedicated Highway* daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya. Ini adalah sangat penting kerana bukan sahaja kita dapat memberikan kemudahan kepada semua orang yang ada di sini tetapi pada masa yang sama juga ini akan mengurangkan kesesakan jalan raya sepanjang ini. So, saya hendak dapatkan satu jawapan yang lebih konkrit dan lebih jelas lagi daripada pihak kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukup.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Mambong.

12.08 tgh.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menyentuh butiran 09260, iaitu berkaitan dengan naik taraf jalan di Sarawak. Saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada kementerian kerana telah pun membina lebuh raya di dalam kawasan saya. Sepanjang lebuh raya itu 40 km, memang di dalam kawasan saya tetapi selepas pembinaan, terlalu banyak masalah termasuk keselamatan dan kemalangan di sepanjang jalan raya itu. Saya nampak di tengah-tengah jalan raya itu untuk membahagikan empat *lane* itu, dibuat pagar dengan kabel keluli. Pagar ini oleh sebab ia mengganggu laluan masuk ke kampung-kampung ataupun ke jalan kecil yang lain, maka pengguna jalan raya angkat kabel itu, potong kabel itu. Bukan jual, tetapi ia masih di sana. Kerana untuk membuat satu pusingan 'U' ataupun untuk masuk ke simpang jalan yang lain. Ini telah pun mengakibatkan banyak kemalangan di jalan raya. Kemalangan, termasuk yang teruk sekali, kematian. Saya selalu melihat kemalangan di sepanjang jalan itu apabila saya masuk ke kawasan. Itu satu masalah.

Yang kedua adalah masalah dengan simpang masuk ke jalan lain, ataupun pusingan 'U', terlalu jauh daripada satu pekan untuk membuat pusingan 'U'. Saya memberi contoh di sini, di pekan Seburan. Di Pekan Seburan, hendak pusing 'U' untuk membeli minyak petrol, jarak dua kilometer untuk buat satu pusingan.

Oleh yang demikian, di lampu isyarat di Seburan, mereka yang ingin membeli minyak keluar dari pekan Seburan terus masuk pusing ke kanan. Ini bermakna bertentangan dengan laluan trafik di sebelah kiri. Jadi, ini adalah satu masalah besar dan kemalangan sudah banyak berlaku di situ. Begitu juga di pekan Tapah, saya mahukan laluan masuk ke pekan Tapah itu dikaji semula dan lihat sama ada ianya selamat ataupun tidak. Ini kerana ramai yang menggunakan laluan masuk itu, untuk membuat pusingan 'U' juga tetapi ianya bukan laluan masuk di sebelah kiri, seharusnya digunakan di sebelah kanan. Itu satu masalah yang besar juga.

Yang ketiga adalah yang berkaitan dengan sekolah-sekolah. Saya nampak di sekolah-sekolah itu tidak ada keselamatan untuk murid-murid menyeberang. Di Sekolah SMK Seburan, di sekolah SJK Beratok, sekolah SJK Tapah dan banyak lagi, sekolah Chong Hwa di Batu 29 dan SMK Tarat. Saya memohon kepada kerajaan untuk membina jejantas di sekolah-sekolah ini. Kalau tidak, sekurang-kurangnya buat lampu isyarat di situ agar ia senang untuk murid-murid menyeberang, di mana ibu bapa mereka menunggu di tepi jalan di sebelah.

Perkara kedua saya ingin sentuh di sini adalah Butiran 09270 – Membaiki dan Penurapan Jalan. Jalan Pedawan telah pun dibina pada tahun 1960. Ianya diturap hanya pada tahun 2004, selepas Pilihan Raya Umum tahun 2004. Ada 14 kilometer lagi belum diturap. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen lihat perkara ini, sebab saya memang penuh harapan dengan Setiausaha Parlimen. Ini kerana beliau dari Sarawak dan ia juga dahulu sebenarnya wakil rakyat di kawasan yang saya wakili sekarang. Tidak ada masalah, saya harapkan... [Ketawa]

Beberapa Ahli: Boleh diluluskan.

Dr. James Dawos Mamit: Lulus, ya. Terakhir saya menyentuh kepada Butiran 09280 – Membina Jalan-jalan. Peruntukan ini agak besar. Saya diberitahu bahawa satu pembinaan jalan akan dibuat daripada Kampung Mambong ataupun daripada..., hingga ke Sejingkat. Berapakah peruntukan untuk jalan ini? Ini naik taraf jalan untuk dua *lane* lagi akan dibina.

Saya difahamkan bahawa projek ini telah pun diberi kepada sebuah syarikat kontraktor. Adakah *open tender* dibuat untuk projek ini ataupun hanya diberi begitu sahaja? Dalam perkara ini, wakil rakyat pun ingin tahu apa yang berlaku di dalam kawasan supaya kita boleh memantau. Ini kerana di lebuh raya itu kita kurang pemantau maka jalan keluar masuk sudah tidak betul dibuat. Kita ingin keselamatan di sepanjang jalan raya.

Jadi, saya harap begitu juga dengan pembinaan jalan Mambong-Sejingkat ini. Jika ia benar-benar akan dibina, dilaksanakan tahun hadapan atau pada tahun-tahun akan datang maka wakil rakyat di kawasan haruslah diberitahu tentang perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

12.15 tgh.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh empat butiran dan saya rasa perbincangan saya daripada perspektif profesional kejuruteraan, saya rasa kita kena lihat. Butiran 040300 – Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan yang diberi peruntukan RM6.6 juta. Sebelum saya menyentuh tentang perkara ini, saya hendak menyentuh Butiran 70000 – Memperelok Jalan di kawasan saya.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, dua batang jalan Kluang ke Ayer Hitam, kemudian Ayer Hitam ke Batu Pahat. Sepanjang 47 kilometer telah dibina oleh Syarikat Setia dengan peruntukan RM331 juta, tetapi jalan itu dilebarkan tanpa pembahagi jalan. Di hadapan Kolej Universiti Tun Hussein Onn (KUiTTHO) setakat semalam sudah ada 64 orang mati di sana. Saya tidak hendak kira yang kerat jalan di tempat lain, saya rasa ini adalah satu perkara, satu kesilapan yang dilakukan kerana kita tidak prihatin dan saya rasa keselamatan pengguna itu tidak diambil tahu.

Saya menyatakan perkara ini dan saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya perkara ini saya difahamkan EPU yang membantah, ketika itu JKR hanya meminta RM5 juta untuk pembahagi jalan dan sekarang *estimate* nya adalah RM44 juta, kenapa kita hendak mensia-siakan wang kita macam itu. Tidakkah kita melihat secara *holistic* menyelesaikan masalah ini. Itu adalah masalah yang masih lagi tertunggak. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pernah datang ke kawasan saya untuk meninjau dan saya masih menunggu lagi RM44 juta itu bila dapat dilaksanakan. Saya tidak mahu, saya tidak rela melihat nyawa yang tidak berdosa terkorban di jalan itu.

Kedua, dari Gemas ke Ayer Hitam pula, satu hal lagi. Jalan itu dibina dengan RM200 juta, pelebaran jalan tetapi seperti mana yang saya telah katakan, jalan itu tiba-tiba ada dua jambatan. Daripada dua jambatan jadi satu jalan, orang mati di tengah-tengah. Sudah banyak kemalangan berlaku. Saya rasa sekarang kontraktor yang dipertanggungjawabkan sudah beri tempoh enam tahun untuk mereka menyiapkan tetapi sehingga sekarang bayang pun tidak ada. Saya tidak tahu apa tindakan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Berapakah peruntukan lagi untuk kita menyiapkan kerja itu, Jalan Gemas ke Ayer Hitam? Itu adalah dua pengajaran yang boleh diambil dari kawasan Parlimen Ayer Hitam. Di sini saya pula hendak tegur sedikit Cawangan Ukur Bahan dengan kontrak. Saya rasa apabila kerajaan, sama ada EPU ataupun Kementerian Pelajaran menyerahkan kerja kepada JKR, cawangan inilah yang sepatutnya berfungsi. Ini kerana ukur bahan QS, sampai sekarang pun saya tidak faham kenapa peruntukan yang disalurkan kepada SJK(C) Kung Yu, di Kundang Hulu, Muar, daripada RM30,000 jadi RM3,000.

Kalau saya sebagai QS, sebagai jurutera saya tengok kalau hendak tukar siling itu dengan kita melihat kos upah tidak mungkin boleh sepuluh kali ganda. Saya ambil satu contoh, harga semen paling tinggi yang saya pernah dengar RM15.

Seorang Ahli: RM18.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: RM18 tidak apa tetapi harga minimum yang kita pernah dengar RM19.80. Itu pun kenaikan 100%, tidak sampai 10 kali ganda. Upah pun, kalau kita tengok upah pekerja RM80 sehari. Apa pun paling maksimum tidak akan sampai RM800 seorang. Kalau RM30,000 boleh jadi RM3,000, saya tidak tahu di mana silapnya. Kenapa ukur bahan itu QS tidak melihat, tidak menyemak *bill of quantity* dengan jelas.

Jadi, saya rasa kita kena mengambil iktibar, bukan sahaja berlaku di situ, di kawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat bagi Kepala Batas. Itu pun sama juga.

Saya hendak tanya Yang Berhormat kementerian ini, apakah tindakan yang diambil setelah mendapati ketirisan apa yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita kena menghindar ketirisan, apa cara yang digunakan. Saya berharap agar cawangan ini, Cawangan Kontrak, Ukur Bahan bolehlah memainkan satu fungsi yang betul-betul supaya mereka memastikan semua kerja dijalankan dengan sempurna, jangan lagi RM30,000 jadi RM3,000. Saya rasa kita sakit hati tidak kira jalan kampung kah, sekolah kah, kita kena gunakan wang dengan sebaik mungkin.

Butiran yang selanjutnya 020200 – Cawangan Kejuruteraan Cerun. Saya rasa ini adalah satu cawangan yang ditubuhkan pada tahun 2004. Saya memang mengalu-alukan penubuhan cawangan ini tetapi ada satu perkara yang perlu saya utarakan di sini. Saya rasa fungsi yang diberikan kepada cawangan ini amat terbatas dan kita sebagai suatu kerajaan yang kolektif dan kita kena melihat masalah kejuruteraan cerun ini bukan sahaja di jalan raya dan saya tahu ada kekangan kepada kementerian ini kerana sepanjang masa apa yang dilakukan kebanyakannya mengenai cerun, masalah cerun, *slope* di kawasan jalan raya atau lebuh raya. Saya rasa ini adalah batasannya dan saya hendak minta kementerian melihat dan mengkaji semula bukan sahaja sekadar menaiktarafkan cawangan itu ke jabatan. Bagi saya, satu kerajaan yang kolektif, kita perlu menggunakan segala pakar yang boleh.

Saya mengambil satu contoh, pihak berkuasa tempatan (PBT) kalau hendak mengambil seorang jurutera, memang sampai tualah mereka tidak dapat. Memang susah dari segi prosedur untuk mengambil seorang jurutera awam tetapi bagi JKR, kejuruteraan cerun apabila unit ini ditubuhkan saya rasa mereka boleh mengambil jurutera yang diperlukan untuk kepentingan negara. Saya rasa itu kebbaikannya.

Saya memohon jasa baik kementerian atau Yang Berhormat Menteri mengkaji, buat satu '*Paper*' atau satu 'Kertas Kerja' kepada Kabinet dan saya rasa kita kena melihat secara total dan ia sepatutnya dinaikkan taraf sebagai Institut Kejuruteraan Cerun dan mengambil kira keperluan yang ada pada kementerian yang lain termasuklah kerajaan tempatan dan juga Jabatan Perdana Menteri – EPU.

Saya rasa ini adalah suatu cara yang terbaik untuk kita mengatasi masalah. Saya mengambil contoh. Kalau sesuatu perkara berlaku di Selayang atau di Ampang Jaya saya rasa JKR atau Cawangan Cerun hanya dipelawa untuk melihat perkara itu tetapi dari segi bidang kuasa, cawangan ini tidak ada peluang ataupun hanya boleh memberi ulasan sahaja. Saya rasa itu tidak mencukupi dan kalau kita hendak melakukan sesuatu pembaharuan ia sepatutnya bermula daripada dinaiktarafkan kepada Institut.

Seperkara lagi saya rasa *National Master Plan* yang dikatakan akan disiapkan pada tahun 2008, saya rasa itu ada suatu perkara yang baik dan saya tidak mahu melihat ia hanya di bahagian-bahagian jalan raya sahaja. Kalau boleh kita melihat keseluruhan kawasan di Malaysia dan saya rasa itu adalah perkara yang perlu kita lakukan.

Satu perkara lagi Butiran 060800 – Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia. Kita sedar bahawa majlis ini ditubuhkan semata-mata untuk kita menilai mutu, pengajaran, pembelajaran bidang kejuruteraan di universiti sama ada swasta ataupun awam. Saya rasa ini memang satu cara yang betul tetapi saya ingin membangkitkan satu soal fundamental di mana kita melihat sekarang di Malaysia, kita ada Institusi Jurutera Malaysia. Kita ada juga Lembaga Jurutera Malaysia di mana kalau kita melihat, ada bezanya di antara dua ini.

Kalau bagi mereka yang menjadi profesional bertauliah, mereka mesti mendapat watakah ataupun mendapat lesen daripada Lembaga Jurutera Malaysia tetapi di Malaysia, dianya ganjil sekali. Saya kasihan dengan Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya Malaysia kerana selama ini siapa yang menjadi Ketua Pengarah, dialah Presiden atau Yang di-Pertua Lembaga Jurutera Malaysia.

Sepatutnya kita kena buat perubahan seperti negara-negara lain dan jiran kita terdekat pun telah membuat perubahan di mana mereka tidak lagi memperuntukkan tempat ini kepada Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya. Saya rasa inilah suatu pembaharuan yang kita kena buktikan kepada dunia kerana banyak prosedur yang kita kena ikut termasuklah Jurutera, Washington Accord dan sebagainya dan kita mahu supaya Lembaga Jurutera Malaysia terlihat bukan satu agensi kerajaan.

Ia adalah satu badan yang diiktiraf dunia dan kita mempelawa profesional yang layak, yang bertauliah untuk memegang jawatan ini. Kasihan kepada Ketua Pengarah yang dalam kesibukan tetapi masih lagi perlu meluangkan masa untuk menjadikan ini sebagai satu tugas sampingan.

Saya rasa perlu kita memikir, perlu ada satu anjakan paradigma, kita ubah status Lembaga Jurutera Malaysia itu dan saya rasa juga satu perkara yang perlu saya bangkitkan di sini adalah kalau kita melihat apa yang telah saya ceritakan tadi, Majlis Akreditasi, saya mintalah supaya Majlis Akreditasi itu menjalankan kerja dengan baik untuk memantau mutu kejuruteraan ataupun bidang kejuruteraan yang diajar di IPTS dan IPTA.

Kita mahu memastikan jurutera kita mampu bersaing di dunia. Saya rasa dengan adanya mekanisme yang ada sekarang saya meminta supaya keanggotaannya ditambah kepada golongan ikhtisas yang berpengalaman dan kita boleh memperbanyakkan, menggunakan kepakaran mereka untuk diserap masuk. Saya rasa itulah cara untuk kita memastikan tahap kejuruteraan di Malaysia itu setanding di dunia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Di sini akhir sekali saya juga mengalu-alukan pemimpin masyarakat daripada Parlimen Kuala Pilah dan dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Maran.

12.26 tgh.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan bajet Jabatan Kerja Raya tahun 2007.

Saya hendak menyentuh beberapa perkara dalam kementerian ini. Yang pertama ialah Butiran 300000 – Membina Jambatan dan Jambatan Baru. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah dapat membina jambatan baru bagi kawasan saya di Kampung Chenor yang kosnya lebih kurang RM100 juta dan sekarang ini jambatan ini telah digunakan oleh semua penduduk yang menghubungkan antara seberang kawasan dan di seberang sebelah sana yang juga boleh menghubungkan kawasan Pekan, Rompin dan juga ke Bahau Negeri Sembilan.

Yang menjadi persoalan kepada saya ialah jambatan ini telah digunakan tetapi sehingga sekarang jambatan ini belum lagi di *gazette*. Saya telah menimbulkan ini beberapa kali dalam mesyuarat Majlis Tindakan Daerah tetapi sehingga kini ia masih belum diambil tindakan dan saya difahamkan bahawa jambatan ini tidak boleh diwartakan ataupun di *gazette* dengan izin kerana jalan di sebelah sana jambatan dianggap sebagai jalan luar bandar dan tidak membolehkan jambatan ini di *gazette*.

Yang menjadikan bimbang kepada saya ialah jambatan ini telah digunakan dan seandainya berlaku kemalangan di atas jambatan ini apakah yang akan terjadi? Saya kira mereka yang terlibat dengan kemalangan di atas jambatan ini kalau mati, kita anggap 'mati katak' dan tidak boleh tindakan diambil dari segi undang-undang bagi menjamin keselamatan mereka.

Saya meminta supaya jabatan ini ataupun kementerian mengambil tindakan segera bagi menyegerakan pewartaan jambatan ini demi kebaikan pengguna dan juga masyarakat setempat. Menyentuh tentang jambatan ini juga dan jalan yang berhampiran, saya minta supaya Kementerian Kerja Raya dan kerajaan memberikan perhatian supaya meluaskan jalan yang di sebelah sana iaitu yang di sebelah seberang Chenor itu yang menghubungkan Chenor ke Pekan, ke Paloh Inai dan juga jalan ini boleh sampai terus ke kawasan sahabat saya di kawasan Bera.

Jalan ini agak kecil dan sekarang jalan ini menjadi penggunaan yang amat baik, jalan ringkas bagi penduduk kita bagi kawasan daripada Temerloh dan sebagainya yang pergi ke Pekan, ke Rompin dan juga ke Negeri Sembilan.

Saya minta supaya kerajaan kalau boleh dalam kajian semula Rancangan Malaysia Kesembilan ini memasukkan cadangan bagi membesarkan dan melebarkan jalan ini demi kebaikan masyarakat setempat.

Tuan Pengerusi, kita bimbang kerana masalah jalan luar bandar bukan sahaja mereka tidak mempunyai jalan yang baik, yang kecil, yang tidak sempurna tetapi kemalangan, kematian yang berlaku di luar bandar kerana jalannya tidak sempurna. Sebaliknya kematian yang berlaku di bandar-bandar kerana jalannya terlalu besar, sibuk dan terlalu banyak jalan sehingga ramai orang yang mati.

Tuan Pengerusi, saya hendak pergi ke butiran yang kedua iaitu Butiran 600000 – Naik Taraf Jalan. Saya hendak minta supaya kementerian ini memberi perhatian semula kepada jalan laluan 83 – Kampung Awah ke Bandar Pusat Jengka. Dalam tindakan daerah, kita telah mencadangkan supaya jalan ini dimasukkan bagi pembaikan dan pembesaran dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi setelah disemak balik, kita dapati jalan ini tidak termasuk dan tidak disenaraikan bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk makluman Tuan Pengerusi dan kementerian, jalan ini merupakan jalan yang penting yang digunakan oleh penduduk kawasan Maran yang berulang alik sama ada di kawasan Jengka dan juga ke Lebuhraya Pantai Timur. Saya meminta supaya jalan ini dapat dimasukkan semula dalam kajian Rancangan Malaysia Kesembilan, kajian semula Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan datang. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya juga nak menyentuh tentang Butiran 71000 iaitu Memperelok dan Membaiki Jalan di kawasan saya.

Perkara ini telah pernah saya timbulkan pada sesi yang lepas iaitu kerosakan jalan di kawasan Bukit Genting, Chenor, Maran, Jalan Maran ke Temerloh dan saya perhatikan jalan ini telah beberapa kali dibaiki setelah diperbesarkan sedikit sebelah kiri jalan ini menghala ke Temerloh sering menghadapi atau pun mengalami kerosakan, difahamkan masalah aliran air. Dan kita telah membawa perkara ini beberapa kali dalam tindakan daerah dan beberapa peruntukkan, saya kira telah banyak peruntukkan dikeluarkan bagi memperbaiki jalan ini tapi sehingga sekarang jalan ini tidak dapat dibaiki dengan sempurna.

Saya minta supaya Jabatan Kerja Raya atau kementerian dapat memberikan perhatian, saya minta mungkin Jabatan Kerja Raya Daerah tidak mampu nak melihat apakah punca atau pun sebab kerosakan jalan ini dan saya harap mungkin kita ada IKRAM. Dulu kita ada IKRAM (Institut Kerja Raya Malaysia) yang saya difahamkan peranannya ialah antara lain bukan sahaja melatih pekerja-pekerja atau pun tenaga kerja-kerja raya tetapi membuat kajian di atas jalan-jalan yang menghadapi kerosakan dan sebagainya.

Saya ingin tahu pada pihak kerajaan, kementerian apakah terjadi kepada IKRAM ini kerana jalan yang begitu kecil pun tidak boleh dibaiki dengan baik dan punca kerosakan pun tidak dapat dikesan. Apakah IKRAM ini tidak ada peranan lagi dan saya minta supaya Jabatan Kerja Raya atau pun kementerian dapat melihat supaya jalan ini dapat dibaiki dan saya tidak mahu lagi melihat semakin ramai pengguna jalan ini menghadapi masalah sehinggakan Tuan Pengerusi, ada daripada mereka telah meninggal dunia akibat daripada kerosakan jalan ini. Tuan Pengerusi, satu lagi saya nak sebut ialah tentang Lebuhraya Pantai Timur. Lebuhraya ini memang laluan harian saya. Boleh kata tiap-tiap hari atau pun setiap dua tiga hari sekali saya lalu di sini dan walaupun kita telah mendapat jawapan daripada pihak Kementerian Kerja Raya mengatakan bahawa jalan ini sedang dibaiki dan pada saya dari penelitian yang saya buat, boleh dikatakan keseluruhan daripada Karak sampai lah ke Maran, keadaan jalan ini cukup mengecewakan.

Dan pengguna-pengguna banyak merungut kepada kita dan kemalangan dah beratus berlaku di sini, saya bimbang bukan disebabkan oleh tanah dan sebagainya, kita takut ini adalah disebabkan oleh kontraktor yang melaksanakan jalan ini yang tidak berkecualan tetapi diberikan peluang untuk melaksanakan lebuhraya yang besar ini. Saya minta supaya kerajaan memberikan perhatian yang serius dan saya nak kementerian memberikan laporan yang *detail* kepada kita, kepada Dewan ini apakah sebenar punca yang berlaku dan kenapakah boleh dikatakan sebagai keseluruhan keadaan ini, jalan ini atau pun lebuhraya ini tidak mempunyai kualiti yang baik, bergelombang. Boleh katakan sepanjang jalan ini bergelombang.

Setakat saya, kalau Tuan Pengerusi tak percaya bolehkah ikut saya sekali ke Maran. Kita lihat bagaimana kualiti jalan ini dan saya rasa kalau kita peruntukkan duit untuk dibaiki pun kita seolah-olah membuang duit sahaja. Sedangkan banyak duit lagi diperlukan, wang diperlukan bagi membina jalan di kawasan-kawasan luar bandar. Saya minta kementerian memberikan jawapan yang serius perkara ini dan berikan laporan yang segera yang lengkap kenapakah perkara ini boleh berlaku dan apakah tindakan yang sedang diambil bagi memastikan supaya lebuhraya ini dapat dibaiki dengan sempurna.

Dan akhirnya Tuan Pengerusi, ialah tentang projek Program Jalan Kampung. Walaupun projek Jalan Kampung ini ialah di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, tetapi dari segi pelaksanaannya ialah dilakukan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Saya ingin minta memberikan pandangan kepada Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar supaya kita meneliti baik apakah dapat boleh disediakan protokol yang sewajarnya bagi kita memastikan supaya jalan kampung ini yang telah pun kita bina melalui peruntukkan berjuta-juta ringgit ini dapat kita sediakan peruntukkan bagi kita menyelenggaranya sebab saya perhatikan di kampung-kampung walaupun jalan dah baik dan dah dibina, tetapi setelah dibina tidak ada orang yang bertanggungjawab bagi menyelenggarakan jalan ini. Sebab itu saya mencadangkan supaya terutama di kawasan saya, saya minta Kementerian Kerja Raya dan juga Kementerian Luar Bandar berpakat bagaimana dapat kita salurkan peruntukkan yang cukup bagi kita memastikan kemudahan jalan ini yang telah dibina dapat di selenggara dengan baik. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

12.35 tgh.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta membahaskan Bajet 2007 peringkat Jawatankuasa bagi Maksud Pembangunan 27 Kementerian Kerja Raya dalam empat perkara yang sangat mendesak, kritikal dan penting iaitu yang pertama keadaan yang amat mendesak untuk menaik taraf, mengaspal sepanjang lebih 4000km, jalan-jalan raya JKR di negeri Sabah yang masih *gravel* dan tanah dalam bilangan lebih 1000 batang jalan raya. Dan yang keduanya keadaan yang amat mendesak, membina dan menaik taraf jalan-jalan besar ataupun pembinaan lebuhraya di negeri Sabah yang menghubungkan bandar-bandar dan pekan-pekan di negeri Sabah yang berkeadaan dalam keadaan yang tidak selesai, berbahaya dan tidak selamat.

Dan yang ketiga Tuan Pengerusi ialah keadaan yang amat mendesak dan kritikal membina jambatan-jambatan di negeri Sabah. Dalam hal menaik taraf jalan raya Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 08260 Naik Taraf dan Memulihkan Jalan yang diberi sebanyak RM293.200,000 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan RM1003 juta dalam Bajet 2007 dan juga Butiran 08600 Projek Naik Taraf Jalan Raya yang diberi peruntukkan hanya RM90juta, 200 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan RM22 juta dalam Bajet 2007.

Tuan Pengerusi, kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah meletakkan pelancongan dan pertanian dan industri asas tani sebagai salah satu sebagai daripada enjin pertumbuhan ekonomi dan dalam menjana pertumbuhan ekonomi kedua-dua sektor ekonomi ini, soal pengangkutan jalan adalah amat penting. Apabila kita mempertingkatkan kualiti jalan-jalan raya, kita lihat di negeri Sabah ada lebih 4000km jalan-jalan negeri. Dan sudah sekian lama sejak saya masuk ke Dewan yang mulia ini menyatakan perkara ini.

Akan tetapi apabila kita lihat dari segi peruntukkan yang diberikan kepada negeri Sabah, seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar pada pagi tadi dalam soalan saya, peruntukkan untuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan hanya RM562 juta yang akan menyelesaikan, mengaspal sebanyak hanya 562km. Dan ini melibatkan hanya 76 projek. Tuan Pengerusi, jika sekiranya inilah keadaan, jika inilah keputusan pihak Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk meluluskan, memberi peruntukkan untuk menyelesaikan masalah yang kita rasakan masih asas.

Keperluan asas iaitu untuk mengaspal, menaiktarafkan jalan-jalan di negeri Sabah, maka sekali lagi saya ulangi sampai setibanya tahun 2020, setibanya masa yang telah ditetapkan sebagai status maju bagi negara Malaysia ini belum selesai.

Oleh sebab itu saya mohonlah, saya mohon supaya pihak JKR, pihak Kementerian Luar Bandar sama-sama mencari jalan untuk meyakinkan pihak EPU sebab saya difahamkan dalam soalan semalam Timbalan Menteri JKR telah menyatakan bahawa daripada jumlah projek-projek yang telah dicadangkan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan hanya kurang daripada 50% yang telah diluluskan. Dan tiba-tiba pula Jambatan Pulau Pinang yang RM3 bilion ini apa nama. Apa penting sangat? Kita sudah ada Jambatan Pulau Pinang. Apa penting sangat? Di manakah keutamaan, bagaimanakah kita menentukan keutamaan di mana yang lebih mendesak untuk diberi peruntukkan.

Sebab itu kita wakil-wakil rakyat daripada negeri Sabah kadang-kadang kita didesak oleh rakyat, di manakah kerajaan Barisan Nasional yang diundi oleh rakyat 100% dalam pilihan raya yang lalu kerana dengan harapan pembangunan demi pembangunan dan untuk menjalankan ini semua, hanya yang dapat darinya peruntukan yang mencukupi.

Yang keduanya dalam soal ini ialah soal pelaksanaan. Apabila peruntukan diberi tetapi pelantikan kontraktor begitu lambat, kadang-kadang kontraktor dilantik hujung tahun. Dan oleh sebab itu, tidak siap dan tidak dapat dilaksanakan. Dalam proses itu bermacam-macam boleh berlaku. Sebab itu Tuan Pengerusi, saya mohon supaya pihak JKR mempertingkatkan lagi seperti yang kita laung-laungkan selama ini di Dewan yang mulia ini, sistem penyampaian.

Apabila peruntukan itu daripada Kerajaan Persekutuan dan dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan negeri, maka hendaklah diadakan satu sistem penyampaian yang dapat dipertingkatkan terutama sekali dalam soal pelantikan kontraktor. Seterusnya dalam soal pemantauan. Apabila projek-projek ini dijalankan, kita nampak kualitinya dan kita tidak nafikan kualiti jalan raya dilaksanakan tidak baik tetapi masih juga dapat diluluskan pembayarannya. Tuan Pengerusi, oleh sebab itu saya mohon sekali lagi supaya peruntukan untuk naik taraf jalan JKR di negeri Sabah ini dapat ditingkatkan dalam *midterm review* dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti.

Tuan Pengerusi, saya beralih seterusnya dalam hal pembinaan jalan-jalan besar di Sabah iaitu merujuk kepada Butiran 05100 - Jalan-jalan Besar di Sabah dan Butiran 08280 - Pembinaan Jalan-jalan (I). Dikatakan di sana jalan (I) yang diberi peruntukan sebanyak RM940,000,000 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan dalam Bajet 2007 diperuntukkan sebanyak RM123,300,000. Seterusnya Butiran 08800 - Pembinaan Jalan-jalan (II) yang diperuntukkan sebanyak RM387,350,000 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan sebanyak RM170,000,000 dalam Bajet 2007.

Yang pertamanya Tuan Pengerusi ialah kenapakah perlu diwujudkan dua butiran ini? Ini pembinaan jalan-jalan raya tetapi diwujudkan dua butiran. Saya mohon penjelasan kenapa ini? Saya berterima kasih dengan peruntukan yang agak besar juga ini tetapi kalau kita lihat dari segi jalan-jalan yang perlu dibina di negeri Sabah yang menghubungkan jalan-jalan besar, kita lihat jalan raya yang perlu di naik taraf daripada Kota Belud ke Kudat, daripada Kota Marudu ke Ranau. Yang Sandakan itu sudah diceritakan semalam.

Lepas itu yang sedang dibina sekarang daripada Kimanis ke Keningau dan daripada tempat Yang Berhormat Tuan Pengerusi daripada Mambong ke Sipitang dan daripada Penampang ke Papar, daripada kawasan Kiulu ke Ranau. Kita lihat dalam Bajet 2007 yang diumpun cuma Jalan Kalabakan dan Nabawan yang sudah sekian lama disebut-sebut. Sebab itu apabila kita ke negeri Sabah dan pelancong-pelancong kita pun melancong. Saya tidak malu apabila Yang Berhormat bagi Seputeh mengatakan kita ikut jalan itu pun tidak selesa. Kita berjalan daripada Kota Kinabalu ke Tuaran pun ikut jalan lama pun begitu juga keadaannya. Satu kualiti lebih baik. Dan yang keduanya, kita lihat dari segi peruntukan. Saya ingat peruntukan sudah mencukupi. Saya sudah sekian lama mencadangkan supaya jalan daripada Taman Perindustrian Kota Kinabalu, Telipok melalui Kiulu ke Ranau dan pada mulanya sudah disenaraikan Rancangan Malaysia Kesembilan tiba-tiba gugur tidak dimasukkan.

Dalam pemerhatian saya, selagi jalan raya ini tidak dibina, selagi itulah kawasan pedalaman di Tuaran dan Ranau tidak akan membangun sebab tidak ada sistem pengangkutan yang baik dan selesa. Tuan Pengerusi, saya mohon supaya sekali lagi dalam *midterm review* nanti tolonglah lihat-lihat ini, soal peruntukan negeri Sabah. Sebab jika tidak, kedua-dua sektor yang saya sebutkan tadi iaitu pelancongan dan ekonomi ini akan menjadi satu masalah yang besar.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 08230 iaitu pembinaan jambatan yang diberi peruntukan sebanyak RM197 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan RM45 juta dalam Bajet 2007. Sebenarnya Tuan Pengerusi, soal pembinaan jambatan negeri Sabah sudah pun diluluskan dahulu. Menteri Kewangan sudah berapa kali berganti dahulu. Saya difahamkan sebanyak RM300 juta sudah diluluskan dahulu termasuk RM12 juta untuk dilaksanakan di kawasan saya di Tuaran tetapi sehingga pada hari ini, satu batang pun jambatan yang perlu dibina ini tidak ada yang menghubungkan Pekan Tuaran ke Sungai Damit, yang menghubungkan 'Bayak' dan Pekan Kiulu dan sebagainya.

Malah yang jambatan besar saya difahamkan untuk mengganti feri di Kuala Penyu, saya difahamkan itu pun mempunyai masalah. Saya mohon supaya soal-soal pembinaan jambatan-jambatan negeri Sabah adalah amat diperlukan sebab kita mempunyai banyak sungai-sungai supaya dapat dipertimbangkan. Dan sekali lagi dalam soal pelaksanaan kesemua projek ini apabila diluluskan oleh Kabinet, apabila dimasukkan ke dalam rancangan, tolonglah jangan lagi yang soal pelantikan kontraktor itu yang melambatkan, lepas itu soal pemantauannya dan sebagainya, dan lepas itu soal politik kerja. Sebelum saya akhiri Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya melalui jalan daripada Kimanis ke Keningau yang dalam pembinaan dan saya nampak amat memalukan. Dengan ia punya parit yang sudah pecah dan sebagainya, dalam pembinaan. Saya ingat Ahli Parlimen daripada Pensiangan dan daripada Tenom boleh sendiri lalu dan mereka pun nampak kualitinya begitu teruk.

Saya berharap bila kualiti yang begitu teruk atau tidak baik ini, jangan dibayarlah kepada pihak kontraktor itu. Biar dia *blacklist* sahaja. Sebab ini kita memerlukan setiap sen duit kerajaan untuk membina kemudahan-kemudahan asas yang amat kita perlukan dengan segera. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Yang Berhormat terus kepada Butiran, pendekkan ucapan.

12.46 tgh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak akan memanjangkan ucapan. Butiran pertama adalah 020100 tentang sektor infra yang saya merujuk tentang cawangan jalan. Saya minta pandangan daripada Kementerian Kerja Raya tentang insiden yang berlaku mutakhir ini tentang bagaimana yang berlaku suatu kesesakan jalan raya yang maha dahsyat menjelang musim-musim perayaan khususnya Tahun Baru Cina dan juga hari raya.

Tentang laluan daripada Kuala Lumpur ke Pantai Timur iaitu yang melalui Lebuhraya Karak masuk ke Bentong terus ke Gua Musang dan sampai ke Kota Bharu. Di mana kita melihat ada yang balik berhari raya bertolak lepas sahur, pukul empat atau pukul lima subuh dan sampai di Kota Bharu mengambil masa 10 jam hingga 12 jam. Ini adalah merupakan satu fenomena yang tidak sepatutnya berlaku melalui negeri Pahang Darul Makmur dan masuk ke dalam Negeri Kelantan Darul Naim.

Jadi saya minta apakah perancangan masa depan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga di bawah Bajet ini untuk mengatasi masalah kesesakan yang maha dahsyat ini. Takkan hendak dibiarkan ianya berlaku lagi pada tahun hadapan. Kalau alasan Kelantan negeri yang diperintah oleh pembangkang, saya rasa Pahang di bawah Barisan Nasional. Tidak hendak sampai ke Kelantan pun, buatlah lebuhraya setakat ke Gua Musang ataupun sempadan di Merapoh.

Kalau itu alasannya, tetapi saya tidak fikir begitu tentang perancangan ini yang saya rasa ini sebahagian daripada rungutan warga Pantai Timur yang balik berhari raya pada tahun ini dan tahun sudah pun fenomena yang sama berlaku. Jadi saya minta penjelasan dan jawapan yang meyakinkan daripada pihak kementerian.

Butiran 030100 tentang cawangan kerja bangunan am ini. Saya minta satu penjelasan yang terperinci juga daripada Kementerian Kerja Raya tentang apakah *findings* ataupun laporan ataupun penemuan daripada isu pembinaan makmal komputer yang telah menjadi satu polemik yang meresahkan rakyat. Jadi saya minta supaya kementerian dapat menjawab dengan tepat dalam jawapannya nanti tentang bangunan-bangunan makmal komputer ini yang bukan sekadar dipertikaikan kualiti bahan binaannya tetapi tentang keselamatan yang telah menjadi isu beberapa tahun yang lalu.

Apakah tindakan yang telah diambil kontraktor-kontraktor yang telah memandang remeh ataupun melakukan kecuai dalam projek-projek ini apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian.

Akhir sekali Tuan Pengerusi tentang Butiran 050600 tentang pengurusan projek ini di bawah tajuk Sektor Pakar ini, saya juga ingin mendapat laporan bagi pihak rakyat Malaysia tentang laporan MRR2 yang telah dua kali ditutup kepada kenderaan awam dan kemudian dibuka semula tentang kerosakan-kerosakan yang berlaku itu, bagaimanakah jaminannya, adakah ianya satu kerosakan yang telah dibaiki dan selamat digunakan sepanjang hayat ataupun satu pembaik pulihkan yang bertempoh. Ini juga perlu diberikan laporan dalam Parlimen ini supaya kita dapat satu kepastian tentang keselamatan pengguna-pengguna MRR2 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gombak.

12.50 tgh.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana telah memberikan saya peluang untuk membincangkan perkara di bawah sektor infra iaitu di bawah Butiran 020100. Tuan Pengerusi kita tahu bahawa Gombak membangun begitu pesat dan banyak perumahan-perumahan yang begitu banyak penduduknya terutama di persekitaran Taman Sri Gombak. Tuan Pengerusi apa yang ingin saya perkatakan ialah persimpangan jalan di antara Jalan Batu Caves dengan Lebuhraya Karak. Jadi kita tahu bahawa setiap hari jalan ini mengalami kesesakan yang begitu kritikal.

Begitu ramai orang yang tinggal di Taman Sri Gombak, yang tinggal di Taman Greenwood, jadi kedua-dua hala daripada Batu Caves ke Greenwood dan daripada Greenwood menghala ke Batu Caves untuk ke Kuala Lumpur. Saya harap satu penyelesaian dapat dilakukan oleh Kementerian Kerja Raya kerana setiap hari kesesakannya begitu kritikal dan saya mencadangkan cara penyelesaiannya Tuan Pengerusi yang saya lihat ialah sama ada dibina jejambat baru ataupun dibina jalan baru yang boleh menghindarkan tempat yang ada *traffic light* itu yang mana di situ berlaku kesesakan yang begitu dahsyat pada setiap pagi dan juga pada masa-masa yang lain. Jadi Tuan Pengerusi itu sahaja yang hendak saya bincangkan dalam butiran ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mas.

12.52 tgh.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh dua butiran sahaja di bawah Kementerian Kerja Raya ini. Pertama Tuan Pengerusi 02800 - Memperbaiki, Mengganti dan Menaik Taraf jalan dan Jambatan. Saya berterima kasih kepada kementerian dan kerajaan kerana telah meluluskan sebuah jambatan di Sungai Terusan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Walau bagaimanapun di sepanjang jalan di kawasan ataupun di bahagian Limbang yang bermula daripada Kuala Lurah ke Limbang dan Limbang ke Lawas dan seterusnya Lawas ke Merapoh, ini di dalam kawasan Parlimen Bukit Mas.

Sebenarnya ada dua buah jambatan lagi yang belum mendapat kelulusan. Satu yang saya utamakan ialah jambatan di Sungai Pengalih merupakan gantian kepada jambatan yang sedia ada tetapi jambatan ini dibina dulu di bawah *Colombo Plan* dan tidak pun disediakan ataupun dilaksanakan mengikut keperluan semasa. Ini agak penting sekiranya jambatan ini tidak dapat digunakan ataupun roboh dan seluruh jalan itu ataupun *highway* ini yang menuju ke Sabah melalui bahagian Limbang akan tidak dapat diguna pakai. Jadi saya rasa jambatan ini perlu diambil perhatian oleh pihak kementerian dan harus dilaksanakan di dalam masa yang tidak begitu lama.

Memanglah jambatan di Sungai Peneruan yang bersempadan dengan negara Brunei Darussalam kerana ini juga di satu laluan yang sama di *Highway Pan Borneo* ini. Dan saya ingin bertanya apakah sebab jambatan ini ataupun perundingan ini tidak dapat selesai sehingga ke hari ini kerana ini dikatakan rundingan dengan negara Brunei Darussalam tidak pun mendapat kepastian dan begitu lama setelah jalan raya ini dilaksanakan sehingga pada hari ini belum mendapat persetujuan dari negara Brunei.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 00600 - Jalan Baru. Saya di sini ingin menyentuh mengenai jalan yang diperlukan oleh penduduk-penduduk di kawasan luar bandar iaitu dari Lawas menuju ke Bakalalan dan ini saya rasa begitu penting kerana sudah lama telah diperjuangkan oleh penduduk-penduduk di kawasan ini dan saya difahamkan persetujuan telah pun ada untuk melaksanakan jalan ini tetapi peruntukan tidak pun disediakan sepenuhnya malah jalan ini akan dilaksanakan berperingkat-peringkat. Ini tidak akan memuaskan hati rakyat di kawasan ini kerana telah pun menunggu begitu lama dan jalan ini tidak akan dilaksanakan secara berterusan malah secara berperingkat-peringkat. Saya mohon supaya perkara ini diambil perhatian dan kalau dapat kewangan ataupun peruntukan yang mencukupi disediakan bagi melaksanakan jalan dari Lawas ke Bakalalan ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, ada satu jalan dari Terusan ke Briwan, ini sudah lama jalan ini di dalam keadaan tanah dan batu sejauh hanya 15 kilometer. Jalan ini sebenarnya di bawah JKR tetapi tidak pun diturap sehingga pada hari ini. Saya minta supaya jalan ini dapat diturap di bawah ataupun secepat yang boleh kerana di bahagian atas ada satu jalan yang menyambung Jalan Terusan Briwan ini ke Long Tenguak dan jalan ini sekarang dalam pelaksanaan dan apabila siap dia akan diturap, ini sebelah atas sebenarnya. Jadi yang dari Briwan ke Terusan ini tidak mempunyai peruntukan. Jadi saya juga minta supaya peruntukan disediakan untuk menurap Jalan Terusan-Briwan ini.

Selain daripada itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian satu jalan di Limbang iaitu dari Limbang ke Nanga Medamit yang sepatutnya sudah pun selesai pada tahun yang sudah tetapi dengan pelaksanaan yang tidak begitu lancar jalan ini belum siap dilaksanakan. Bilakah agaknya jalan Limbang ke Nanga Medamit ini akan dapat selesai. Sekian, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis.

12.59 tgh.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud Pembangunan 27 ini saya akan bercakap mengenai Butiran 02800 iaitu Membaiki, Mengganti dan Menaik Taraf Jalan dan Jambatan. Butiran 60000 - Menaik Taraf Jalan Raya, dan 70000 - Memperelok Jalan-jalan.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak mengambil kesempatan untuk merafak sembah dan menjunjung kasih kepada ke bawah duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang kerana baginda sangat prihatin terhadap laluan lapan keseluruhannya terutamanya bagi sektor Padang Tengku dan Gua Musang. Pada hari raya ketiga yang lalu baginda telah berangkat dan memandu sendiri di jalan ini dan baginda mengatakan bahawa baginda takut untuk memandu di jalan ini kerana keadaan jalan yang sangat tidak elok dan banyak bukit yang curam dan sebagainya.

Jalan ini sebenarnya merupakan jalan utama jalan laluan lapan yang menghubungkan Kuala Lumpur ke sebelah Pantai Timur terutamanya di Kelantan dan Terengganu.

Jalan ini juga telah di baik pulih sampai ke Kuala Lipis namun daripada Kuala Lipis iaitu Padang Tengku terutamanya ke Gua Musang belum lagi dibuat apa-apa dan laluan ini juga digunakan oleh orang daripada selatan sebenarnya melalui jalan alternatif terus ke Kelantan. Jadi sebagai laluan utama ke Pantai Timur yang di sebelah utara iaitu di Kelantan, saya memohon kepada kerajaan mempercepatkan proses pembinaan jalan ini kerana banyak kemalangan maut telah berlaku. Antaranya kalau kita lihat pada tahun 2003, 15 orang terbunuh apabila bas ekspres bertembung dengan bas lain. Pada 14 Oktober 2004, dua terbunuh, tujuh cedera, bas ekspres berlanggar dengan lori. 27 November 2004, 30 cedera, 13 parah bas ekspres juga berlaku kemalangan. Jadi banyak yang itu yang dilaporkan dalam akhbar yang tidak dilaporkan banyak lagi. Bahkan sebelum keberangkatan Tuanku pun ada juga berlaku kematian.

Jadi kerajaan sebenarnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan telah memperuntukkan sebanyak RM80 juta bagi memperbaiki atau menaik taraf jalan ini namun sampai sekarang tidak ada dengar berita dan saya mohon penjelasan kepada pihak kementerian bila hendak kita mulakan. Jalan yang lagi satu dalam butiran ini juga yang akan saya perkarakan ialah sambungan kepada laluan lapan tadi iaitu jalan alternatif daripada Kuala Lipis ke Jerantut. Kalau kita lihat jalan daripada Temerloh ke Jerantut telah dibaiki dan telah dilebarkan tetapi jalan daripada Jerantut ke Kuala Lipis jalan alternatif ini merupakan rasa saya lebih kecil daripada jalan kampung lagi sedangkan jalan ini merupakan jalan utama daripada orang-orang dari selatan lalu dan banyak bukit-bukit yang curam.

Ada yang radiunya sampai 10% dan sangat berbahaya, bagi pemandu-pemandu yang pertama kali melalui jalan ini saya percaya kemungkinan untuk mereka mengalami kemalangan adalah sangat besar. Jalan ini juga merupakan jalan yang membawa pelancong sebenarnya dari merata-rata tempat melalui Jerantut ke Taman Negara melalui Kuala Tembeling. Jadi jalan yang bertaraf jalan kampung ini rasa saya perlulah diperlebar dan saya memohon sangat-sangat kepada pihak kementerian memastikan jalan ini di lurus, diperbaiki dan diperlebar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan terus Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Yang terakhir Tuan Pengerusi iaitu mengenai jambatan. Sekarang ini banyak jalan yang dilebarkan tetapi jambatannya kecil. Jadi apa yang saya harapkan kepada kementerian buatlah secara sekali, bersekali apabila jalan telah dilebarkan jambatannya pun hendaklah dilebarkan kerana kadang-kadang bila sampai ke jambatan kecil maka banyak perkara boleh berlaku dan saya sendiri melihat di mana ketua cawangan dan naib ketua cawangan saya meninggal dunia kerana bertembung di jambatan. Jadi untuk itu, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut.

1.05 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh butiran ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak sambung petang atau hendak habiskan sekarang?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Petang? Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis mesyuarat bersidang semula

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sidang sesi pagi di tangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.05 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat bagi Larut, lima minit.

2.32 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak pergi kepada Butiran 060600 – Tol. Sekarang kita tahu bahawa pembinaan tol PLUS daripada utara ke selatan, satu kemudahan untuk pengguna-pengguna. Masalahnya Tuan Pengerusi, selalu timbul kesesakan, contohnya di musim perayaan, berkilometer panjangnya, berlaku kesesakan dan ia juga boleh menyebabkan kadang kala berlakunya kemalangan. Jadi saya hendak tanya kepada pihak JKR, apakah pihak JKR akan mencari satu kaedah baru supaya kita jangan gunakan lagi pembayaran secara tunai di mana-mana tol yang wujud ini. Sebaliknya kita guna kaedah macam *prepaid card* khusus untuk pengguna, tidak kiralah kalau katakan dia hendak guna untuk sekali dua, gunakan kaedah ini. Jadi tidak perlu berhenti, tidak ganggu kenderaan-kenderaan yang lalu di situ.

Kadang kala bila sampai di tol kita berhenti, ia akan menimbulkan masalah masa, gangguan dan kadang kala boleh menyebabkan orang yang cuai daripada belakang, boleh menyebabkan berlakunya kemalangan. Negeri lain sudah tidak mengguna lagi kaedah pembayaran secara tunai ini. Kalau pada ketika itu mereka tidak ada tukaran wang, ini akan menimbulkan masalah. Yang menyedihkan lagi ada yang mengambil kesempatan mungkin, ialah kadang kala yang jaga tol ini perempuan. Jadi saya merasakan pekerja-pekerja tol ini, yang mengutip tol ini boleh diletakkan di tempat lain yang boleh membantu. Contohnya dalam bahagian teknologi maklumat di bawah Kementerian JKR ini, mungkin mereka boleh membantu dari segi mengumpul data tentang masalah kemalangan jalan raya umpamanya. Dan juga tentang projek pelaksanaan di bawah kementerian ini.

Jadi saya berharap JKR mungkin boleh menggunakan kaedah ini untuk mengurangkan kesesakan, bukan sahaja musim perayaan Tuan Pengerusi, bahkan di hari-hari yang lain. Tidak perlulah kita berhenti kerana hendak bayar tol, mungkin boleh kita gunakan kad kredit kalau mereka yang ada kad kredit. Jadi saya mintalah kepada JKR mengubah kaedah ini kepada satu sistem yang lebih baik, yang lebih mengikut kesesuaian masa.

Yang keduanya Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh Butiran 060400 tentang Kuarters Kerajaan, rumah-rumah kerajaan. Kadang-kadang berlaku pembaziran, jadi saya mintalah JKR walaupun dapat peruntukan untuk membaik pulih rumah-rumah kuarters ini, kadang-kadang buat pagar sampai..., dahsyat juga, perbelanjaan pagar lebih mahal daripada rumah. Sedangkan kalau perbelanjaan ini, yang beratus ribu, kadang-kadang sampai RM1 juta, buat padang permainan pun lebih baik. Ataupun membuat rumah-rumah untuk orang miskin...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu pagarliah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya lah, tengok kalau rumah buat tidak berapa baik Tuan Pengerusi, duit itu mungkin dapat digunakan untuk projek yang mendatangkan manfaat. Tidak payah pagar pun tak apa, ini kadang-kadang membazir. Jadi saya minta JKR, janganlah hanya apabila dapat peruntukan terus buat. Mungkin JKR juga boleh memberi pandangan, nasihat, menjadi penasihat kepada setiap projek yang hendak dilakukan. Okay, projek ini mungkin tidak sesuai, jadi duit itu boleh digunakan untuk tujuan lain. Maka sebab itu saya hendak minta supaya di bawah Butiran 186000 ini, iaitu Penggunaan Teknologi Maklumat ini boleh dijadikan *database* supaya JKR tahu di mana projek-projek yang perlu diubahsuai dan mana projek yang tidak perlu diubahsuai. Jadi duit ini boleh kita gunakan untuk tujuan-tujuan yang lain.

Satu lagi Tuan Pengerusi oleh sebab masa, saya hendak sentuh tentang Pembinaan Jalan di bawah Butiran 082600 dan 08600 - Membaik Pulih Jalan dan Menaikkan Taraf Jalan. Pertama, saya hendak ucapkan terima kasih kerana di tempat saya, kalau dulu jalannya berbengkok-bengkok iaitu sejak merdeka tapi alhamdulillah di atas kerjasama Yang Berhormat Menteri, kita dapat meluruskan jalan ini. Cuma ada sedikit lagi, saya hendak tanya daripada Tanjung kepada Kamunting, daripada Selama ke Kubu Gajah telah pun dibuat. Kalau dulu di tempat saya tidak ada *traffic light*, sekarang dah ada *traffic light*, jadi baguslah untuk mengelakkan kemalangan. Cuma saya hendak minta kalau boleh sewaktu *road maintenance* ini dengan izin, dibuat, carilah masa yang sesuai jangan pada masa yang kadang-kadang ini boleh menyebabkan berlakunya gangguan lalu lintas.

Contohnya masa Subuh, buat masa Subuh, sewaktu kurangnya kenderaan yang hendak menggunakan jalan tersebut. Ini kadang-kadang waktu orang ramai menggunakan jalan tersebut, pengguna begitu ramai, masa itulah hendak buat *road repair*, dengan izin, dan sebagainya. Jadi, cari masa yang sesuai, itu yang saya katakan tadi JKR mesti ada satu *database* tentang kesesuaian masa, kemalangan, kumpul maklumat dan sebagainya. Jadi saya berharap dengan adanya usaha sedemikian rupa, tentulah segala kerja-kerja pelaksanaan dapat dilakukan dengan baik.

Satu lagi, saya minta supaya pembinaan jalan ini sama ada secara naik taraf ataupun tidak, buatlah dengan sebetul-betulnya, jangan hanya setakat siap selepas itu di permukaan jalan boleh menimbulkan masalah. Contoh di tempat saya, cantik daripada pandangan tapi menimbulkan masalah kerana permukaannya tidak sama rata, hanya setakat siap. Jadi siapakah yang hendak dipersalahkan? Sama ada yang membuat penyiasatan, pemeriksaan sebelum projek ini boleh diguna pakai oleh pengguna atau orang ramai. Jadi kalau kita buat jalan, perbaiki jalan tetapi tidak selesai, ini juga menimbulkan masalah Tuan Pengerusi dan boleh menimbulkan pembaziran.

Jadi saya berharap supaya pihak JKR yang ada pengalaman dalam kerja-kerja pembinaan ini dapat mengubah cara pendekatan supaya pelaksanaan projek ini bukan sahaja mengikut masa tetapi juga dapat memberi manfaat dan faedah kepada para pengguna.

Jadi Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja yang saya hendak sentuh oleh kerana masa yang telah diberikan pada saya setakat yang telah disebutkan oleh Tuan Pengerusi. Jadi dengan itu, saya menyokong...

Seorang Ahli: Menteri jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri jawab kah? Belumlah, saya minta Menteri siap sedialah untuk jawab. Yang Berhormat, patut hari ini kita perlu selesaikan Kementerian Pengangkutan tetapi sehingga sekarang kita belum bermula. Jadi saya minta tolong boleh jimatkan. Berapa ramai lagi? Banyak, 15 Ahli. Boleh ya, semua kerjasama ya? Antara tiga hingga lima minit lah, bantu sikit ya. Yang mula *start*, tiga minit, Ipoh Timor.

2.39 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang pertama Butiran 050000 mengenai Pengurusan. Yang pertama ialah mengenai pembinaan Istana Negara sebanyak RM40 juta. Kita semua tahu kenapa ada program ini kerana minggu lalu barulah ada upacara untuk melancarkan. Soalan dari bibir rakyat jelata adakah ini perlu? Adakah ini satu *prestige project*? Kenapa kalau kita mahu satu contoh yang baik mengenai berjimat kita perlu ada satu *prestige project* ini. Adakah kita sudah keluar daripada landasan pentadbiran Yang Amat Berhormat? Perkara ini kalau kita tidak boleh bangkit dan soalkan dalam Parlimen, di mana boleh kita bangkitkan.

Sebenarnya dalam bajet kita tengok, bahawa bajet yang dianggarkan ialah RM500 juta tetapi apabila diumumkan RM400 juta, adakah ini satu usaha untuk mengurangkan angka sungguhpun tidak ada perbezaan, tidak ada keputusan untuk mengurangkan perbelanjaan dan apa yang mustahak di sini ialah, kenapa tidak ada tender dikeluarkan. Kenapa tidak ada satu *international competition* dan satu proses yang *transparent* dan siapa Maju Maya yang diberikan kontrak ini.

Di mana mengikut Yang Berhormat Menteri bahawa arahan Perbendaharaan ialah bahawa *letter of intent* dikeluarkan kepada maya baru supaya diberi kontrak ini. Kenapa? Kenapa keputusan yang begitu *obey* yang melanggar satu *transparent process*. Kita mahu tahu siapa syarikat ini supaya kita tahu sama ada, ada pakar atau ini satu contoh *cronyism* di mana tidak ada kepakaran dan kebolehan di belakang ini.

Yang ketiga ialah mengenai MATRADE. Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa tindakan akan diambil supaya denda akan dipulang balik, satu projek RM195 juta akhirnya perlu bayar RM280 juta dan memakan masa lapan tahun kelewatan. Adakah tindakan diambil supaya setiap sen dikutip balik. Apa guna mengadakan ucapan bahawa akan diambil tindakan, kalau tidak ada apa-apa usaha supaya projek ini, mereka yang bertanggungjawab PISB, diberi tanggungjawab untuk membayar balik apa-apa *compensation* yang perlu dan dikehendaki mengikut undang-undang.

Yang keempat ialah mengenai *second bridge*. Kita mahu tahu apa yang sudah berlaku mengenai ganti rugi yang dikatakan Gerbang Perdana meminta yang pada mulanya ialah RM100 juta dan sekarang naik ke RM360 juta. Kalau begitu lebih murah, habiskan membina jambatan bengkok itu. Oleh sebab RM1.1 bilion kalau mengikut apa yang disenarai di sini, RM100 juta untuk *compensation* sekarang sudah naik kepada RM360 juta, RM400 juta untuk *eight lane highway* yang perlu diadakan untuk hubung CIQ kepada *causeway*. Di sini, saya mahu tahu kenapa perlunya begitu mahal. Oleh kerana yang biasanya *standard cost* untuk *eight lane elevated highway* yang boleh mengikuti taraf antarabangsa ialah antara RM75 juta kepada RM80 juta. Kenapa sekarang RM470 juta?

Lagi sekarang kerajaan sudah belanja RM170 juta oleh kerana ia sudah dibuat, tetapi semua sia-sia oleh kerana *cancellation* jambatan bengkok ini dan akhirnya ialah tuntutan Kerajaan Johor, oleh kerana *land premium* ganti rugi RM380 juta. Semua tambah lebih murah untuk habiskan dan membina jambatan bengkok. Saya harap satu jawapan yang memuaskan boleh diadakan.

Mengenai tol. Kita dapati daripada Yang Berhormat Menteri bahawa akhir tahun ini keputusan harus dibuat sama ada akan membenarkan *concessionaire* untuk menaikkan lagi sekali tol untuk semua lebuh raya. Sampai sekarang setiap tiga tahun adalah satu krisis untuk menaikkan tol, akan menambahkan beban rakyat jelata. Kenapa *concession* ini tidak dibuat secara terbuka supaya kita boleh lihat kenapa kerajaan mengikat satu perjanjian yang berat sebelah, yang tidak adil kepada rakyat jelata dan kenapa ini selalu perlu dilalui. Saya harap bahawa mengenai Istana Negara kenapa tiada *transparent process*, *second bridge*, mengenai MATRADE, mengenai tol serta jawapan yang memuaskan boleh diberi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau

2.47 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh dua perkara sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau boleh satu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Ya, satu. Okey cantumkan satu, berkaitan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, bagi peluang kepada kawan lain.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Iaitu berkaitan dengan Butiran 20000 dan 21000, membina persimpangan bertingkat dan naik taraf jalan raya dan laluan.

Tuan Pengerusi, projek menaik taraf persimpangan bertingkat di jalan Tebrau Lebuh Raya Pasir Gudang yang memakan perbelanjaan sebanyak RM125 juta itu, projek pembinaan ini telah mengambil masa yang terlalu panjang dan mendatangkan masalah kesesakan jalan dan kesulitan harian kepada beribu-ribu pengguna jalan yang terpaksa menggunakan laluan ini kerana tiada laluan lain yang lebih dekat.

Jadi projek ini bermula pembinaannya mulai 20 Jun 2002 dan tarikh siap kerja asal adalah 16 Jun 2004 tetapi projek pembinaan bertingkat ini telah gagal disiapkan mengikut jadual dan telah tiga kali telah diberi lanjutan masa. Setelah mengambil masa empat tahun lima bulan baru sahaja menyempurnakan 82% kerja pembinaan keseluruhannya. Jadi tarikh siap kerja yang terkini ialah 24 Februari 2007. Jadi memandangkan pembinaan kerja persimpangan bertingkat ini masih 10% lewat daripada masa yang dijadualkan, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah langkah-langkah diambil dengan secara seriusnya untuk memastikan lanjutan masa tidak perlu diberi lagi.

Saya minta menteri menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan yang begitu lama untuk menyiapkan projek ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: ...Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kelewatan yang keterlaluan ini tidak berulang lagi. Satu lagi berkaitan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat janji satu.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: ...Berkaitan, berkaitan... [Ketawa] Saya ingin juga menyentuh *Senai-Desaru Expressway* yang memakan perbelanjaan RM1058 juta yang kini pembinaan sedang berjalan di kawasan Tebräu dan kontraktor yang *design and build* itu ialah Ranhill Engineers and Construction Sdn Bhd. Saya difahamkan projek *expressway* ini dilaksanakan dalam bentuk empat pakej dan dijangka akan disiapkan pada awal tahun 2008 dan kini sudah 30% siap, tetapi sudah 4% lewat.

Jadi saya minta kementerian mengambil segala langkah yang diperlukan untuk memastikan tarikh persiapannya tidak dilanjutkan. Lanjutan seperti persimpangan bertingkat jalan Tebräu dan Pasir Gudang itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]:Lanjutan yang tidak dijustifikasikan harus disekat. Ini disebabkan tarikh projek ini disiapkan adalah berkaitan dengan projek permulaan pelebaran Lebuhraya Pasir Gudang yang sudah lama ditunggu oleh rakyat di bandar raya Johor Bahru.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Sikit Sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berkaitan juga.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Ya berkaitan yang kini mengalami kesulitan harian kerana terpaksa menggunakan Lebuhraya Pasir Gudang yang berlaku kesesakan yang teruk setiap hari. Saya minta kementerian memantau projek *Senai-Desaru Expressway* dengan serapi-rapinya. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pensiangan, Yang Berhormat satu perkara sahaja.

2.50 ptg.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satulah Yang Berhormat, saya mintalah.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Okey satu. Satu...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Menyampuk]

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Mana pula suruh gulung, ini Putatan belum start lagi suruh gulung. Nanti saya cakap dia gulung. Dia selalu kacau.

Saya ingin menyentuh Butiran 08280 - Pembinaan Jalan-jalan. Saya difahamkan oleh JKR bahawa Jalan 'Sepulot-Salong-Pangalongan'. Saya mempersoalkan mereka dan saya mendapat jawapan dan Jalan Sepulot-Salong-Pangalongan ini telah pun mendapat peruntukan sebanyak RM120 juta tetapi apabila sampai jawapan yang saya terima pada hari ini, nampaknya tercicir lagi. Saya nampak ada sedikit kepincangan dari segi jawapan-jawapan yang diberi oleh pegawai-pegawai ataupun kementerian ini dan saya minta supaya kementerian ini selaraskan dengan JKR Sabah dan juga JKR Persekutuan supaya dapat diserasikan. Jangan ini jawab yang satu pula, yang ini jawab yang itu pula. Jadi tidak ada kesamaan daripada segi jawapan-jawapan yang diberi oleh kementerian.

Jadi saya minta supaya jawapan yang tepat, jawapan yang betul-betul bernaas dan jawapan yang padat supaya saya dapat sampaikan masalah ini dan juga jawapan kepada rakyat di seluruh Pensiangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Cameron Highland.

2.52 ptg.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai? Duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Duduk]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya akan membahaskan Butiran 31000, 81000 dan 89000...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu, satu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu sahaja ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ya, ini berkaitan dengan pembinaan jalan utama, Pakej 3 dan 4 di antara Bertau dengan Ringlet satu lebuh raya atau jalan yang baru. Saya dapati syarat-syarat kontrak yang diamanahkan kepada kontraktor-kontraktor yang membina jalan ini, yang sedang dilaksanakan di peringkat pakej ketiga dan keempat, tidak begitu teratur dan mantap. Bererti ada pelanggaran, ini mungkin disebabkan oleh pemantauan yang kurang serius.

Saya mohon supaya pihak kementerian memperkasa lagi pemantauan pembinaan ini, ini kerana Cameron Highlands adalah tempat berbukit bergunung, maka sekiranya lebuh raya tidak diaturkan dengan betul maka berlaku runtuh tanah yang serius. Ini juga telah memberi pencemaran yang begitu ketara dalam sungai-sungai yang begitu besar yang memberi sumbangan air kepada Pahang, Perak, Kedah dan Selangor. Dan juga golongan-golongan kaum asli dan juga kampung-kampung Melayu tradisional 14, di sepanjang jalan itu mengalami kesan yang serius akibat daripada tidak adanya syarat-syarat yang ketat dalam pembinaan.

Saya minta lagi satu persoalan berapakah jumlah amaran yang telah dikeluarkan dan tindakan diambil terhadap kontraktor kerana pelanggaran syarat-syarat ini khususnya berkaitan dengan *seal trap* dan *access road*. *Access road* itu ialah satu lagi jalan yang dibina lain daripada jalan raya untuk membawa barang-barang keperluan pembinaan ke tempat itu dan jalan itu akan dibiarkan selepas projek habis. Maka saya rasa jalan *access* itu dilakukan secara sewenang-wenangnya sehingga menghancurkan flora fauna. Khususnya hutan belantara yang begitu *virgin*, dengan izin. Maka dengan ini berlakunya masalah lain seperti aktiviti pertanian haram berlaku di tempat itu, kerana tanah itu terdedah maka orang buat bertani.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, apa punya presiden...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini Putatan kacau selalu, buat apa Tuan Pengerusi?... [Dewan riuh] [Ketawa] Suruh Putatan diam sedikit, saya hendak bahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, nanti tidak payah beri dia berucaplah nanti... [Dewan riuh] [Ketawa]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Hah, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Maka..., hey belum lagi, sedikit sahaja lagi, ada kaitan Tuan Pengerusi. Akhir sekali saya minta supaya Pakej 4 yang dibina oleh Bina Puri supaya memberi pampasan kepada 67 petani-petani yang telah disuruh keluar kerana mereka berada di *road of way* atau ROW, di mana tanah itu tanah TOL, di Cameron Highlands semua tanahnya 80 peratus TOL.

Maka petani-petani telah bertani selama 50 hingga 60 tahun, tidak boleh tiba-tiba mereka kita suruh mereka keluar, kita mahu pembangunan maka surat itu telah pun dimajukan oleh JD kanan yang menjaga projek itu, tetapi setakat ini belum ada dan tidak ada balasan dari sana, dari pihak kementerian. Saya minta supaya benda ini diambil kira dan diberi sedikit kepada mereka baru-baru ini kita beri juta-juta ringgit kerana kita gunakan tanah *native* Orang-Orang Asli...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Maka saya minta supaya benda ini diselesaikan, bayaran *ex gratia* diberi. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun] [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai pun hendak berucap? Baik satu minit, sila.

2.55 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat saya hormati dan kasihi Timbalan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah sebut begitu panjanglah, teruskan soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Teruskan ya. Istana! Yang saya hendak mempertahankan bahawa raja adalah lambang kedaulatan dan maruah negara, raja adalah tunggak perpaduan negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang Kementerian Kerja Raya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal istana.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sokong dibuat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sokong terpacak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi, hey Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi!... [Dewan riuh] Saya pun tidak teruk macam ini Tuan Pengerusi, saya bagi *chance* orang bercakap, tetapi Tuan Pengerusi, tak bagi *chance* kah sikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat sokong dan kerajaan akan buat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya, ya, Tuan Pengerusi, saya mahu sedikit sahaja, ini tergantung Tuan Pengerusi, tergantung..., benda tergantung tidak elok!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi apa hendak tanya, apa hendak tanya? Ya, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Tuan Pengerusi, kita lihat istana kita ini sudah *outdated*, kita tengok di negeri-negeri lain orang dunia datang tengok istana negara kita, bekas rumah orang dijadikan istana. Jadi saya berpendapat ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat semua sokonglah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi saya hendak beritahu orang yang tidak faham sahaja yang tidak setuju, rakyat jelata akan setuju kerana raja ini tempat maruah kita Tuan Pengerusi, kita bernaung di bawah raja.

Jadi saya minta supaya jangan kita, kalau kita tidak mahu istana dibuat untuk raja, bermakna kita menghina raja kita, ini tidak patut, raja kena letak di tempat yang berdaulat dan bernaung dan dalam nyanyian lagu Negaraku, lagu Negaraku, '*Rahmat bahagia Tuhan kurniakan, Raja kita, selamat bertakhta...*' tak kan hendak duduk di rumah, di istana...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah ini projek tentu akan buat, cukuplah itu Yang Berhormat... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*] Sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi orang yang tidak faham, jangan. Ini daulat, jangan usik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik, cukup, cukup, cukup. Sila Kelana Jaya... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

2.57 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 050600 - Pengurusan Projek dan Butiran 60000 - Naik Taraf Jalan. Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9000 sebagai asas kepada usaha berterusan dalam peningkatan sistem kualiti bagi menghasilkan produk yang berkualiti. Cuma apabila mendapat ISO 9000 ini janganlah jadi ISO tentang ada projek-projek yang tidak ISO Tuan Pengerusi.

Saya hendak rujuk dari segi pengurusan projek, kementerian harus melaksanakan kerja-kerja pemantauan ke atas program penswastaan penyelenggaraan di bawah seliaan supaya memenuhi spesifikasi yang telah dipersetujui dan memastikan projek-projek dapat dijalankan dengan cekap. Oleh itu Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Projek Pembinaan Jalan Penyambung Subang Kelana. Rujukannya kontrak nombor adalah JKR-IP-UB-9-2004 iaitu Projek Pembinaan Jalan Penyambung Subang Kelana.

Tuan Pengerusi, projek ini adalah satu projek yang baik kalau dilihat untuk menyelesaikan masalah kesesakan di kawasan daerah Petaling khususnya di kawasan Parlimen saya. Semua orang di Selangor tahu, khususnya daerah Petaling, jalan yang paling sesak adalah kawasan di Jalan Kewajipan iaitu di mana projek ini terletak tetapi malangnya skop projek ini hanya sampai di pertengahan Jalan Kewajipan sahaja. Maka persoalannya ialah apakah apabila projek ini siap dapatkah projek ini dapat mengatasi masalah kesesakan di Jalan Kewajipan di dalam kawasan Subang Jaya, ini yang pertama.

Yang keduanya, oleh kerana kita telah menjangka bahawa projek ini walaupun siap tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan, oleh itu saya hendak tanya apakah projek-projek susulan selepas penyempurnaan projek penyambung Subang Kelana ini untuk menyelesaikan masalah kesesakan ini. Saya hendak minta kementerian supaya memastikan semasa perjalanan projek ini tidak akan mendatangkan kesulitan kepada rakyat kerana projek ini pemantauan, minta maaf iaitu pengambilan tapak telah pun diadakan pada tahun 2004, pada bulan Februari dan sepatutnya siap tahun ini, tahun 2006 bulan Julai, tetapi tidak siap.

Maka diberi *extension of time*, dengan izin, sampai ke tahun hadapan iaitu sampai bulan Jun, 2007 tetapi kita telah dimaklumkan bahawa projek ini pun tidak akan siap pada tahun hadapan, maka diberi masa lagi sampai ke tahun 2008.

Maka adalah menjadi kewajipan untuk buat jalan ini keseluruhannya sesuai dengan nama jalan iaitu Jalan Kewajipan. Maka tengoklah supaya dapat menyelesaikan masalah ini. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya mintalah supaya kementerian dapat meneliti perkara ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat, cukup.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Cukupkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kanowit.

3.00 ptg.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Tuan Pengerusi, saya akan terus kepada Butiran 09280 – Membina Jalan-Jalan Di Sarawak yang tahun 2007 ini mendapat RM227 juta peruntukan. Jadi di Kanowit jalan yang saya akan sentuh di sini ialah Jalan Ngungun ke Jagau. Saya ingat Setiausaha Parlimen dia mungkin tahu jalan ini yang sudah dibuat empat ke lima tahun dahulu tetapi sampai sekarang belum setengah jalan itu pun siap. Jadi tiap-tiap tahun jalan ini mungkin diberi peruntukan dalam kadar RM500 ribu yang dibuat oleh JKR. Orang di sana sekarang sudah bingung sebab sudah terlalu lama menunggu jalan ini. Jadi mereka minta supaya jalan ini diberi kepada kontraktor. Saya harap kementerian melihat perkara ini dengan teliti sebab ini sangat penting untuk menghubungi tempat-tempat di hulu sungai seperti hulu Ngemah.

Yang kedua ialah jambatan di Sungai Kanowit untuk menghubungkan jalan-jalan di Majau. Jalan Majau sudah siap yang sepanjang 14 kilometer tetapi tidak ada jambatan untuk menyambung ke pekan Kanowit. Mereka yang menggunakan kereta terpaksa mengambil risiko untuk meninggalkan kereta mereka di Pekan Kanowit dan melawat ke seberang menggunakan perahu. Ini juga menjadi masalah sebab bukan untuk itu sahaja tetapi kegiatan ekonomi pun tidak dapat dijalankan. Ada beberapa cadangan untuk menubuhkan ladang sawit di kawasan sana tetapi sampai sekarang tidak dapat dijalankan oleh kerana jalan itu belum disambung dengan jambatan ke Pekan Kanowit. Saya mencadangkan kepada kerajaan, kalau jambatan ini tidak dapat dibuat dengan segera, saya minta perkhidmatan feri dibuat di sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat cukup.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

3.02 ptg.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin membangkit dan meminta penjelasan tentang jalan di pesisiran pantai dari Pengkalan Kubur ke Kedai Buloh sampai ke Pantai Melawi, Bachok. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan dahulu peruntukan telah ada tetapi sampai sekarang ini sebahagian daripada jalan itu dari Kedai Buloh sampai Melawi, Bachok melalui Lapangan Terbang Pengkalan Chepa tergendala. Saya ingin tahu berapa peruntukan ini ada. Adakah jalan pesisiran pantai ini telah dibatalkan dan kalau ada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, berapa jumlahnya? Dalam bajet ini saya tidak nampak. Saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup. Yang Berhormat bagi Putatan.

3.03 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu perkara, baik.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Satu sahaja tetapi butiran dua. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak kira berapa butiran tetapi satu perkaralah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh soal ke arah teknikal. Apabila Yang Berhormat Menteri menjawab soalan saya berkenaan kesesakan di berhadapan dengan *airport* antarabangsa, Kota Kinabalu bahawa apakah pendekatan yang dibuat untuk menyelesaikan kesesakan jalan raya di *Pan Borneo Highway* ini yang melintasi Sungai Petagas. Jadi jawapan dia, dia melebarkan jalan dari persimpangan Tanjung Aru ke 'Chan Kepayan' sahaja.

Ia melibatkan tiga *lane*. Saya tidak membantah pembesaran jalan ini, tetapi soalnya dia tidak kenal punca kesesakan jalan itu. Jadi apa yang dilaksanakan *just for the sake of having a project*, dengan izin. Dia gunakan wang yang diperuntukkan itu untuk melebarkan jalan yang melibatkan banyak pokok yang *Beautification Program* daripada DBKK yang baru dibuat yang telah dibelanjakan sudah dibuang. Jadi ini satu pembaziran, Tuan Pengerusi. Jadi saya satu kali lagi menyoal pihak kementerian supaya punca kesesakan itu diselesaikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ...Iaitu Sungai Petagas itu kalau boleh diperbesarkan, ia hanya lebar 120 kaki ataupun jambatan alternatif.

Satu lagi dalam satu perkara ini tetapi butiran yang lain sedikit iaitu Butiran 61000 iaitu Naik Taraf yang mana saya sentuh satu kali lagi ini dalam masa 30 tahun. Sudah 30 tahun, Tuan Pengerusi. Saya baru-baru ini pergi *attend* satu majlis perkahwinan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baru jadi Yang Berhormat dua tahun.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini sudah 30 tahun sudah lama. Jadi jalan itu dikendalikan oleh kontraktor konsesi yang tidak mengabaikan tugasnya untuk memulihara jalan ini. Jadi orang kampung itu apa salah kami dari kampung ini? Kenapa jalan ini belum diturapkan lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Jadi saya haraplah Jalan Kampung Potuk ini dilaksanakan pada tahun ini, kalau boleh dengan jumlah RM648 juta ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rembau.

3.06 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi ke tajuk 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri, jalan Seremban-Gemas naik taraf ke empat lorong ditangguhkan kerana beberapa sebab tertentu. Saya harap kementerian dapat kaji balik, khususnya dari Seremban ke Tampin. Ini kerana laluan di sini kerap berlaku kemalangan. Misalnya angka tahun 2005, kilometer 18, 25 kemalangan, satu maut; kilometer 17, 23 kemalangan, enam maut; kilometer 43, lapan kemalangan, satu maut; dan kilometer 42, 17 kemalangan, dua maut.

Selain daripada itu, Jalan Seremban-Tampin ini juga, khususnya yang melalui Rembau terdapat beberapa simpang penting yang boleh menghubungkan terus ke sepuluh kawasan penting iaitu Kawasan Perindustrian Kendong, pekan Rembau, Biro Tatanegara Ulu Seperi, Kawasan Perindustrian Cembong, Pusat Rekreasi Air Panas Pedas, Kawasan Perindustrian Sungai Gadut, pusat pelancongan seperti Makam Raja Melewar, Gunung Datuk dan kediaman Yang Teramat Mulia Undang Rembau, Kawasan Perindustrian Makanan Halal Pedas, Pusat Latihan Belia Negara, Projek Pembangunan Pertanian Lembah Seperi.

Jadi begitulah pentingnya dan kalau jalan ini dapat dilebarkan kepada empat lorong, sekarang ini saya difahamkan sudah sampai ke Sungai Gadut, saya ucap terima kasih kepada pihak kementerian, sambung sampai kalau tidak boleh Tampin pun, sekurangnya sampai ke Cengkau dahulu atau ke Kendong. Dengan itu akan dapat diijamatkan perjalanan, sekarang ini setengah jam, mungkin kesepuluh minit sahaja. Tambahan pula kerajaan negeri sekarang ini menggalakkan mereka yang tinggal di Kuala Lumpur membeli rumah Negeri Sembilan sebab sebahagian daripada Negeri Sembilan telah menjadi *part of the greater Klang Valley*, dengan izin.

Jadi ia termasuk jugalah di Rembau. Dengan itu kita harap dengan adanya empat lorong tadi bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan di Lebuhraya Utara-Selatan tetapi juga akan dapat membantu meningkatkan pelancongan di kawasan Rembau.

Selain daripada itu saya hendak sebut juga kalau boleh dipertimbang juga jejantas. Ada beberapa sekolah di sepanjang jalan itu yang sekarang ini agak berbahaya, kerap juga berlaku kemalangan. Misalnya di Sekolah Datuk Diraja di Seksyen 292, jumlah penuntut 1,300, isi padu lalu-lintas 16 jam – 11,985. Kemudian Sekolah Kebangsaan Kota – 11,365 isi padu lalu-lintas 16 jam, jumlah murid 260. Sekolah Kebangsaan Salak Nama – 10,816 isi padu lalu-lintas. Kemudian Sekolah Kebangsaan Cengkau – 10,316. Kalau tidak dapat jejantas pun sekurang-kurangnya mungkin *zebra crossing*, dengan izin, dan juga mungkin dengan *traffic light*. Dengan cara itu akan dapat mengurangkan kemalangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, cukup.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tenom.

3.09 ptg.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dalam satu perkara iaitu Butiran 08280 berkenaan dengan pembinaan jalan raya. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berkenaan dengan projek pembinaan jalan raya di antara Kemabong dan Sipitang. Saya telah difahamkan pada tempoh hari projek ini telah lambat dan saya minta kementerian supaya mengambil tindakan segera supaya kerja-kerja penyiapan dapat dijalankan dengan segera sebab jalan ini membolehkan petani-petani di kawasan Tenom ini dapat memasarkan hasil pertanian mereka ke Sipitang ataupun Brunei. Di samping itu juga jalan raya ini memberi manfaat kepada pelancongan terutama di kawasan Parlimen Tenom ada sebuah taman yang sentiasa dikunjungi oleh pengunjung-pengunjung dari luar ataupun dari dalam negara kita sendiri.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh 08230 iaitu berkenaan dengan pembinaan jambatan. Saya juga telah difahamkan di kawasan saya, pihak kementerian juga akan membina sebuah jambatan yang terletak di Simpangan yang menghubungkan di antara Pusat Kebudayaan Murut dan juga Lagut Seberang. Saya telah difahamkan bahawa peruntukan yang telah disediakan khas untuk membina jambatan ini hanya terhad untuk jambatan sahaja tetapi tidak membina jalan di seberang. Jadi saya harap pihak kementerian mengambil perhatian ini supaya bukan sahaja jambatan tetapi jalan juga dapat disediakan supaya jalan ini sampai ke Lagut Seberang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup. Yang Berhormat bagi Batu Sapi.

3.11 ptg.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh tiga jalan sahaja di Sandakan. Dua di kawasan saya di Batu Sapi. Pertama *Northern Ring Road* ataupun Jalan Utara sedang dibina di Sandakan tetapi *Southern Ring Road* dan *Libaran By-pass* mesti dibina oleh kerana POIC ataupun *Palm Oil Industrial Cluster* akan dibina di Batu Sapi di dalam dua tahun ini. So, saya harap peruntukan akan disediakan untuk memulakan kerja di kedua-dua jalan ini oleh kerana semua lori yang membawa minyak kelapa sawit akan menggunakan kedua-dua jalan ini.

Di Batu Sapi juga, ada satu jalan iaitu Jalan Ulu Sibuka. Jalan ini ialah tiga kilometer di dalam radius dari Sandakan. Tidak jauh, tetapi saya diberitahu sudah ada tiga generasi penduduk di sana dan lebih kurang 70 rumah yang di dalam sana tetapi jalan ini tidak ditarkan. So, saya harap kerajaan Kementerian Kerja Raya akan sediakan peruntukan untuk tarkan jalan ini dan juga *at the present moment* kalau boleh dengan izin, tolonglah *look into the maintenance of this road* oleh kerana di dalam sana ada satu kilang kayu balak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

3.12 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkitkan soal Lebuhraya Pantai Barat dan juga Lebuhraya Asam Jawa - Templer Park. Saya harap projek ini dapat dilaksanakan segera agar ia dapat menjadi pemangkin kepada kemajuan Kuala Selangor menjelang tahun 2015. Cuma saya berharap jajaran Lebuhraya Pantai Barat yang melalui Kuala Selangor dapat dialihkan ke pinggir kampung kerana ia melibatkan 31 buah rumah di Kampung Bukit Hijau dan juga Kampung Bukit Kucing Tengah. Bimbang ia akan menimbulkan masalah sosio-politik.

Yang Kedua Tuan Pengerusi, saya harap jalan bengkok-bengkok FT 054 yang melalui Jalan Tuan Mei ke Ijok dapat diluruskan kerana banyak kemalangan berlaku di kawasan ini. Dan yang ketiga, saya minta jalan dari Simpang Tiga Ijok ke Batang Berjuntai dan juga dari Batang Berjuntai ke Selangor dan daripada Bukit Rotan ke Kampung Kuantan kerana kawasan ini merupakan *heavy traffic*, dengan izin, dapat dinaik taraf dan kawasan ini juga merupakan kawasan pusat pelancongan seperti Kampung Kuantan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup. Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

3.14 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Menyentuh P.27 beberapa Butiran, saya kira tidak perlu dinyatakan Butiran. Cuma berkaitan dengan tender *design and build*. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah justifikasi bagi tender untuk *design and build* yang sekarang ini mengeluarkan hanya berkaitan dengan tapak projek tanpa ada garis panduan berkaitan dengan spesifikasi ataupun perkara-perkara teknikal lain bagi menentukan kadar harga atau *design* yang bakal dikemukakan oleh pihak kontraktor. Berkaitan dengan tender-tender yang dikeluarkan, nampaknya sekarang ini banyak tender dikeluarkan dan ini menyebabkan saya menyangka akan timbul permasalahan pada pelaksanaan nanti.

Pertamanya berkaitan dengan barang. Contohnya barang akan naik harga sebab permintaan terhadap barang-barang tersebut semakin bertambah secara serentak. Kalau kita tengok sekarang ini *premix* misalnya harga pada kadar sekarang, dahulu ialah pada harga RM60 se tan dan sekarang ini sudah naik sehingga RM140 setan. Jadi ini untuk itu, ia akan menyebabkan dari segi *cost overrun* maknanya siling kementerian akan terjejas. Jadi saya ingin mendapat tahu apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan tidak ada *cost overrun* ini yang akhirnya akan memberi manfaat kepada projek yang lebih banyak dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat cukup. Yang Berhormat bagi Sepanggar.

3.15 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 08260 - Naik taraf dan Memulihkan Jalan. Saya ingin tahu sama ada pendaftaran untuk 'SARIS/MARIS' ini masih digunakan. Dan juga oleh kerana kita tahu bahawa kebanyakan jalan-jalan yang masih belum dapat diisytiharkan sebagai 'SARIS/MARIS' sukar diperbaiki dan tidak dapat kita tahu siapa yang betul-betul akan mengendalikan pembaikan itu. Begitu juga dengan senarai jalan-jalan di antara negeri dan pusat. Kita tidak tahu di manakah jalan yang dipunyai oleh JKR negeri dan JKR Persekutuan.

So, kita minta kalau boleh semua senarai ini kalau kita boleh dibekalkan supaya kita tahu sekurang-kurangnya kita boleh wujudkan satu perbincangan kepada JKR negeri dan JKR pusat supaya kita tahu bagaimana kita dapat teruskan pembaikan itu. Sehubungan dengan itu, saya memohon satu jalan lalu lintas Jalan Sulaiman ke Jalan Tuaran. Oleh kerana pada ketika ini, jalan ini baru dibina dalam tiga tahun yang lalu dan sekarang sudah begitu pesat disebabkan semua jabatan-jabatan Persekutuan akan dipindahkan ke kawasan Petra Jaya Baru di Sepanggar maka jalan ini begitu sesak sekali dan sebab itu saya minta supaya ini mendesak jalan lalu lintas, Jalan Lintas Sulaiman-Tuaran. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

3.18 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Satu perkara sahaja Tuan Pengerusi. Mengenai pengurusan projek iaitu peruntukan untuk memperbaiki bangunan-bangunan sekolah yang tidak selamat yang dikatakan telah diselewengkan RM30,000 tetapi hanya digunakan RM3,000 tetapi dituntut RM30,000 dan juga sekurang-kurangnya telah berlaku di tiga Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Yang pertama ialah di SJK(C) Mah Hwa di Kepala Batas dan yang kedua di Johor. Jadi Yang Berhormat Menteri sendiri tidak pergi ke sana untuk memastikan sama ada apa yang didakwa itu adalah benar. Dan juga Pengerusi atau Presiden MCA juga sama-sama pergi, tetapi sampai hari ini kita tidak melihat siapa yang perlu bertanggungjawab untuk perkara seperti ini?

Siapa yang telah mengambil duit itu..., dia pergi ke mana dan masuk ke kocek siapa? Dia tidak memberi laporan dan tidak ada orang yang didakwa ke mahkamah dan ada RM10 juta yang telah diperuntukkan untuk jenis pembaikan seperti ini untuk lebih kurang 116 buah sekolah. Jadi saya rasa semua sekolah ini, semua peruntukan ini perlu diperiksa. Semua kerja-kerja ini perlu diperiksa supaya untuk memastikan duit yang diperuntukkan untuk membaiki sekolah yang tidak selamat itu sepatutnya hilang begitu sahaja di *hijack*. Dan saya meminta supaya Yang Berhormat Menteri, dia tidak datang atau Setiausaha Parlimen walaupun daripada Sarawak, saya harap dia fahamlah apa yang berlaku di Semenanjung ini dan memberikan satu laporan yang teliti mengenai perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Pendang.

3.20 ptg.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, berhubung dengan naik taraf jalan RM60 ribu, kita tahu *exist* Pendang baru sahaja dibuka dan jalan daripada Kota Sarang Semut ke Pendang dan Pendang ke Sungai Tiang. Saya lihat dalam Rancangan Malaysia Kelapan ada, tetapi apabila datang Rancangan Malaysia Kesembilan tiba-tiba hilang macam biskut, sekejap ada sekejap tidak ada. Saya harap daripada Pendang ke Sungai Tiang dapat difikirkan semula kerana pemilik-pemilik tanah di situ sudah pun bersedia untuk berkorban untuk memberikan keluasan jalan ini.

Kemudian *exist* di Pendang itu ada satu klinik bidan. Klinik bidan terletak di tepi dengan *exist*. Jadi, saya harap kerajaan tolong bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan mengambil perhatian kerana ini melibatkan kesihatan ibu-ibu mengandung dan juga bayi-bayi yang akan membuat pemeriksaan di tepi itu. Longkang, saya sudah pun memberitahu kepada menteri dan dia kata hendak siasat, saya hendak tahu apakah siasatan. Longkang ini lebih rendah daripada bendang, saya takut dalam masa enam bulan ini lebuhraya ini akan pecah kerana air sentiasa bertakung. Air daripada longkang tidak boleh melompat ke dalam sawah, tetapi air dalam sawah masuk ke longkang di tepi lebuhraya. Mungkin ia akan pecah dengan begitu segera, dengan cepat.

Kemudian, jambatan-jambatan yang menjadi *bottleneck* kepada jalan itu di harap diberi perhatian kerana kita tidak mahu mempunyai jalan yang lebar, tetapi apabila sampai ke jambatan, kereta terpaksa berhenti dan ini menyebabkan kesesakan lalu lintas. Itu sahajalah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit bintang baru masuk,

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menjawab pada pukul 3.30 petang. Yang Berhormat bagi Bagan.

3.22 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 02800 iaitu Jalan Raya dan Jambatan Semenanjung. JKR telah melalui kontraktor swasta membina sebuah jambatan melintasi Sungai Prai iaitu sebahagian kerja-kerja ataupun projek dari BORR atau *Butterworth Outer Ring Road*. Jambatan ini telah lambat disiapkan dan saya pernah membangkitkan soalan lisan dalam Parlimen ini dan di dapati tahu bahawa kontraktor berkenaan boleh didenda RM60 ribu sehari dan kini jambatan ini telah siap dibina tetapi belum dibuka untuk laluan, saya ingin tahu kedudukan terkini berkenaan dengan jumlah hari yang telah terlambat dan jumlah denda yang dikenakan kepada kontraktor ini, sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup. Yang Berhormat bagi Penampang.

3.23 ptg.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 08280, 08800 pembinaan jalan raya di Sabah. Saya ingin bertanya kepada kementerian, ada tiga jalan raya di kawasan saya dengan izin, kawasan saya ini *suburban*. Ketiga-tiga jalan raya itu iaitu Jalan Babah-Kampung Mahandoi, Jalan Kibunut, Jalan Kipouvo. Jalan ini telah berpuluh-puluh tahun tidak dinaiktarafkan walaupun digelar sebagai jalan raya JKR. Saya telah menulis kepada kementerian, tetapi sehingga kini belum mendapat jawapan, jadi saya bangkitkan soalan bilakah jalan-jalan ini akan diselesaikan, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup. Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

3.24 ptg

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada satu Butiran sahaja iaitu 02800 - Baik Pulih Laluan Persekutuan. Perkara ini saya telah bangkit Parlimen sesi lepas tahun lepas di mana saya melihat bahawa jalan daripada Kota Baharu, Pasir Pekan.

Dari Pasir Pekan ke Pasir Mas, ia melibatkan lima buah sekolah besar-besar, sekolah kebangsaan dan sekolah menengah di mana saya melihat jalannya terlalu sempit dan dari hutan ke Pasir Mas ada jabatan yang lama dibuat, tetapi sehingga kini belum selesai lagi di mana jalan lencongannya terlalu sempit yang membawa kepada banyak kemalangan berlaku di sini. Saya harap kepada kementerian, mengambil tindakan segera supaya jalan ini diperlebar dan jejambat yang dibuat itu mesti disegerakan juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Satu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Di antara sekolah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Emm, baiklah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sekolah Menengah Tendung itu pelajarannya barangkali 3000 orang pelajar di mana tidak ada jejantas yang dapat melintasi jalan yang terlibat yang mana pelajar-pelajarnya terdedah dengan kemalangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, jadi ada dua lagi. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dahulu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, ini mengenai jalan Simpang Pulai ke...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dahulu... [Ketawa]

3.26 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk 02800 - Memperbaiki, Mengganti dan Menaik Taraf Jalan dan peruntukan RM53,500,000. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada projek pembinaan *express way* antara Jalan Sultan Ismail melalui Jalan Travers ke Bulatan Kampung Pandan Kuala Lumpur yang sedang dalam pembinaan tetapi berjalan perlahan. Akibatnya berlaku kesesakan lalu lintas. Saluran pembetungan bawah tanah di Jalan Travers sering tersumbat apabila hujan turun dan yang menyebabkan gangguan limpahan najis dan kumbahan ke rumah-rumah kedai-kedai sekitar kawasan Jalan Imbi. Dua keadaan ini yang tidak diingini berlaku oleh penduduk-penduduk berikutan projek pembinaan dan menghubungkan ini wajarlah dihindarkan kerana mereka tidak harus menjadi mangsa apabila projek pembinaan ini berjalan.

Saya dan penduduk tidak menafikan betapa pentingnya jalan berhubung ekspres way ini bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di jalan-jalan utama, tetapi apabila dilakukan dalam bandar raya, maka kerja-kerja pembinaan hendaklah dipercepatkan dan tidak boleh dilengah-lengahkan. Begitu juga projek pelebaran Jalan Loke Yew yang sedang berjalan sehingga menimbulkan kesesakan lalu lintas sehingga ke Taman Pertama, Taman Miharja dan Jalan Yaakob Latiff, Jalan Cheras dan dalam Jalan Maharajalela sendiri. Walaupun jalan lencongan disediakan, tetapi ia tidak dapat mengurangkan kesesakan dalam masa yang cepat. Para pemandu terpaksa membuang masa, petrol dan menghadapi tekanan perasaan apabila terperangkap di dalam kesesakan ini. Cadangan saya ialah pihak jabatan dan kontraktor hendaklah mewujudkan jalan-jalan lingkungan sementara yang cukup bagi meleraikan kesesakan, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat sila.

3.28 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, ini mengenai hal jalan Simpang Pulai ke Cameron Highlands melalui Pos Slim saya hendak ketahui siapakah kontraktor yang telah ditugaskan untuk menjalankan projek jalan raya ini memandangkan ini lebih kurang 15 tahun lebuhraya ini dibuat.

Akan tetapi setiap kali ada beberapa hakisan tanah, setiap kali terjadi-jadi. Baru-baru ini seminggu dahulu satu perkara di mana hakisan tanah yang sangat teruk hingga beberapa kenderaan telah terlibat dalam perkara ini dan apakah tindakan diambil supaya perkara-perkara ini macam ini tidak terjadi.

Jangan kita lupa lebih kurang dua tahun lalu, apabila satu hakisan tanah terjadi, beberapa orang telah cedera akibat ini dan perkara kedua adalah mengenai *outer ring road* di mana saya telah membangkitkan perkara ini kepada Menteri dalam Dewan ini *outer ring road* di Ipoh di mana satu cadangan telah diadakan dan berapakah anggaran kosnya dan siapakah yang telah ditugaskan untuk menjalankan pembinaan *outer ring road* dan akhir sekali ialah mengenai penalti mengenai jalan raya di antar Sungkai dan Slim River. Oleh kerana kelewatan yang dibuat jalan raya ini, berapakah pampasan yang akan dikenakan oleh kontraktor perlu dibayar kepada kerajaan dan kenapa kelewatan untuk membina jalan raya ini masih sedang dibuat hingga hari ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sekarang jam 3.29 petang, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh jawab. Sejumlah 44 Ahli Yang Berhormat telah berucap.

3.29 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, mana Menteri? Mana Timbalan Menteri? Ini Bajet 2006, bajet yang pertama untuk Rancangan Malaysia Kesembilan. Menteri tak ada, timbalan menteri tak ada. Mana ada keseriusan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, betul! Akan tetapi, itu peringkat yang ketiga! Sungguhpun mengikut peraturan boleh, tetapi *morality*, *authority*, kewibawaan, *capability* mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Seorang Ahli: Perhimpunan Agung...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Perhimpunan Agung habis, boleh tidur! Apa ini? Mana itu menteri? Dia selalu kata sangat...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada sebab..

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *Point of order.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Patut dikutip!

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: 36(12).

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menteri tak ada, timbalan menteri tak ada!

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *Point of order*, 36(12).

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Cameron Highlands selalu mahu sendiri..

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: 36(12), *point of order*. Saya minta *point of order*. Apa dia bising?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order*. Ini salah guna!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa Peraturan Mesyuarat, apa Peraturan Mesyuarat?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: 36(12), memesongkan Dewan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa Peraturan Mesyuarat?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: 36(12), memesongkan Dewan! Memesongkan Dewan!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Setiausaha Parlimen datang, mana boleh?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Setiausaha Parlimen ditugaskan untuk menjawab soalan-soalan berkaitan dengan soalan jawapan!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oh! Untuk Barisan Nasional, *MP*, Setiausaha Parlimen cukuplah! Untuk pembangkang, mahu menteri!

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: 36(12)..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Untuk Cameron Highlands, SUP cukup!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah!

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Dengar dahulu jawapan yang diberi. Dengar dahulu jawapan yang diberi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah taraf MIC! *Low standard, 'C' class. Nine class.*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Baru memberi komen!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita mahu menteri! Kita tak mahu Setiausaha Parlimen!

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Kita akui Ketua Pembangkang, pandai!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Cameron Highlands, sila beritahu kenapa menteri tidak ke mari?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ini..., main-mainkah? Main-mainkah? MIC selalu main-main!...

[Pembesar suara dimatikan]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Menteri mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, menteri mana, nanti Setiausaha Parlimen akan beritahu kepada kami. Akan beritahu kepada Dewan yang mulia ini.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Pengerusi, sebenarnya menteri sekarang ada di luar negara.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mana boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa pergi keluar negara?

Dato' Yong Khoo Seng: Ada tugas.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa tugas?

Dato' Yong Khoo Seng: Tugas kerajaan. Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita mahu tahu, apa tugas kerajaan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tugas rasmi!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia lari! Bukan rasmi. Apa itu? Saya mahu tahu!

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, ini ialah... Saya balik kepada 36(12).

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.. Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini niat jahat, 36(6).

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Duduklah Cameron Highlands tiada asas.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana menteri?... Apa kerja rasmi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Boleh tahu..?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ha, ini dia. Ini sangkaan jahat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Yong Khoon Seng: Bawa bertenang, bawa bertenang. Tuan Pengerusi, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita tak tahu, kita tak tahu menteri pergi mana pun?

Dato' Yong Khoon Seng: Dia telah menyentuh banyak perkara..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini menteri pergi mana pun, dia pun tak tahu! Cameron Highlands, seronok pun tahu.

Dato' Yong Khoon Seng: ...Mengenai bidang tugas.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: 36(12).

Dato' Yong Khoon Seng: ...Adalah bertanggungjawab, Kementerian Kerja Raya ketika perbincangan Bajet 2007...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu menteri!

Dato' Yong Khoon Seng: ...Peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat yang mulia ini. Saya akan cuba menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, strategi Belanjawan tahun 2007, Kementerian Kerja Raya adalah untuk merancang, melaksana dan menyelenggara projek-projek infrastruktur dan kemudahan awam supaya dapat memenuhi keperluan semasa dan ekspektasi rakyat yang semakin meningkat melalui pembangunan modal insan dan teknologi terkini.

Selaras dengan strategi tersebut kementerian telah melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kualiti dan menambahbaikkan berterusan melalui pengguna secara meluas sistem pengurusan kualiti MS ISO 9000:2000 di semua peringkat meliputi agensi-agensi di bawahnya. Kementerian juga sedang berusaha untuk mempertingkatkan kompetensi modal insan dan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan dalam bidang teknologi pembinaan infrastruktur. Seramai 45 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berbagai-bagai isu berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab kementerian saya. Antara isu-isu tersebut ialah dari Yang Berhormat bagi Serdang telah membangkitkan tiga isu seperti berikut:

- (i) warta kerajaan bertarikh 12 Jun 2006 di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, notis di bawah subseksyen 70(2) yang telah ditandatangani oleh Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi adalah merupakan notis berkaitan dengan penutupan sementara jambatan yang menyambung jalan dari Plaza Tol Sg. Buloh ke Sierra Mas. Notis ini bertujuan untuk kerja-kerja mengukuhkan dan menaik taraf jambatan tersebut. Penutupan sementara jambatan tersebut mula berkuat kuasa pada 27 Jun 2006 sehingga 30 September 2006. Menteri Tenaga Air dan Komunikasi pada masa itu menjalankan tugas Menteri Kerja Raya yang sedang bertugas di luar negara;
- (ii) mengenai isu kadar kemalangan yang tinggi di jalan utama Serdang Raya, Seri Kembangan Jabatan Kerja Raya telah memasang *flexible post* dengan izin, sebagai pembahagi jalan di sepanjang jalan tersebut dan telah menurap semula jalan serta mengecat garisan jalan yang telah pudar, sebagai langkah penambahbaikan jangka pendek kepada jalan tersebut. Manakala bagi program jangka panjang, Jabatan Kerja Raya akan menaik taraf persimpangan Jalan Serdang Raya, Jalan Puchong, Jalan Sungai Besi, yang akan melibatkan anggaran kos sebanyak RM22 juta. Tender bagi kerja-kerja naik taraf tersebut telah dikeluarkan pada bulan Ogos 2006 dan dijangka kerja-kerja pembinaan akan bermula pada tahun hadapan; dan
- (iii) mengenai jejantas di Sekolah Kebangsaan Taman Sg. Besi Indah, Balakong, permohonan sedang dikaji untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Berhormat bagi Hulu Langat telah membangkitkan tiga isu seperti berikut:

- (i) mengenai perbezaan butiran Bajet 2007, antara naik taraf jalan raya dan laluan naik taraf jalan-jalan projek baru. Memperelok dan membaiki pulih jalan-jalan baru yang meliputi Butiran 20000, 21000, 70000 dan 71000. Butiran-butiran ini diwujudkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Butiran 20000 dan 70000 diwujudkan bagi projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh manakala Butiran 21000 dan 71000 adalah bagi projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Butiran-butiran 21000 dan 71000 tersebut masih diguna pakai sehingga kini bagi projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Kelapan dan juga untuk projek-projek baru Rancangan Malaysia Kesembilan. Menaik taraf jalan bermaksud melebarkan sesuatu jalan dari laluan dua lorong kepada lorong yang lebih besar keempat atau enam, manakala memperelok jalan pula merujuk kepada kerja-kerja mengurangkan lingkungan jalan atau *road curve*. Kerja-kerja memperelok jalan juga meliputi pengurangan cerun-cerun dan meluruskan jalan, memperbaiki jalan merujuk kepada kerja-kerja pemulihan jalan yang rosak. Meliputi penurapan semula jalan, menutup lubang atau *holes*, dengan izin, jalan dan memperbaiki keretakan pada permukaan jalan;

- (ii) mengenai jalan sambungan dari Lebuhraya Cheras-Kajang di Taman Mahkota, Cheras, pihak pemaju masih gagal untuk memenuhi syarat kelulusan yang telah dikenakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Kerajaan masih berbincang dengan pemaju untuk mencari jalan terbaik untuk mengatasi masalah ini. Tuntutan pampasan sebanyak RM400 juta, oleh syarikat konsesi bukanlah merupakan jumlah mutlak tetapi merupakan ramalan kebocoran unjuran trafik yang dijangka berlaku; dan
- (iii) mengenai Lebuhraya KASEH, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi tambahan bagi projek ini telah ditandatangani pada 8 November 2006. Syarikat konsesi baru yang dilantik akan meneruskan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan. Sehingga kini kerja-kerja pembinaan jalan sepanjang 1.8 km telah pun disiapkan dan bakinya sepanjang 46.7 km akan disiapkan dalam tempoh tiga tahun akan datang. Adalah dijangkakan pada akhir tahun 2009, masalah kesesakan lalu lintas jalan Kajang-Seremban akan dapat diatasi.

Yang Berhormat bagi Sandakan membangkitkan isu mengenai jalan Lintas Selatan-Sandakan dan jalan Lintas-Lebaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah memperuntukkan RM3.45 juta untuk tujuan reka bentuk bagi jalan Lintas-Sandakan. Pelaksanaan projek ini akan dipertimbangkan sewaktu kajian separuh penggal tertakluk kepada sama ada reka bentuk sudah siap dan kemampuan kewangan negara. Anggaran kos adalah RM190 juta.

Yang Berhormat bagi Seputih telah membangkitkan enam isu seperti berikut:

- (i) mengenai pembinaan rumah bagi setinggan Kampong Tai Yoo, Salak Selatan untuk 239 keluarga yang pada masa ini telah 90% siap. Projek perumahan ini merupakan projek rumah pangsa kos rendah tiga bilik yang dilengkapi dengan kemudahan dua blok tempat letak kereta, di mana setiap rumah layak memiliki satu unit *parking*, dua surau, lima tadika, dua dewan dan tiga lif.

Mengikut cadangan asal setinggan-setinggan ini akan ditawarkan rumah pangsa kos rendah yang dimajukan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Sungai Besi dengan harga RM25 juta seunit. Bagaimanapun disebabkan kenaikan kos pembinaan dan juga kemudahan-kemudahan tambahan yang disediakan di rumah pangsa kos rendah ini, pihak EPF telah mencadangkan harga tawaran seunit dinaikkan kepada RM40,000. Walau bagaimanapun, kerajaan belum membuat keputusan ke atas cadangan tersebut;

- (ii) pemantauan jalan-jalan di Sabah adalah di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Sabah;
- (iii) masalah air yang bertakung di Lebuhraya Persekutuan;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Seputih, Lebuhraya Persekutuan ini di antara Petaling Jaya ke Kuala Lumpur adalah menggunakan turapan jenis *porous type* yang dapat menyerap air larian hujan melalui bawah ke permukaan turapan. Keadaan lopak air tidak sepatutnya berlaku di jalan tersebut, namun begitu berdasarkan perubahan cuaca di mana kebelakangan ini hujan lebat turun secara berpanjangan di Lembah Klang, kemungkinan berlaku masalah saliran tepi jalan yang tersumbat. Pihak JKR akan menyiasat dan mengambil tindakan yang diperlukan;

- (iv) mengenai masalah Jalan Klang Lama Batu Lima sehingga Batu Enam, yang masih merupakan jalan dua lorong.
Kementerian akan mengkaji dan mencari jalan untuk menaik taraf jalan tersebut daripada dua lorong ke empat lorong. Pada masa ini jalan tersebut merupakan rizab jalan Lebuhraya Pantai Baru (NPE);
- (v) kesesakan di jalan Mid Valley-Bangsar. Cadangan Yang Berhormat untuk membangunkan LRT bagi mengatasi kesesakan di kawasan Mid Valley akan dikaji oleh kerajaan; dan
- (vi) mengenai pembinaan Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya yang mengalami sedikit masalah akibat daripada satu skru pada penyokong sementara yang didapati tidak kejam, menyebabkan penyokong sementara tersebut mengalami sedikit kecondongan ketika kerja-kerja konkrit di atas struktur kepala tiang (*spear head*) dijalankan, sebahagian daripada struktur ini terjatuh.
Dari segi kestabilan struktur lebuhraya ianya tidak memberi sebarang kesan kerana tindakan yang diambil memasang semula, *temporary support*, dengan izin, dan juga menyusun semula *reinforcement bar*, dengan izin, dan seterusnya menjalankan kerja-kerja konkrit ke atas *spear head* tersebut.
Mengenai keretakan baru yang dilaporkan berlaku di kediaman Sri Petaling yang berhampiran dengan jajaran lebuhraya di kawasan itu sepatutnya tidak berlaku. Ini kerana kerja-kerja pengorekan tiang di kawasan tersebut telah siap sepenuhnya, enam bulan yang lalu. Keretakan yang dahulunya yang telah dikenal pasti sedang diperbaiki oleh pihak kontraktor.

Yang Berhormat bagi Tanah Merah membangkitkan tiga isu seperti berikut:

- (i) mengenai jalan Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang, yang dikatakan berbahaya dan mempunyai reka bentuk yang kurang sesuai.
Sukacita dimaklumkan, Kementerian Kerja Raya sentiasa peka dengan isu-isu keselamatan jalan raya dan telah melaksanakan kemudahan bahu jalan yang berturap di setiap projek-projek baru kecuali disebabkan oleh masalah kekurangan peruntukan...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Mengenai jalan raya Simpang Pulai ke Cameron Highlands melalui Tol Slim. Apakah tindakan yang perlu diambil terhadap mengurangkan atau sekali gus tidak ada apa-apa hakisan tanah yang kerap kali berlaku, di mana kerajaan bercadang, di antaranya mengadakan terowong. Apa terjadi kepada cadangan tersebut dan apakah sebab setiap kali hujan, setiap kali ada kesan tanah di sana?

Dato' Yong Khoo Seng: Kerajaan memang mengambil langkah yang tertentu untuk mengatasi hakisan tanah di mana-mana jalan, khususnya untuk itu kita telah pun mengadakan satu unit yang menjaga cerun dengan memberikan nasihat supaya jalan-jalan yang ada lereng bukit akan dibina dengan cara yang dicadangkan oleh unit pakar cerun ini.

- (ii) mengenai jalan pintasan menyeberangi landasan kereta api di jalan utama menghubungkan Tanah Merah-Jeli-Gerik.

Oleh kerana peruntukannya yang terhad, kerajaan perlu memberi keutamaan kepada projek-projek yang memberi impak maksimum kepada pembangunan sosial ekonomi bukan sahaja kepada penduduk setempat malah untuk rakyat negeri Kelantan seluruhnya. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya akan mengemukakan cadangan pelaksanaan projek jalan pintas Tanah Merah apabila kajian separuh penggal yang akan diadakan;

- (ii) mengenai dua buah jambatan di Tanah Merah-Pasir Mas yang dimaksudkan adalah projek pembinaan jalan Kota Bharu-Kuala Krai, PKG Machang Bypass dan projek mengganti jambatan di laluan Persekutuan Negeri Kelantan. Struktur nombor FT008/391/100 Sungai Ketereh.

Bagi projek pembinaan jalan Kota Bharu-Kuala Krai PKG Machang Bypass, status pembinaan sudah mencapai 93.8% – berbanding dengan 100 yang dijadualkan dengan baki kerja-kerja *premix* sebanyak 5%. kontraktor Maju Teras Sendirian Berhad menghadapi masalah cuaca dan kelewatan peralihan utiliti milik TNB yang menyebabkan kerja-kerja tidak berjalan dengan lancar.

Kerja-kerja pembinaan sepatutnya siap pada 19 November 2006 tetapi gagal disempurnakan pada tarikh yang dijanjikan. Sehubungan dengan itu, kontraktor telah dikenakan LAD dan JKR dalam proses menyediakan surat pengakuan kerja tidak siap. Kerja-kerja pembinaan dijangka siap pada 31 Disember 2006. Bagi projek mengganti jambatan di laluan persekutuan negeri Kelantan, struktur No. FT008/391/100 Sungai Ketereh, status pembinaan sedang mencapai 32.4 sebenar berbanding dengan 60.3 jadual. Kelewatan projek ini adalah disebabkan oleh kelewatan pemilikan tapak yang berpunca daripada kelewatan pengalihan utiliti milik Air Kelantan Sentiasa Berhad dan TNB. JKR Kelantan sudah meluluskan lanjutan masa kedua selama 67 hari iaitu sehingga 26 Januari 2007.

Yang Berhormat bagi Langkawi telah membangkitkan mengenai jalan dari Pekan Kuah, ke Lapangan Terbang Padang Mat Sirat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan ini dijadualkan siap pada 31 Mac 2007. Kelewatan pembinaan adalah disebabkan oleh proses pengambilan tanah yang mengambil masa di samping masalah setinggan yang berada di jajaran jalan tersebut.

Yang Berhormat bagi Bera telah membangkitkan tiga isu seperti berikut iaitu mengenai pembaikan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak yang telah menyebabkan kesesakan lalu lintas. Pihak MTD sedang melaksanakan kerja-kerja pembaikpulihan *catchment* secara keseluruhan lebuhraya tersebut yang panjangnya 60 kilometer, kerja-kerja pembaikpulihan ini telah bermula pada bulan Ogos 2004. Sehingga kini kerja-kerja tersebut masih berjalan dan dijangka siap sepenuhnya akhir Februari 2007.

Mengenai papan tanda tunjuk arah ke Bera tidak dibina di Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 adalah kerana garis panduan memasang pemasangan papan tanda tunjuk arah lebuhraya hanya meliputi kedudukan bandar itu atau destinasi itu dalam lingkungan 20 kilometer radius dari lebuhraya sahaja. Lokasi Tasik Bera berada 45 kilometer dari persimpangan terdekat iaitu persimpangan Temerloh. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat akan dikaji untuk kemudahan orang ramai dan pelancong.

Mengenai naik taraf laluan 10 dari Pahang ke Negeri Sembilan yang merupakan jalan pintas, pihak kementerian mengambil maklum akan cadangan ini dan akan mengkaji pelaksanaannya dalam kajian semula separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan memandangkan penggunaan jalan raya tersebut semakin meningkat.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah membangkitkan empat isu seperti berikut:

- (i) mengenai isu ketelusan dalam perolehan kerja yang diamalkan oleh pihak kerajaan bagi projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sukalah dimaklumkan sehingga kini Kementerian Kerja Raya telah memanggil tender sebanyak 409 projek dari sejumlah 677 projek yang diserahkan kepada kementerian untuk dilaksanakan. Ini merupakan 60.4% dari keseluruhan projek yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan.
- (ii) Peruntukan sebanyak RM8.3 juta yang disediakan untuk projek komputer Kementerian Kerja Raya adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan *infra* ICT serta perisian dan perkakasan yang diperlukan untuk pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Peruntukan ini diperlukan bagi memastikan Jabatan Kerja Raya mempunyai kemudahan ICT yang terkini yang dapat memenuhi keperluan pelanggan-pelanggannya.
- (iii) Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuh Raya Malaysia mengeluarkan dua bentuk pinjaman iaitu pinjaman kerajaan dan pinjaman komersial. Kedua-dua pinjaman ini diperolehi untuk membiayai pembinaan Projek Lebuh Raya Utara-Selatan atau PLUS, Jambatan Pulau Pinang dan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak;

Pinjaman-pinjaman tersebut diperolehi dari tahun 1984 sehingga 1987 berikutan penswastaan Projek Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS), Jambatan Pulau Pinang (JPP) dan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak antara tahun 1988 hingga 1994 oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan telah memutuskan supaya Lembaga Lebuh Raya Malaysia terus menguruskan bayaran balik kesemua pinjaman-pinjaman tersebut melalui peruntukan tahunan dalam bentuk pemberian secara langsung.

Pinjaman kerajaan telah dijadualkan semula pada April 2004 melalui penjadualan semula pinjaman ini. Faedah yang dikenakan adalah pada kadar 0% dan pembayaran pinjaman adalah bergantung kepada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan. Pembayaran adalah melalui pemberian secara langsung dari kerajaan. Baki pinjaman terkini adalah berjumlah RM985,609,421.64.

Pinjaman komersial Lembaga Lebuh Raya telah habis dibayar pada Oktober 2006. Pembayaran pinjaman ini adalah juga melalui pinjaman secara langsung dari kerajaan; dan

- (iv) Mengenai pembinaan Rumah Peranginan Persekutuan. Kementerian Kerja Raya melaksanakan projek tersebut untuk menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh Jabatan Pelanggan iaitu Jabatan Perdana Menteri. Kemudahan rumah peranginan ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan majlis-majlis rasmi dan pelawat-pelawat rasmi kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya perlu selesaikan sembilan pertanyaan Yang Berhormat dan bakinya kebanyakan ramai yang Ahli-ahli Yang Berhormat minta projek-projek baru dan bagi tahu projek-projek yang perlu disegerakan, projek-projek yang akan dipohon dan saya cuba memberi jawapan ringkas. Kalau saya tidak sempat jawab, pegawai akan sediakan dan saya janji di sini saya akan membuat kerja susulan supaya ia dijawab secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menimbulkan perkara-perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Yong Khoo Seng: Yang Berhormat bagi Johor Bahru ada menyentuh pasal pampasan Jambatan Indah (CIQ) dan *night course* semuanya kerana perolehan projek ini dengan cara kalau tidak tender dengan *design of view* mungkin kosnya naik dan sebagainya, banyak masalah, saya akan catat di sini dan kita akan berikan jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat bagi Puchong juga ada kata projek yang lewat dan oleh kerana banyak kesesakan di jalan raya, minta alternatif dan masalah-masalah yang telah dihadapi di kawasan Puchong khususnya kesesakan lalu lintas. Ini kita pun akan memberi jawapan dengan teliti. Yang Berhormat dari Mambong...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

Dato' Yong Khoo Seng: Yes.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebenarnya tak susah untuk mendapatkan maklumat yang saya bangkit itu. Kalau ada pegawai-pegawai yang dengar tadi, saya ingat senang dapat maklumat itu. Secara ringkasnya, saya sudah bangkit tiga isu tadi. Isu pertama ialah mengenai...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, isu itu saya yakin Setiausaha Parlimen tahu tetapi hanya beliau cadangkan supaya...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sebab dia kata dalam seminar Yang Berhormat lagi dia akan jawab tetapi saya takut dia tidak begitu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia kata dia sudah jawab setakat ini. Kepada mereka yang tidak dijawab, dia akan buat susulan dan jawapan bertulis akan dibekalkan sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya takut dia tak faham nanti sebab tadi ramai yang bercakap. Boleh saya jelaskan sekali lagi secara ringkas?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya rasa tentu Setiausaha Parlimen faham.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kalau dia faham, dia jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dan kerana jawapannya mungkin dia tak dapat memperoleh setakat ini.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kalau dia faham dan pegawai dia faham, dia jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Boleh bagi saya sikit lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia belum memperoleh jawapan. Soalan dia tahu. Soalan dia tahu, soalan dia tahu Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ini penting ini. Kalau boleh Tuan Pengerusi bagi saya jelaskan sedikit sahaja. Kelewatan projek...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tak faham soalan Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat, dia faham. Hanya beliau ingin menjawab secara bertulis kerana mungkin beliau tidak memperoleh jawapan sekarang. Soalan dia faham. Betulkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Dato' Yong Khoo Seng: Betul.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Boleh saya tanya satu soalan? Berapa isu yang saya bangkitkan tadi?

Dato' Yong Khoon Seng: *Traffic jam* yang sibuk masih berlaku selepas tol, jalan tol sudah dibuat dan adakan alternatif jalan ke persimpangan bertingkat. Semuanya dicatat di sini Yang Berhormat. Saya akan bagi jawapannya dengan teliti. Bukan sebarang jawab di sini sahaja, okey?

[Timbalan Tuan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Bila saya boleh dapat jawapan?

Dato' Yong Khoon Seng: Itulah saya tidak boleh jawab di sini. Mana dapat jawab bila.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tak, jawapan bertulis. Bilakah saya boleh dapat jawapan bertulis itu?

Dato' Yong Khoon Seng: Secepat mungkin.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: [Ketawa] Yang Berhormat, dia sudah bagi jaminan. Yang Berhormat tungguilah.

Dato' Yong Khoon Seng: Yang Berhormat bagi Mambong telah membangkitkan jalan yang telah di naik taraf di kawasan Mambong sepanjang 40 kilometer sememangnya masih ada masalah sampingan iaitu fasal *u-turn*, fasal *divider* yang menggunakan *fiber* atau *steel* dan tidak cukup *ingress* atau *outgress* untuk masuk ke simpang di kampung-kampung. Ini memang saya tahu jalan sepanjang 40 kilometer ini di kedua belah memang ada lebih daripada 100 buah kampung. Mungkin banyaknya ada perlukan *ingress* dan *outgress*. Dan selepas ini kita akan meneliti masalah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong dan khususnya untuk mengadakan jejantas di dekat sekolah. Yang ini sangat penting, saya tahu. Saya menyerulah kepada Yang Berhormat memberikan surat sokongan untuk projek-projek ini dijalankan supaya kita dapat mengkaji di *midterm review* RMK-9. Fasal Jalan Mambong-Sijingkat, adanya jumlah kosnya yang ingin... Itulah saya perlukan notis untuk memberi jawapan sebenar.

Saya tahu ia di lingkungan RM240 juta untuk jalan dari Mambong ke Sijingkat. Okey. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam membangkitkan fasal khususnya di jalan di Kluang dan Ayer Hitam. Dua tiga tahun dulu saya ada pergi melihat jalan bersama-sama Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Kita pun tahu bahawa telah diperuntukkan pada masa itu RM33 juta untuk *median* atau *divider* itu. Saya pun hairan sampai hari ini kos sudah meningkat, *divider* ini belum buat. Saya akan meneliti ini secara kerana 64...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun.

Dato' Yong Khoon Seng: Yes.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memang seorang yang berpengalaman dalam kementerian ini. Saya yakin dia pernah pergi ke sana. Pada ketika itu, tiga tahun yang lalu, kematian cuma 17. Sekarang dah 64. Saya tak tahu bila lagi meningkat 100. Saya nak minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bawa perkara ini walaupun Setiausaha Parlimen pun sudah buat *estimate* RM33 juta, sampai sekarang semua pada kertas sahaja. Saya nak minta jasa baik Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya pastikan benda ini dapat dilakukan dengan cepat. Kalau tidak sia-sia sahaja terutamanya mahasiswa dari Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn, 64 telah maut dalam jalan tersebut. Itu satu kerat jalan sahaja, keseluruhan jalan itu sudah beratus yang mati. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Sebenarnya kalau kita kata kerana jalan banyak maut dihilangkan, ini pun tidak patut. Bukan segalanya daripada jalanlah. Memang ada sebab-sebab yang lain. Kecuaian pemandu atau apa kah. Ini memang ada lah tetapi saya pun tahu dulu bila saya pergi sana, memang 17 sahaja maut di tempat itu, 17 ya? Sekarang 64. Dan fasal cawangan cerun yang dicadangkan, kalau dapat dijadikan institut supaya kita boleh mengambil majlis atau ahli-ahlinya dari universiti, IPTA dan IPTS.

Lembaga Jurutera juga disentuh oleh Yang Berhormat. Ini saya tidak dapat jawab dengan tepat di sini. Cuma saya respons sedikit, ini adalah satu cadangan yang baik.

Yang Berhormat dari Maran...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Sikit sahaja. Tadi saya ada menyentuh tentang bahagian kontrak dan ukur bahan. Mengenai keciciran ataupun ketirisan yang berlaku. Apakah tindakan segera yang diambil oleh kementerian ini untuk menghindar perkara itu berlaku? Apa yang berlaku di SKJ(C) Kung Yu sebelum ini, di kawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, peruntukan sekolah RM30 ribu menjadi RM3 ribu. Jadi saya nak tahu apa tindakan yang diambil dan bagaimana ianya dapat menghindar supaya ketirisan itu tidak lagi berlaku sampai sembilan kali ganda lebih tinggi daripada apa yang sepatutnya.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Pengerusi, memanglah dalam satu peralihan perolehan pekerjaan adalah melalui sistem tender *quotation* dan saya ingat kalau ada pegawai yang menjaga pelaksanaan projek-projek, walaupun kecil ianya boleh melalui sistem *quotation* atau apa-apa sistem. Kita mesti ada pemantauan yang ketat supaya ianya tidak berlaku seperti apa yang telah berlaku di sekolah tersebut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Perkara ini sangat pendek. Tadi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun ada sebut. Ini perkara 'kan lau' ini makna RM30 ribu peruntukan tapi barulah RM3 ribu *real value*, nilai yang benar diberi.

Kenapa sampai sekarang tidak ada orang yang dihukum. Siapa salah tidak ada orang salah? Dan kedua, bukannya benar bahawa dalam perkara ini lebih daripada lebih kurang 120 buah sekolah ada diberi peruntukan khas untuk memperbaiki sekolah-sekolah. Oleh kerana tragedi yang berlaku di Alor Star di mana seorang guru meninggal dunia oleh kerana jatuh daripada tingkat satu oleh kerana lantainya dimakan oleh anai-anai. Adakah satu siasatan dibuat untuk semua sekolah 120 ini sama ada berlaku skandal ketirisan 90% atau tidak? Dan kenapa tidak ada orang dihukum?

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Pengerusi setahu saya memang semua ini kes telah dalam siasatan. Keputusannya saya pun tidak tahu lagi mana saya hendak bagi tahu. Dan kepada sekolah-sekolah yang lain telah pun...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi bukannya ini kes di bawah kementerian yang berkenaan, bukan kah? Ini kes dalam kementerian Yang Berhormat. Kalau begitu kenapa Yang Berhormat tidak tahu? Datang ke Dewan ini patut tahu atau orang belakang patut beri maklumat.

Dato' Yong Khoo Seng: Itu dalam siasatan dan kita perlulah tunggu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa begitu lama, berapa lama? Kes ini di bawah kementerian yang berkenaan atau di Kementerian Pelajaran siapa bertanggungjawab atau tidak tahu? Atau dalam perkara ini Yang Berhormat tidak tahu. Apa kementerian yang bertanggungjawab bolehkah beri kita satu jawapan. *Which ministry is responsible*, Menteri Kerja Raya atau Kementerian Pelajaran siapa yang bertanggungjawab..., tahu tidak, tahu tidak?

Dato' Yong Khoo Seng: Yang kena kalau ini bukan Kementerian Kerja Raya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan Kementerian Kerja Raya?

Dato' Yong Khoo Seng: Ini yang pelaksana bukan kementerian. Yang kalau itu fasal kita sudah arahkan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini bukan Kementerian Kerja Raya tetapi apabila Yang Berhormat Menteri Pelajaran kata ini bukan perkara Kementerian Pelajaran ini Kementerian Kerja Raya. Tengok ini tendang bola. Satu Menteri tendang bola kepada Menteri yang lain akhirnya siapa jadi mangsa, rakyat jadi mangsa.

Dato' Yong Khoon Seng: Yang Berhormat salah fahamlah. Yang Berhormat dengar baik-baik. Saya kata ini kes...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Play the fool, the Ministry is playing the fool, Setiausaha Parlimen is playing the fool, is taking the Parliament for granted.*

Dato' Yong Khoon Seng: Bukan, Yang Berhormat salah faham. Saya kata ini kes telah diserahkan kepada pihak Badan Pencegah Rasuah dan sekarang..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Badan Pencegah Rasuah, satu lagi kementerian. Ini bukan *football* apa ini..., bola yang baru *or Ministry playing a part?*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus kan Yang Berhormat. Yang Berhormat jawab terus kan.

Dato' Yong Khoon Seng: Yang Berhormat bagi Gombak, Bukit Mas semuanya telah pun memberikan ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Yong Khoon Seng: Belum sampai saya jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Isu yang samalah sebelum itu. Boleh tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Yong Khoon Seng: Biar saya habis dua tiga perkara dahululah kalau tidak, tidak dapat habis.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti akan jawab saya punya pertanyaan. Sama sinilah, sama sinilah. Yang Berhormat, Yang Berhormat sini sahajalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kerana yang saya tahu ialah ...

Dato' Yong Khoon Seng: Ya saya akan sampai sana.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Kerja ini ialah di bawah Kementerian Kerja Raya memang saya sudah periksa. Saya telah tanya Kementerian Pelajaran sama ada perkara ini di bawah Menteri Pelajaran atau Menteri JKR. Mereka kata ini di bawah JKR. Dan saya dapati juga Yang Berhormat Menteri JKR telah pergi memeriksa sendiri itu Menteri Pelajaran tidak pergi. Dan dia Yang Berhormat Menteri sendiri mengesahkan bahawa perkara itu berlaku jadi apakah lagi *investigation*, berapa lama dia akan ambil?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah. Yang Berhormat sudah jawab tadi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Siasatan hendak ambil berapa lama? Itulah kita kata perlunya ada Yang Berhormat Menteri datang lebih baik. Setiausaha Parlimen perkara macam ini tidak dapat memberi maklumat betul tidak?

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi saya tidak kata ini bukan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Saya kata sekarang telah pun menyerahkan kepada Badan Pencegah Rasuah dan masalahnya telah disiasat dan pihak pelaksana projek ini telah pun kena disiasat dan biarlah siasatan dilanjutkan sebab saya tidak butir fasal ini.

Yang Berhormat bagi Gombak, dari Taman Sri Gombak Batu Caves, Lebuhraya Karak yang memang betul *traffic-jam* selalu berlaku kita akan ambil perhatian. Yang Berhormat bagi Bukit Mas, daripada jambatan Sungai Terusan ianya telah pun dilulus dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan jalan dari Limbang-Laut-Merapuh, masih ada dua jambatan yang masih kecil dan perlu dimasukkan dalam jalan itu supaya ianya dilebarkan diperbesarkan. Saya akan ambil perhatian dalam hal ini dan Sungai Pengerang di sempadan Brunei kita belum ada keputusan untuk membuat jambatan atau tidak.

Jalan dari Lawas ke Bakalalan memang ianya dilaksanakan dari berperingkat peringkat dan Yang Berhormat minta ianya dicepatkan. Saya harap juga dalam *Midterm Review* ianya boleh dibuat.

Yang Berhormat bagi Lipis pun juga katakan jalan-jalan yang semua soalnya memang mengenai keselamatan jalan. Oleh kerana adalah tempat di kawasan Lipis menjadikan tempat pelancongan dan jalan-jalan perlu diperluaskan, kita akan ambil perhatian kepada ini. Yang Berhormat bagi Larut ada kata kalau dapat kita menyeragamkan sistem kutipan tol supaya ianya tidak berlaku satu kesesakan dan juga kemalangan kerana sistem bayaran sampai hari ini ada bayaran tunai dan juga ada pemandu ambil kesempatan tidak ada duit kecil untuk digunakan dan ambil masa. Dan kad elektronik juga yang diguna sekarang ada berapa jenis yang lebih baik dan seragamkan satu sistem supaya kesesakan dan kemalangan dapat dielakkan. Ini adalah satu cadangan yang baik kita akan bincang hal ini. Ianya bukan dapat dibuat sekali gus kita perlu berbincang dengan banyak konsesi supaya mereka gunakan satu sistem.

Dan juga dengan kuarters kerajaan yang memang kalau untuk selenggaraan dia gunakan banyak wang, lebih baik wang ini digunakan untuk projek-projek lebih bermanfaat. Ini adalah satu cadangan yang baik juga. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor saya tidak dapat jawab saya cakap terus terang dengan hal Istana Negara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa tidak boleh jawab..., tidak tahu atau tidak boleh jawab?

Dato' Yong Khoon Seng: Saya tidak ada butiran sini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak ada butiran dalam..., tidak ada butiran?

Dato' Yong Khoon Seng: Ya memang ada *estimate* dalam itu RM400 juta.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: RM400 juta..., sebenarnya RM500 juta.

Dato' Yong Khoon Seng: Ia juga adalah untuk *landscaping* untuk lain-lain kemudahan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi Yang Berhormat kata tidak ada dalam sekarang dia *argue* dengan saya. Mana tidak ada, ada dalam butiran. Kenapa tidak boleh jawab? Jawablah!

Dato' Yong Khoon Seng: Bukan *you* soal hal lain yang sebenarnya ini ada peruntukan untuk Istana Negara baru.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, ya. Ya.

Dato' Yong Khoon Seng: MATRADE telah pun di...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Awak tidak jawab saya tanya, kenapa tidak transparensi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan tadi ucapan saya, kenapa tidak boleh jawab? Kenapa tidak ada transparensi, kenapa diberi kepada Maya Maju, siapa Maya Maju? Adakah rekod, adakah kroni, kenapa tidak ada *competition*? Kenapa ada prestij projek kenapa RM400 juta atau RM500 juta yang keluar daripada dasar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa mahu menjimatkan wang tidak mahu *white elephant project* kenapa? Kenapa tidak boleh jawab? Kali yang pertama saya dengar seorang berdiri daripada kongres kata dia tidak boleh jawab. Kenapa tidak boleh jawab, kalau tidak boleh jawab apa guna berdiri sana? Kenapa ada perbincangan di sini kalau tidak boleh jawab. Bolehkah kita tahu kenapa dia tidak boleh jawab?

Dato' Yong Khoon Seng: Saya sudah jawab tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana ada jawab? Tadi kata tidak boleh jawab sekarang kata sudah jawab apa ini?

Dato' Yong Khoon Seng: *You* tanya pasal transparensi pasal apa-apa ini mana boleh jawab?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu tidak boleh jawab? Bukan kita mahu tahu kenapa tidak ada transparensi kenapa tidak ada kontrak tidak ada tender? Tidak panggil. Kenapa perlu satu istana baru sekarang dan kenapa bagi kepada Maya Maju? Siapa Maya Maju adakah syarikat kroni? Adakah ini tukar dasar kerajaan tidak mahu prestij projek?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya tanya bukan saya mahu ulangi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah beritahu tadi. Setiausaha Parlimen teruskanlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh jawab, boleh jawab.

Dato' Yong Khoon Seng: Saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa jawab secara bertulis?

Dato' Yong Khoon Seng: lalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Berdiri di sini untuk apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu protes Tuan Pengerusi. Kenapa berdiri kata mahu jawab bertulis, apa guna bertulis? Saya ada hak untuk meminta jawapan yang cerdik ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor cukuplah.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sudahlah jangan kacaulah, duduklah. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor duduk, jawapan bertulis duduk, tidak apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dia sudah bagi pengakuan menjawab secara bertulis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa dalam perkara ini dia kata tidak boleh jawab, sudah jawab, sekarang jawab bertulis. *What is the...*

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini sangkaan jahat ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen teruskanlah.

Dato' Yong Khoon Seng: Okey.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa yang berlaku?

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Teruskan. Tuan Pengerusi ini niat jahat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada perkara-perkara lain boleh jawab, MATRADE, *second bridge* boleh jawab?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sila teruskan. Kalau boleh pendekkan jawapan Yang Berhormat.

Dato' Yong Khoon Seng: Ya, betul. Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dia sudah bagi jawapan Yang Berhormat, cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Dato' Yong Khoon Seng: Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu..

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Jawapan bertulis, jawapan bertulis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jawapan bertulis menunjukkan itu tidak ada maklumat. Ini menunjukkan tidak cekap!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, teruskanlah.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Okeylah. Sabar Ketua Pembangkang sabar.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bagi Yang Berhormat bagi Cameron Highlands jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, Setiausaha Parlimen teruskan.

Dato' Yong Khoon Seng: Okey.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia ada isu yang lain Yang Berhormat. Sila duduk, teruskan Setiausaha Parlimen teruskan.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi Ketua Pembangkang mahu kacau sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah beritahu yang lain sila duduk.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Hendak kacau sahaja, bagilah Setiausaha Parlimen jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Jawapan secara bertulis duduklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, silakan terus Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat jawablah, teruskan.

Dato' Yong Khoon Seng: Okey, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands telah pun...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi mana boleh kita membenarkan..

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia mengakui saya tidak tahu, suruh jawab tetapi masa ini main-main.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia ada beritahu dia bagi jawapan yang bertulis khusus untuk soalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa jawapan yang bertulis?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya lah tanya dialah.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, saya mahu saya punya jawapan, giliran saya mendapat jawapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini *running away*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia ada bagi jawapan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini bukan jawapan, akan bagi jawapan bertulis bukan jawapan.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Jangan kacaulah. Tolonglah Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You are not competition, you are useless, you don't show your ...*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Teruskan, Setiausaha Parlimen isu lainlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa tidak boleh jawab *second bridge*? Adakah akhirnya pampasan empat perkara yang saya sebut akan lebih mahal daripada membina jambatan itu? Kenapa tidak boleh benar tidak benar? MATRADE apa sudah diambil tindakan supaya lambat lapan tahun daripada RM190 juta sekarang meningkat RM280 juta? Apa sudah berlaku tidak boleh jawab? Mungkin Perdana Menteri patut ambil tindakan untuk pecat Yang Berhormat bagi Setiausaha Parlimen tidak guna. *Shameful* di sini, *shameful in this House...*

Dato' Yong Khoo Seng: Nasib Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bukan Perdana Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *I pity with the Perdana Menteri who have some Parliament Secretary like that.* Kesian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, teruskanlah yang lain Yang Berhormat isu.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Teruskan jawapan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau tidak ada Yang Berhormat berhentilah Yang Berhormat kalau tidak ada jawapan.

Dato' Yong Khoo Seng: Isu yang dibangkitkan adalah isu mengenai permohonan untuk jalan-jalan dan bagaimana jalan perlu dilebarkan dan jambatan perlu diperluaskan. Ini kita akan ambil perhatian. Itu memang kerana banyak kita perlu rujuk balik dalam projek bajet-bajet kita. Mungkin banyak ini boleh di bincang, boleh di cadang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya ingat saya sekali lagi ucapkan banyak terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, mana saya punya Prai *river* punya jambatan, pampasan berapa? Sudah terlambat berapa itu *simple* pun tidak boleh *answer*, saya bukan minta duit?

Dato' Yong Khoo Seng: Secara bertulis tidak apa? Sebab ini saya tidak ada butiran di sini dan saya akan bagi secara bertulis. Saya ucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat telah turut serta.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,307,287,000 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,307,287,000 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya cadang ditunda. Jawapan belum diberi macam mana kita boleh benarkan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,987,814,000 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,987,814,000 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana boleh lulus macam ini, ini bukan 'Malaysia Boleh', ini 'Malaysia bodoh'.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Duduklah, Dewan sudah undi, duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sudahlah ikutlah peraturan.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ikut peraturan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ikut peraturan. Majoriti kita menang kita, ikutlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk.

Maksud B.28 [Jadual] -

Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2007] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

4.29 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh pada P.28, Butiran 040000 - Pengangkutan Laut Sarawak. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, kalau kita melihat kepada *port charges* dengan izin, kalau membuat perbandingan di antara Pelabuhan Bintulu dan juga pelabuhan di bawah kendalian kerajaan negeri misalnya Pelabuhan Kuching, saya dimaklumkan bahawa terdapat perbezaan dari segi *port charges* dan daripada para pengeksport. Bila mereka membuat perbandingan, mereka menanggung kos ataupun *port charges* yang agak tinggi di Pelabuhan Kuching kalau juga kita bandingkan dengan Pelabuhan Klang di mana *charges* untuk mengeksport barang ke luar negara di buat perbandingan agak murah.

Jadi apakah rasional atau perbandingan yang kita buat untuk kerajaan mempertimbangkan mengambil langkah bersama dengan kerajaan negeri untuk melihat perkara ini supaya dapat memberi kemudahan kepada terutamanya pengusaha-pengusaha SME di Sarawak khususnya dapat mengurangkan kos supaya mereka dapat bersaing dalam eksport keluaran-keluaran SME di Sarawak.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah berkaitan dengan pengangkutan udara. Kalau kita lihat kepada persoalan *connectivity frequency of flight* dengan izin, dan peningkatan harga banyak suara-suara daripada rakyat khususnya di Sarawak yang menimbulkan isu-isu berkaitan dengan *connectivity* di antara negeri Sarawak dan Semenanjung dan juga di antara di dalam negeri Sarawak sendiri. Dan juga di antara Sarawak dan Sabah. *Connectivity* antaranya ialah bila ada isu *rationalization* di antara AirAsia dan MAS. Jadi ini menimbulkan banyak masalah kepada terutamanya sektor pelancongan di Sarawak dan juga bebanan kepada kakitangan kerajaan, para peniaga yang menggunakan penerbangan. Dengan *frequency of flight* dan juga peningkatan harga, ini telah membebankan beberapa sektor yang saya sebutkan tadi.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan apakah tindakan kementerian setakat ini, pertama untuk menyelaras *connectivity* supaya ianya dapat membantu bukan untuk bertujuan membantutkan perkembangan pelancongan. Kedua, akan memberi kemudahan kepada kakitangan kerajaan dan pengguna-pengguna penerbangan yang lain.

Dari segi *frequency of flight* misalnya kalau kita lihat penerbangan, kadar *flight* yang tidak sesuai dari segi tempoh waktu sekarang menyebabkan kos kepada pengguna kapal terbang naik. Dulu penerbangannya banyak membolehkan pengguna kapal terbang untuk pergi secara harian. Makna kalau pergi pagi, boleh balik petang tetapi sekarang ini nampaknya sebab ketidaksesuaian waktu penerbangan menyebabkan kebanyakan orang terpaksa kalau pergi ke sesuatu tempat terpaksa tinggal bermalam di tempat tersebut, dan ini meningkatkan kos dari segi kos penginapan dan sebagainya.

Jadi saya ingin juga mencadangkan terutama dalam sektor pelancongan, misal kata di Gua Mulu. Banyak lawatan di sana tetapi disebabkan masalah *connectivity* ini, dan telah menyebabkan kurangnya kemasukan pelancong di sana. Jadi saya ingin mencadangkan kalau dapat sektor ini diberi balik kepada MAS. Sebab saya melihat mungkin AirAsia tidak ada kemampuan dari segi *feasibility* nya sebab itu mereka tidak ada komitmen yang penuh walaupun dalam petikan akhbar mereka memberi komitmen akan memperbaiki sektor ini. Malangnya usaha ataupun kenyataan yang mereka buat melalui akhbar tidak terlaksana sehingga sekarang.

Perkara yang terakhir yang saya ingin sentuh berkaitan dengan penerbangan ialah beberapa sektor yang saya katakan tadi dari segi kos perjalanan yang boleh meningkatkan kos perjalanan, sering kali saya bangkitkan terutamanya AirAsia. Di mana kakitangan kerajaan tidak dapat menggunakan wang menyebabkan kakitangan kerajaan terpaksa menggunakan wang mereka sendiri untuk membeli tiket. Dan sebagaimana kita tahu, proses pembayaran balik kepada kakitangan kerajaan akan memakan masa. Dan bagi kakitangan kerajaan yang sering atau terpaksa selalu pergi *traveling*, ini membebankan mereka terutama kalau mereka menggunakan kad kredit dan sebagainya.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian setakat ini apakah langkah yang telah diambil dan apakah keputusan dalam menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh kakitangan kerajaan dan juga pengguna-pengguna kapal terbang yang lain. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

4.35 ptg.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya akan bangkit 050000 - Pengangkutan Udara dan 070000 - Kereta Api. Dua, darat dan udara. Pengangkutan Tuan Pengerusi, adalah keperluan asasi kepada rakyat. Ia adalah pengangkutan awam, maka harga kita dah minta berkali-kali kaji semula, kita jangan mementingkan *commercial life*, kita pentingkan rakyat. Maka kita tengok balik harga kalau boleh selaraskan balik, turunkan sikit. Kerana terutama Sarawak dan Sabah, kalau peribadi dia nak tambang begitu melonjak naik daripada RM800 ke RM1,400.

Yang keduanya, saya cadangkan dua kali seminggu, Pengkalan Chepa, Pulau Pinang, Alor Setar, dua kali seminggu. Kena ikut selera rakyat kerana ini pengangkutan rakyat. Kalau boleh daripada Johor, Kota Bharu, terus ke Pulau Pinang, mesti Singapura akan maju, pelancong dari Singapura. Daripada Johor, ini saya minta dua kali seminggu. Kemudian Kuching, Kota Kinabalu, sebulan dua kali kerana paling ramai rakyat Kelantan duduk di Sarawak, duduk di Sabah. Jadi itu saya minta dua kali sebulan sahaja, ini kita nak tahu apa Menteri Pengangkutan.

Jadi kereta api Tuan Pengerusi, saya amat sedih apabila saya naik kereta api duduk kelas satu macam di hotel. Dari Kuala Lumpur Sentral ke Wakaf Baru, selesai, ada restoran boleh sahur waktu bulan puasa tetapi apabila saya naik, cuba daripada Gua Musang pengangkutan kereta api juga tetapi kira *internal*, jadi daripada Gua Musang ke Wakaf Baru, teruk, tidak ada tandas, tandas ada tidak ada air. Dan rupa pun cukup teruk, Allah saya nak cerita pun tak boleh. Saya tengok orang putih ada naik, jadi apabila orang putih ini pelanconglah daripada luar negara. Kalau inilah dia gambarkan bahawa Gua Musang ke Wakaf Baru, ambil masa banyak jam juga tu, jadi saya mintalah jasa baik Kereta Api Tanah Melayu supaya berilah yang comel sebab selepas perang kereta api tu, saya ingat masa belum perang lagi.

Jadi kita hendak ada perubahan sebab kita bandingkan *airport* KLIA begitu hebat, begitu canggih 747/400 begitu hebat, kita terbang lapan jam pergi Jeddah tetapi bagaimana rakyat hendak rasa juga nikmat ini, kita bersyukurlah kerajaan buat yang comel. Jadi saya hendak supaya kereta api ini tukar segera, tidak berapa mahal, tukar segera, imej kita.

Saya rasa itulah dua perkara Tuan Pengerusi, saya minta Menteri jangan marahkan saya, saya bela rakyat kerana saya wakil rakyat. Saya tidak ada akan bela yang lain kerana ini rakyat saya, saya wakil rakyat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Johor Bahru.

4.38 ptg.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa berhubung dengan Kementerian Pengangkutan khususnya B.28. Saya nak merujuk kepada dasar baru 09000 tetapi dan khusus kepada pengangkutan darat. Saya berharap bahawa kalau pengangkutan darat ini dari segi dasar barunya dapat diberikan sedikit perbezaan ataupun pendekatan yang baru seperti mana yang telah dibawa oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Di mana nampaknya tumpuan kerajaan dan dasar pengangkutan di bawah Kementerian Pengangkutan ini apabila ditumpukan perbelanjaannya, kerja-kerjanya, tanggungjawabnya terlalu sangat kepada golongan yang merupakan pengguna pengangkutan udara dan tidak pula sangat kepada pengguna jalan raya iaitu menggunakan pengangkutan darat. Seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, kerajaan membelanjakan beratus-ratus juta bagi membina terminal lapangan terbang dan terminal di semua bandar raya-bandar raya di Semenanjung dan di Sabah, Sarawak.

Kalau dilihat kepada perbelanjaan itu, saya rasa tidak berbaloilah dengan pengguna-pengguna pengangkutan udara, kerana jumlah mereka yang menggunakan pengangkutan udara bila dibandingkan dengan mereka yang menggunakan pengangkutan darat, saya rasa lebih ramai yang menggunakan pengangkutan darat.

Haruslah kerajaan terutamanya Kementerian Pengangkutan dalam dasar barunya menumpu perhatian kepada bilangan rakyat yang lebih ramai menggunakan pengangkutan darat. Sebab itu harus juga kementerian ini dari segi dasar barunya melihat kepada bagaimana boleh dibelanjakan lebih kepada terminal-terminal bas yang ada di bandar raya-bandar raya kerana kalau kita lihat kepada keselesaan pengguna dari segi terminal bas, kita masih berada pada tahap yang sama pada sepuluh tahun dahulu.

Kalau tengok keadaan di Pudu Raya, di terminal bas di Kuala Lumpur sahaja terletak bersepah-sepah dan tidak ada satu dasar baru yang hendak di bawa dari segi pengangkutan darat ini. Sedangkan kita belanja beratus juta bagi membina terminal dan lapangan terbang di merata tempat dan penggunaanya tidak lah begitu ramai kalau dibandingkan dengan pengguna pengangkutan darat iaitu kenderaan bas.

Jadi saya minta supaya dalam dasar baru yang di bawah kementerian ini khususnya bagi pengangkutan darat untuk dilihat peruntukan daripada RM10 juta itu dibelanjakan untuk menentukan supaya kemudahan dan keselesaan rakyat kita yang banyak menggunakan pengangkutan darat iaitu perkhidmatan bas dapat keadaan yang selesa dari segi terminal bas itu sendiri dan bila dinaikkan tahap kemudahan di terminal-terminal bas secara yang terancang dari segi kemudahan dan sebagainya. Saya percaya lebih ramai lagi yang akan menggunakan pengangkutan darat dan tidak lah hanya dilihat pengangkutan darat dengan penggunaan bas ini merupakan satu sistem pengangkutan yang kelas rendah dari segi masyarakat dan rakyat negara ini.

Jadi saya minta kepada Kementerian Pengangkutan untuk memberi pertimbangan kepada pelaksanaan perbelanjaannya dalam bidang dasar baru untuk melihat kepada golongan yang ramai. Kalau kita pro dasar dan pelaksanaan kita pro dan memihak kepada kumpulan yang ramai, saya percaya bahawa Kementerian Pengangkutan ini akan dilihat sebagai terlibat secara langsung untuk mencapai objektif-objektifnya yang tertulis tentang pelanggan mereka.

iaitu untuk hendak memajukan sistem pengangkutan darat, laut dan udara dan juga terhadap pelanggan-pelanggan mereka termasuk jugalah pengguna jalan raya. Jadi kita tidak boleh terlebih pro kepada hanya kenderaan kereta ataupun kepada kapal terbang, haruslah kita lihat kembali kepada pengguna-pengguna bas iaitu merupakan lapisan masyarakat yang lebih memerlukan kepada perbelanjaan kerajaan dan juga yang bilangannya lebih ramai daripada pengguna pengangkutan udara. Jadi itu sahajalah Tuan Pengerusi. Saya ucapkan banyak terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Hidup lagi nampaknya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Hidup nampaknya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak boleh bagi dua sekali berucap Yang Berhormat. Seorang-seorang sahaja... [Ketawa]

4.42 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Ketawa] Jangan cakap banyak potong masa nanti. Terima kasih Tuan Pengerusi saya akan sebut empat perkara sahaja tapi dengan cara-cara yang pendek saja.

Yang pertama soalan balik kepada cerita lama Butiran 050000 - Pengangkutan Udara, tambang MAS. Tambang MAS masih mahal Tuan Pengerusi jangan dengar cakap surat khabar Tuan Pengerusi. Dia bagi laporan dalam surat khabar dia kata murah, MAS cakap bohong Tuan Pengerusi. Pengurusan MAS sekarang dia kata supaya MAS *in black* tahun hadapan, ini pun bohong juga. Budak kecil pun boleh simpan RM800 juta masuk MAS sekarang pun sudah *in black*. Bukan pengurusan namanya Tuan Pengerusi. Ini hanya lambak duit kerajaan dia akan jadi *black*.

Jadi semua daripada pandangan saya apa yang dibuat dalam MAS sekarang adalah tidak menentu. Jadi, kalau kita lihat *business class* misalannya Tuan Pengerusi. *Business class* sekarang ialah RM599 untuk *business class, Class 'C'*. Dia ada dua *class* dalam *business class* ini. Yang *business class, Class D* pula, RM499. Ini menunjukkan penambahan daripada harga asal RM372, dan RM186 ringgit masing-masing.

Jadi maknanya kenaikan ini bukan 50% ia lebih daripada itu Tuan Pengerusi. Jadi mintalah MAS melihat semula tambang ini, jangan diperbodohkan orang Malaysia. Kita tidak bodoh sebenarnya. Kita diperbodoh-bodohkan, kita tidak bodoh. Jadi jangan buat bodohkan orang Malaysia, naik tambang itu bolehlah tapi dengan sebaik-baik yang boleh dan memikirkan rakyat Malaysia yang menggunakan yang mana tiada alternatif macam orang Sarawak, orang Sabah hendak pergi ke Semenanjung, Semenanjung hendak pergi Sabah dan sebagainya. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya balik kepada pengangkutan. Saya sentuh Butiran 06000 - Pengangkutan Darat, ini di bawah Butiran 060400 - Pengajian dan Pelesenan Pemandu. Semalam kita mendengar perbahasan berbangkit daripada teksi, lori, bas dan sebagainya. Semua orang kata pemandu lori, pemandu bas, pemandu teksi semua bohong, tidak baiklah, tidak berdisiplin, tidak buat kerja, tidak ikut undang-undang semua kata macam itu, tapi lambakan *blame* atau kesalahan ini kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Padahal pemandu ini diberi lesen oleh pihak Kementerian Pengangkutan. *PSV* atau *Public Service Vehicle License* ini diberi oleh Kementerian Pengangkutan. Kursus mendapat lesen *PSV* ini dia boleh keluar dalam masa dua jam kursus dia. Kursus dua jam selepas habis itu dapatlah *PSV License*. Besok jadi pemandu teksilah dia, pemandu kereta sewalah dia, pemandu baslah dia, apa lagi? Pemandu lori lah dia kalau sudah besoknya.

Jadi, di mana letaknya kita hendak ajar orang ini menjadi pemandu yang baik? Kalau hanya dua jam sudah dapat. Saya cukup mengetahui ini. JPJ Sarawak boleh mengeluarkan dalam masa satu tahun, satu ribu lebih *PSV license*. Jadi orang ini dia lambak, dapat kereta sewa, dapat kereta teksi, dapat semua sekali.

Padahal Lembaga Pelesenan tidak boleh mengetahui dan menilai kepakaran dan kebolehan mereka ini memandu. Dia hanya menggunakan kriteria-kriteria yang tertentu iaitu melihat ada cukup duit dia, ada tidak *PSV License* dia, ada lesen memandu dia.

Jadi, maknanya, saya memohon kepada pihak Kementerian Pengangkutan supaya *PSV License* ini dilihat semula cara pengajian pengajarannya. Jadi banyak sangat orang sudah mati oleh bas, lori ini. Jadi kita melihat benda lain. Kita lambakan dengan orang yang tidak *qualified* ini lepas itu kita marah pula dengan sistem. Padahal kita *device the system* yang salah. Jadi saya meminta supaya *Human Resource Training* ini di peringkat awal dia, diberi dengan sebaik mungkin. *PSV License* jangan dilambakkan begitu sahaja hendak buat politik. Ini bukan benda politik. Mangsa rakyat Malaysia kena jaga di jalan raya. Jangan kita bagi banyak-banyak selepas itu kita, Orang Putih kata, *give, adopt a bad man and hang it*. Inilah dia, betulkah ini?

Beberapa Ahli: Betul, betul!

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Betul, semua cakap betul. Memang betul. Persoalan kenapa kementerian tidak lihat benda ini. Kalau kita lihat siapa yang buat kesalahan banyak, satu, kereta-kereta yang macam ini besar seperti bas, lori. Yang kedua kita lihat pemandu motor. Pemandu motor 60% daripada kemalangan yang mati. Jadi apa pula garis panduan yang hendak kita buat. Apa garis panduan yang kita buat, tetapi sekarang tidak ada pun garis panduan yang sebaik mungkin untuk pemandu motor. Yang lain kita ketat, yang pemandu motor mati ini kita biar sahaja asalkan ramai sahaja motor ini dijual, banyak orang memandu dapat lesen motor ini biarlah dia. Biarlah dia mati nanti kita kata kecuai manusia, kesalahan jalan, macam-macam kita sebut padahal kita yang melambakkan jalan-jalan raya kita dengan orang yang tidak ber *qualified*, tidak berkemampuan ini. Jadi mat rempit itu pun sama, kita kena latih daripada awal, tetapi latihan awal itu apa dia? Lapan jam dalam litar berapa jam sahaja di tempat-tempat mana dan selepas itu dia dapatlah resit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat pindah ke tajuk lain Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, habis tajuk itu Tuan Pengerusi, yang ketiga Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya saya sudah bincang dengan Yang Berhormat bagi Kota Baharu, soalan kita *spend to much money* infrastruktur, prasarana untuk angkatan udara tetapi kita dalam masa yang sama, banyak yang mati, banyak yang menggunakan jalan darat ini. Kita beri kemudahan ini sedikit sahaja, lihatlah mana-mana bandar, mana kemudahan, mana terminal kita, mana stesen kita, mana dia tidak ada. Masalahnya dua-dua Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri memandang ini perkara yang kecil sahaja. Sepatutnya kita lihat juga supaya pemandangan kita jangan tengok macam apa *vision*, yang *close vision* ini.

Seorang Ahli: *Tunnel vision!*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *Tunnel vision*, kita sepatutnya '*vet argues*' semua benda-benda ini supaya kita melihat secara besar, supaya kita punya rancangan dan dasar kita merangkumi kesemuanya melihat di mana lemah di mana kuatnya kita rangkumkan semua bagi dua dan dapat kita sama-sama lemah dan sama-sama kuat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan. Baru-baru ini Menteri Pengangkutan digelar sebagai "*Best Transport Minister in the Region*". Apa garis panduan supaya boleh dapat "*Best Minister of Transport in the Region*"?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Soalan itu kalau diberi dengan apa Yang Berhormat dari kawasan ini?

Beberapa Ahli: Bagan!

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Bagan. Jadi *Transport Minister* tidak tahu apa benda yang dia buat pun, kalau beri dengan dia lah, kabut lagi negeri kita ini.

Nasiblah kita ada menteri yang rajin kerja, buat kerja tetapi kita hendak tunjuk juga yang apa benda yang ada salah, kita hendak tunjukkan sedikit Yang Berhormat. Janganlah sebab sedikit macam ini you kata menteri tidak betul... [Dewan riuh] Kalau serah kepada Yang Berhormat semua habis negeri kita, hancur negara kita ini.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tidak payahlah Yang Berhormat, tidak payahlah Yang Berhormat, tidak payahlah, tidak payahlah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Pasal duit, duit!

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Duduk sahajalah, duduklah, jangan ganggu saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Santubong, teruskan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini cerita remeh, ini cerita apa ini Tuan Pengerusi, surat khabar lamalah, tidak payahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulunglah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Hendak gulung Tuan Pengerusi, pengangkutan laut Tuan Pengerusi, pembangunan industri SMI dan sebagainya di Sarawak dan di Sabah bergantung pengangkutan laut. Pengangkutan laut pada masa sekarang di bawah tajuk 090400, tambang daripada KK, tambang daripada Kuching pergi ke Port Klang lebih mahal daripada tambang daripada Port Klang pergi ke Bahrain, pergi ke Qatar, pergi ke Saudi Arabia.

Jadi saya hendak tanya apa tindakan kementerian, kita sudah lama cerita benda ini, saya sudah lama enam tahun cerita dahulu tetapi sampai sekarang pun kita tidak bangkit, kita hendak bangun industri, bangun usahawan, bangun apa benda, apa hendak bangun kita sendiri tekan suruh dia mampus. Tuan Pengerusi, minta maaf. Kita hendak cari, saya beri fakta Tuan Pengerusi, ECEU, *Eruopen Union. Trading* dalam *Eruopeon Union* itu 60 peratus *trade* dalam Eropah ialah dalam *European Union* itu sahaja tetapi *trade* di antara kita sendiri mana dia? Jalan sungai laut, *shipping route* daripada Pontianak pergi ke KK baru dua bulan lepas dirancang. Fikirlah Tuan Pengerusi, fikir Tuan Pengerusi, fikirkan kita hendak rancang apa komuniti ini, apa yang untuk ASEAN ini?...

Seorang Ahli: 'Bin niaga'!...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Bukan 'Bin Niaga', itu kecil Yang Berhormat, yang ini besar lagi! *ASEAN Economic Community*, apa lagi dirancang kita ini, tetapi *shipping route* pun tidak ada daripada Port Klang pergi Kuching, Port Klang daripada KK pun habis, SME, SMI di Sarawak itu, dia punya barang jauh lebih mahal daripada apa yang dia keluar dari sini. Sudah tiga market kita di Semenanjung.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, beri cadanganlah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi saya cadangkanlah kementerian, lihatlah benda ini, kalau perlu di negara-negara lain *disubsidizekan* kita punya industri macam ini, supaya SMI, SME ataupun *small traders* daripada Sarawak dan Sabah itu boleh menjualkan ke *bigger market* di Semenanjung kerana di Sarawak dan Sabah itu *is only about 20 per cent of population* dia. Jadi *critical must* untuk membeli itu kurang sedikit jadi *market* kita yang besar ialah di Semenanjung. *The shipping route* kita *out* ialah di Semenanjung, Tanjong Pelepas ataupun di Port Klang tetapi kalau *the cost is added* kepada harga barang dari Sabah sampai ke Sarawak sampai ke Port Klang, sampai ke Tanjong Pelepas, dimasukkan lagi 20 peratus Tuan Pengerusi matilah orang di Sabah, janganlah cakap hal industri. Orang kita mati Tuan Pengerusi, orang kita dekat pulau itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sudah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi, saya memohon kepada kementerian jangan diambil remeh ini, kementerian tidak ada *business*, tetapi orang yang buat *business* di negeri kita ini kena dilihat supaya dia bangun, macam mana hendak bangun orang bumiputera kalau kita lihat tambang pun sudah membunuh. *Freight insurance* 14 *charges* kena bayar, totalkan semua kecil tetapi kalau total besar itu sama besar harga dia hendak *shipping* satu kereta dari Port Klang pergi ke London. Dari Port Klang pergi ke Kuching...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Fikirkan Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi dari Sabah, saya bercakap bagi pihak Tuan Pengerusi ini. Minta maaf Tuan Pengerusi, jadi saya memohon bagi pihak usahawan peniaga-peniaga di Sarawak, saya baru membentangkan satu kertas kerja dengan DUBS, Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak. Inilah rintihan, inilah tangisan, inilah permintaan daripada pihak Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak supaya membawa kepada Dewan Ini membawa kepada pihak Yang Berhormat supaya dipertimbangkan macam mana hendak mengatasi *freight insurance* yang begitu tinggi sekali supaya peniaga Sarawak, peniaga Sabah boleh hidup kepada *market* yang lebih besar lagi di Semenanjung, Tuan Pengerusi terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Langkawi.

4.57 ptg.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara yang hendak disentuh iaitu masalah feri. Saya bangkit lama sudah feri ini yang berkaitan dengan penumpang yang sakit. Jadi, yang sakit teruk di bawa pergi dari Langkawi ke sama ada pergi ke Kangar ataupun ke Alor Star. Dan saya telah bangkitkan dahulu lagi iaitu di mana terdapat penumpang-penumpang yang sakit teruk, yang hendak beranak pun ada, yang beranak di dalam feri pun ada dan macam-macam lagi. Jadi feri ini diletaknya penumpang, kalau penuh penumpang, diletakkannya di tengah-tengah.

Jadi dengan penumpangnya yang banyak dan begitu ramai dan terletak di tengah-tengah, maka satu keaiban yang berlaku seolah-olah mereka tidak dijaga. Saya mintalah kepada pihak-pihak kementerian, turunlah ke padang. Turunlah, saya menjemput Menteri sudah lama sudah, dari tahun 2004, 2005, 2006. Saya bangkitkan perkara ini kerana bagi saya sebagai tempat pelancongan, sudah tentulah kita hendakkan *the best services*, dengan izin.

Jadi Tuan Pengerusi, saya mintalah kementerian kalau boleh tentukan tiap-tiap feri itu dia adakan tempat yang berasingan, jadi ditiraikan tempat itu dan itulah. Saya telah menyatakan terdapat seorang wanita yang telah beranak di atas feri. Alangkah aibnya beliau kerana semasa anak itu hendak lahir, tentulah tidak diberitahu. Yang keduanya, ialah bot pelancongan yang dikatakan yang membawa penumpang pergi ke Pulau Dayang Bunting, Pulau Toba, dan pulau-pulau yang lain lah.

Jadi kerana ini, kalau boleh yang berlaku sekarang ini pihak jabatan laut check mereka di tengah laut, kerana kalau pelancong dari luar negara, pelancong dalam negeri, mereka kena check tengah laut. Kalau rumah tidak ada, tidak apa, kadang-kadang itu ombak ada gangguan sedikit. Jadi hendak cek bot, bot tentukan bot itu didaratlah, jangan di tempat-tempat yang hendak dilepaskan bot itu, janganlah cek sama ada bot itu ada lesen, ada juru mudi yang berlesen, bertautilah kerana kalau di buat tengah laut tentulah ada berlaku perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Jadi saya minta pihak kementerian supaya mengadakan *checking* di darat ataupun tempat berlepas. Itulah dua perkara yang saya bangkitkan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

5.00 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya suka merujuk Butiran 090700 – Keselamatan Jalan Raya, peruntukan sebanyak RM7 juta dan juga 00800 – Projek Membaikpulih dan Mengukuhkan Landasan sebanyak RM100 juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan aspek keselamatan para penumpang yang menaiki STAR LRT atau PUTRA LRT atau monorel. Dari beberapa kejadian kemalangan kecil yang berlaku, orang ramai amat bimbang tentang tahap keselamatan transit rel ringan. Baru-baru ini pihak KL Monorel ada menjalankan satu latihan menyelamatkan para penumpang *tram* atau koc monorel di Jalan Maharajalela, Kuala Lumpur dengan kerjasama pasukan bomba dan penyelamat yang menggunakan saluran untuk menurunkan penumpang-penumpang yang terperangkap dalam kebakaran *tram* dalam tempoh 30 minit.

Dari segi latihan mungkin nampak praktikal tetapi pada realiti sebenar belum boleh dipastikan sama ada ia mampu menyelamatkan dalam keadaan kecemasan ketika api sedang marak. Ketika kereta bomba terpaksa sampai lewat bila berlaku kesesakan jalan raya atau kesukaran sampai ke laluan rel di mana *tram* berada. Saya kira ini mungkin langkah menyelamatkan sementara sebelum satu alat dan kaedah yang lebih pantas dan berkesan disediakan.

Dari kejadian kebakaran yang berlaku di sekitar Kuala Lumpur didapati kereta bomba jarang sampai dengan cepat. Kadangkala sesat jalan pula di samping terperangkap dalam kesesakan. Untuk menyelamatkan diri barangkali penumpang-penumpang terpaksa terjun dari koc atau *tram* jika berada di landasan yang tinggi. Syarikat transit rel ringan perlu menyediakan langkah menyelamatkan alternatif yang pantas dan berkesan. Kita bimbang kemalangan rel akan bertambah pada masa depan yang mana sistem rel kita belum sempat mencipta kaedah menyelamatkan yang terbaik..

Tuan Pengerusi, walaupun kementerian telah menugaskan jururunding bebas menyiasat kemalangan *tram* terjunam di Sentul Timur dan mungkin juga aspek keselamatan *tram* dan rel yang lain. Ini menggambarkan bahawa sistem pengangkutan transit laju ringan di Lembah Klang ini masih tidak disediakan sistem sokongan keselamatan yang baik. Nampaknya sistem rel kita masih di dalam peringkat uji kaji. Sejauh mana jururunding ini bebas menyelesaikan namun ia tidak boleh berbuat apa-apa jika ia, syarikat-syarikat pengangkutan rel tidak mendedahkan sepenuhnya perkhidmatan pengangkutan rel laju ringan mula mendapat kepercayaan rakyat dan bilangan penumpang kian bertambah dari masa ke semasa. Cuma masalah yang ketidakcukupan medan letak kereta menyebabkan mereka mengubah fikiran untuk terus menggunakan kenderaan sendiri bila memasuki pusat bandar atau ke destinasi.

Tuan Pengerusi, oleh itu kepercayaan itu perlulah dipertahankan dengan mempertingkatkan kemudahan tempat letak kereta yang cukup berdekatan stesen, meningkatkan aspek keselamatan penumpang termasuk sistem kalis banjir di stesen dan landasan.

Keselamatan jalan raya – negara kita kini baru selesai melancarkan Operasi Sikap XI semasa perayaan Deepavali dan Hari Raya Aidilfitri yang lalu. Namun perangkaan jumlah kemalangan dan kematian masih di tahap tinggi. Operasi Sikap X sahaja mencatatkan 13,150 kemalangan di mana 205 adalah kemalangan maut dan 226 kematian. Hari ini bukan peperangan dan penyakit bukan lagi punca utama kematian tetapi kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian.

Pelbagai kempen keselamatan jalan raya telah dilancarkan dan jutaan ringgit telah dibelanjakan untuk menyedarkan orang ramai bagi mengubah sikap mereka. Berapa ramai yang berjaya diubah sikap mereka? Polis kita sudah melaksanakan operasi untuk mengubah sikap pemandu tetapi bilangan kemalangan terus bertambah. Hari ini kempen media lebih menumpukan mengubah sikap kanak-kanak. Kanak-kanak lebih gemar menonton iklan kempen keselamatan di jalan raya, bagaimana pula orang dewasa dan menjadikan pemandu mereka tidak terkesan dengan iklan sedemikian.

Langkah kerajaan menurunkan had laju ke 90 kilometer sejam nampaknya tidak berkesan mengubah sikap rakyat. Bukan hanya bermusim sahaja seperti semasa perayaan. Perubahan sikap sebenarnya memerlukan tempoh masa yang lama yang berterusan. Pelbagai kempen untuk pelbagai golongan sasar hendaklah sepanjang masa sehingga mereka terdidik dengan amalan berhati-hati di jalan raya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sepanggar.

5.06 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 030000 – Pengangkutan Laut Sabah termasuklah butiran yang kecil 030200 dan 030300 di mana kita tahu bahawa sering kali kita diberi fahaman bahawa kos pengangkutan yang membawa barang makanan ke Sabah begitu tinggi. Disebabkan itu maka kenaikan harga-harga di Sabah mencecah 30%. Itulah alasan-alasannya di mana *port charges*, dengan izin dan CIF, tambangnya begitu tinggi.

Alasannya ialah disebabkan mereka bawa barang makanan ini ke Sabah, kemudian tidak ada barangan bawa kembali ke port-port di Semenanjung tetapi saya rasa ini sampai masanya bagi kerajaan supaya sekiranya walaupun subsidi diperlukan, maka saya mohon supaya subsidi dibayar supaya kita punya rakyat di Sabah juga sama-sama dapat menikmati barangan tempatan kita. Kita tahu memang slogan gunakan barang tempatan begitu baik sekali, tetapi pada ketika ini saya rasa slogan ini tidak lagi dapat digunakan disebabkan barang-barang tempatan kita dari Semenanjung ke Sabah begitu tinggi sekali harganya. Maka sebab itu saya rasa mudah lagi kita beli barangan dari China daripada barang tempatan kita. Maka sebab itu saya rasa perlu kita buat kajian, kementerian ini buat kajian kalaunya perlu untuk membayar subsidi. Bayarlah subsidi supaya kita sama-sama dapat nikmati barangan kita sendiri.

Kedua mengenai pengangkutan udara ini, di mana sudah pun kita dapat tambang yang begitu tinggi sekali dengan pengangkutan udara MAS. Pada ketika ini Lapangan Terbang Kota Kinabalu sedang dibaiki dan diperbesarkan, ini kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan tetapi malangnya ialah tambang itu sudah pun begitu tinggi sekali, mereka bawa di mana pada ketika ini kaunter jualan tiket di bandar raya Kota Kinabalu, mereka mahu hanya satu sahaja jualan kaunter iaitu di lapangan terbang sendiri sahaja.

Maka ini sebab saya mohon supaya kaunter itu dikekalkan di Bandaraya Kota Kinabalu supaya kita dapat pengunjung-pengunjung dan pelancong-pelancong dapat duduk di Bandaraya Kota Kinabalu dan juga mendapat layanan tiket MAS dari Bandaraya Kota Kinabalu dan bukan satu tempat sahaja yang kita difahamkan hanya di kaunter lapangan terbang. Disebabkan sekiranya ini dipaksa mengadakan satu kaunter sahaja tentu sekali kesesakan di lapangan terbang ini agak begitu tinggi sekali dan kita dapati bahawa pada ketika ini lapangan letak kereta pun kita tidak mempunyai begitu banyak di Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Saya memohon kepada kerajaan supaya...

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Saya minta Yang Berhormat bagi Sepanggar untuk memperjelaskan lebih jelas lagi apa maksud tutup kaunter di Kota Kinabalu. Saya tidak berapa faham.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Saya difahamkan dia orang mahu '*shift to counter*', tidak ada lagi kaunter di Bandar Raya Kota Kinabalu di musim ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan kaunter Yang Berhormat, pembelian tiket.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Pembelian tiket, penjualan tiket MAS. *Ticketing Office* akan ditutup... [Beberapa Ahli menyampuk] Kelmarin sudah tutup saya agak lewat sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jera]: Saya setuju Alor Setar pun sudah ditutup.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Kota Baharu pun sudah tutup.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Saya minta supaya disebabkan kerumitan dengan jalan raya pada ketika ini kekalkanlah *Ticketing Office* itu di Karamunsing. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Ketereh.

5.14 ptg.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. *Assalamualaikum wbt.* Tuan Pengerusi, saya ada tiga perkara sahaja petang ini iaitu pertama mengenai 05000 - Pengangkutan Udara, 06000 - Pengangkutan Darat dan 07000 - Kereta Api.

Mengenai pengangkutan udara, saya perhatikan bahawa setiap kali ada pesta, setiap kali ada hari raya sama ada hari raya orang Islam, Tahun Baru Cina, Deepavali atau Krismas Perdana Menteri akan bercakap kepada rakyat pandu kereta baik-baik, jagalah keselamatan. Itu pesanan Perdana Menteri dan baru-baru ini Perdana Menteri sangat dukacita kerana setiap kali buat operasi apa nama operasi pun yang mati makin bertambah, yang *accident* makin bertambah. Persoalannya saya hendak tanya, di bawah pengangkutan darat sebenarnya betulkah kita ini mengutamakan pengangkutan darat ataupun kita mengutamakan pengangkutan udara Tuan Pengerusi?

Saya tengok kita habiskan duit berbilion ringgit untuk pengangkutan udara tetapi kita masih gagal juga. Kita bagi satu terminal baru kepada sebuah sistem penerbangan yang baru. Kita bagi dia satu terminal baru kita *expand* kononnya besar kita *spend* duit ini untuk pengangkutan udara tetapi penggunaan ruang udara, penggunaan pengangkutan udara ini tidak sampai 1/3 daripada rakyat. Yang banyak guna macam Yang Berhormat bagi Johor Bahru cakap, maaf ya saya makan ubat batuk. Bila ubat batuk ini dia jadi hanyut sikit bukan dia mabuk Tuan Pengerusi. Dia lidah jadi berlapis makan ubat batuk ini.

Emphasize kita sepatutnya pengangkutan darat tetapi saya tengok di Kuala Lumpur ini kalau hendak pergi ke Pahang pergi tempat lain. Hendak pergi ke pantai timur pergi terminal lain hendak pergi ke selatan pergi ke terminal lain. Tidak ada satu terminal yang besar yang mencerminkan bahawa kita memang ada satu dasar baru untuk pengangkutan darat. Tidak beri *priority* kepada pengangkutan darat. Orang naik bas seolah-olah hina. Di negara maju orang naik bas sebenarnya mulia. Orang naik kapal terbang tidak mulia sangat. Bukan saya kata dia hina tetapi *emphasize* ini salah. Saya pun tidak faham. Saya kadang-kadang saya naik bas. Pengangkutan udara kita sudah bagi satu terminal kepada AirAsia. Kita bagi satu terminal khusus untuk dia kemudian bas kita bagi dia juga. Apa fasal ni?

Yang Berhormat tahu atau tidak atas kapal terbang AirAsia itu dijual tiket bas. Seolah-olah bas, tambang dari LCCT ke Sentral ini kepunyaan AirAsia. Betulkah AirAsia punya? Kalau bagi kepada AirAsia kenapa bagi kepada dia? Dia sudah ada kapal terbang, dia sudah untung berjuta dekat situ. Bagilah yang kecil-kecil ini kepada operator lain. Banyak bumiputera boleh *operate*. Saya diberitahu 20 buah bas permit diberi kepada AirAsia kenapa? Mungkin tidak atas nama AirAsia. Kemudian tambangnya terlalu murah RM9 sehingga menyebabkan orang lain tidak boleh *operate*. Tadi saya di luar saya bercakap dengan *driver taxi* hendak mati *driver taxi* di sana. Kita bagi permit teksi kita bagi permit, mati orang itu. Di mana polisi kita sebenarnya. Hendak buat apa sebenarnya negara kita ini?

Kadang-kadang perancangan ini sedaplah kita meluluskan dekat sini tetapi *priority* tidak kena. Kalau kita hendak betulkan pengangkutan darat sebagaimana kehendak Perdana Menteri, buat betul-betul. Cuba pergi tengok kalau hendak pergi ke Pahang di Jalan Pahang. Bas yang hendak pergi ke Pahang duduk berkecamuk. Bas yang duduk di Sentral berkecamuk. Stesen bas Sentral itu kononnya 'D' *Central Station* untuk negara ini. 'D' maknanya hebatlah semua akan menumpu di situ tetapi tidak begitu, bas tidak. Berterabur duduk apa jadi sebenarnya? Jadi saya harap kerajaan seperti mana permintaan Yang Berhormat bagi Johor Bahru beri penekanan betul-betul biar rakyat nampak. Yang saya sedih begini. Ini pengalaman, tidak apa kita cakap dalam Parlimen biar Perdana Menteri dengar. Saya naik teksi minggu lepas dari LCCT. Bila saya naik teksi kena beratur ada orang tukang bagi *voucher*.

Saya tanya kenapa *voucher* orang lain yang bagi kita ambil *voucher* lepas itu dia yang atur. Dia kata ini orang lain punya dia dapat kalau tidak silap saya dia dapat 19% komisen kerana menganjurkan teksi itu *queue*. Dia dapat *certain* peratus. Saya kata kenapa dia dapat kenapa *you all* tidak boleh *queue* biasa sahaja macam dekat Singapore kita turun kita naik sahaja teksi ikut *queue*. Panggil seorang *guard* di situ. Tidak payah bagi komisen kepada satu *private company* untuk kerjanya mengatur teksi sahaja berpuluh peratus pula dia dapat.

You tahu apa jawab *driver* teksi ni? "*Ooo ini Badawi punya*". Apa? Saya tanya dia. "*Ini Badawi punya, ini Badawi punya kerja lah, ini semua Badawi punya.*" *What do you mean by that* bila *taxi driver* cakap ini Badawi punya? *What is the image of this country*, dengan izin? Saya dengar saya terguris saya. Kenapa Pak Cik cakap macam itu? Dia pun cerita tentang masalah teksi dia. Dahulu dia kena halau sini kena halau sana. Ini semua negara ini kalau tidak ada bagi tidak jadi. *Something wrong some where* cuba *check*. Saya tanya LPKP punya *ex chairman* apa jadi dengan pembahagian permit? Saya diberitahu kononnya arahan Kementerian Pengangkutan hendak bagi juga dekat AirAsia ini mesti bagi juga dekat dia sistem bas ini. Tidak betullah kalau buat macam itu. Jangan buat macam itu. Akhir sekali saya hendak cakap...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Yang Berhormat ada mengatakan *something wrong some where*. Sebenarnya adakah benar adakah Yang Berhormat sedar *nothing wrong anywhere. Thing's are getting worse from bad to worse* apabila banding dengan pemerintahan yang dahulu. Itulah *nothing surprising thing are getting bad to worse* and apa yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Keteroh]: Yang Berhormat tengok daripada sudut mata dia. Kita tegur yang tidak betul, tetapi pada Yang Berhormat negara Malaysia ini semua tidak betul tetapi dia masih duduk di sini juga *enjoy the life*. Yang saya kata dia ada yang salah ada yang betul. Yang tidak betul kita tegurlah tetapi bukan semuanya salah. Seolah-olah Malaysia ini tidak ada tempat orang hendak datang tetapi 50,000 warganegara China hilang di negara ini kerana hendak datang sini. Apa fasal dia hilang? Hendak duduk sini sebab maknanya negara ini bagus, tetapi kita tegur ini ada benda-benda yang tidak betul supaya ia betulkan. Jangan ambil teguran kita hendak bagi gambaran negara ini tidak bagus. Tidak betullah. Itu otak pembangkang memang hidup dia kena membangkang dilahirkan begitu hendak buat macam mana? Tidak boleh salahkan. *You are born that way*.

Akhir sekali saya hendak cakap mengenai kereta api. Kereta api ini menyambungkan Pantai Barat – Pantai timur tetapi yang saya hendak tanya kenapa kereta api di Pantai Timur untuk pergi ke Kota Bharu untuk pergi ke Pahang kalau dibandingkan dengan *service* yang ada di Pantai Barat ini jauh lebih buruk yang di Pantai Timur. Kereta api *first class*, saya hendak *enjoy* lah sikit konon ada tiket Ahli Parlimen ini dapat tiket kereta api. Tidak pernah kereta api yang pergi ke Pantai Timur ini teruk. Gerabaknya teruk, perkhidmatannya teruk, yang *train first class air condnya* tidak pernah ada. Yang ada yang ekonomi ataupun yang *first class* yang teruk punya yang buffet yang tidak boleh dipakai. Saya mengharapkan janganlah bezakan pengguna kereta api di Pantai Barat dan pengguna kereta api di Pantai Timur. Kita tengok dalam ini ada subsidi RM15 juta untuk jalan laluan-laluan kereta api yang tidak dapat keuntungan. Saya minta dan menyeru Kementerian Pengangkutan supaya membetulkan masalah ini. Saya mohon menyokong terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sandakan.

5.20 ptg.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 050000 - Pengangkutan Udara. Tambang dan *fuel surcharge* yang dikenakan oleh MAS dan AirAsia sejak bulan Ogos 2006 telah dapat banyak bantahan daripada individu-individu serta organisasi-organisasi dan seterusnya mengemukakan permintaan untuk menurunkannya, tetapi sehingga kini pun tidak ada maklum balas yang positif.

Saya telah membangkitkan dalam sesi Parlimen yang lalu bahawa pengangkutan udara adalah cara pengangkutan utama di Sabah kerana sistem jalan raya yang kurang memuaskan. Kenaikan kadar tambang ataupun *fuel surcharge* MAS dan AirAsia banyak membawa beban kewangan kepada rakyat jelata dan juga para pelancong di negeri Sabah.

Banyak ketidakpuasan daripada rakyat telah dibangkitkan dan sehingga Menteri Pelancongan Persekutuan kita pun mengatakan baru-baru ini bahawa tambang yang mahal telah membawa kesan negatif bagi pelancong asing dan bilangan mereka yang ingin melawat negara kita pada tahun hadapan iaitu Tahun Melawat Malaysia pun menurun. Walaupun adanya pilihan bagi tambang MAS yang dikatakan kurang mahal daripada internet, tetapi bukan semua mereka dapat tempat tambang murah yang bilangan kerusi itu terhad.

UMNO Negeri Sabah telah membangkitkan masalah tambang yang terlalu tinggi di antara Kuala Lumpur dan Sabah-Sarawak dalam Mesyuarat Perwakilan Parti baru-baru ini. Saya sokong penuh pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa kerajaan akan berunding dengan syarikat penerbangan untuk mengatasi isu ini tetapi saya ingin menyeru kepada kementerian supaya mengkaji semula kadar dan juga struktur tambang dan *fuel surcharge* MAS bagi penerbangan-penerbangan tempatan di Sabah dan Sarawak dan seterusnya diturunkan dengan segera.

Yang kedua, walaupun kerja menaiktarafkan Lapangan Terbang Tawau dan Wilayah Persekutuan Labuan telah disiapkan beberapa tahun yang lalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lahad Datu sedang dijalankan. Dalam sistem rangkaian pengangkutan udara di Sabah ini, Lapangan Terbang Sandakan sahajalah yang belum lagi nampak ada rancangan untuk menaiktarafkannya dalam tempoh masa terdekat ini.

Memandangkan pengangkutan udara adalah cara perjalanan terpenting bagi rakyat jelata dan juga para pelancong di Sabah, kita memerlukan satu sistem perangkaian lapangan terbang yang serba moden untuk memenuhi kehendak semasa. Keadaan sekarang ialah semua lapangan terbang utama di Sabah telah dan sedang dinaiktarafkan melainkan Lapangan Terbang Sandakan. Ini akan mengakibatkan satu situasi di mana sistem rangkaian pengangkutan udara di Sabah tidak sempurna. Jadi, saya ingin meminta bagi pihak rakyat jelata dan pelancong di Sandakan kepada kementerian, apakah jenis kerja menaiktarafkan dan juga bilakah ianya akan dilaksanakan di Lapangan Terbang Sandakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Mambong.

5.24 ptg.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk kepada Butiran 050000 - Pengangkutan Udara. Di antara MAS dan AirAsia, rakyat di Sarawak lebih suka lagi menggunakan MAS, kenapa? Sebab jadual MAS adalah konsisten, boleh ditentukan sedikit daripada AirAsia. Walaupun harga tambang MAS agak tinggi sedikit, tetapi oleh kerana keselesaan semua tempat duduk ditetapkan, oleh itu mereka memang suka MAS. Ini merujuk kepada *connectivity*, AirAsia bukan ahli IATA. Oleh yang demikian, *connectivity*nya dengan *international airlines* yang lain tidak ada, kosong. Oleh yang demikian, di Sarawak lebih-lebih lagi di tempat-tempat pelancongan seperti Gunung Mulu tidak ada *connectivity* dengan *airlines* yang lain. Saya ingin menyarankan agar kementerian bagi baliklah MAS pada sektor itu kerana kita selama ini sudah rugi.

Sejak 1 Ogos tahun ini, pelawat ke Taman Negara Gunung Mulu sudah berkurangan dengan kadar 15%. Penginapan di hotel-hotel di Mulu pun sudah berkurangan dengan kadar 10%. Ini disebabkan FAX atau *Fly Asia Express*. Selalu *cancel* penerbangan ke Gunung Mulu kerana ianya tidak ada *connectivity*. Bagilah balik MAS ke sektor itu. Perkara yang kedua adalah berkaitan dengan penubuhan pusat *stockpile* kawalan pencemaran minyak dan bahan kimia, P09000. Di manakah penubuhan pusat *stockpile* ini akan dibina, adakah ia di Senari Port, di Miri Port ataupun di Rajang Port?

Ini adalah penting kerana kalau tidak ada pusat *stockpile* kawalan pencemaran minyak dan bahan kimia, maka kapal-kapal yang berlayar di lautan dan masuk ke pelabuhan-pelabuhan kita akan membuang minyak-minyak terpakai ke dalam laut. Selepas itu terdapatlah kita pencemaran laut kerana pencemaran laut ini akan mengganggu ekosistem laut dan ikan pun akan tercemar. Kalau kita makan ikan, apabila daging ia sudah beracun dan mengandungi bahan-bahan kimia yang toksik, maka kita juga akan merasai akibatnya. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada lima Ahli hendak berucap. Saya hendak bagi lebih kurang semua berucap, saya hendak habiskan hari ini Yang Berhormat. Saya bagi tiga minit seorang untuk berucap. Yang Berhormat bagi Jerai.

5.28 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap pasal pengangkutan udara. Memang boleh dikatakan ramai wakil-wakil rakyat tidak puas hati tentang prestasi MAS. Kita faham MAS mengalami kerugian dan perlu di *turn around* balik supaya dia dapat keuntungan tetapi, kita kena ingat matlamat penubuhan MAS adalah untuk memberi kesenangan kepada rakyat dan juga untuk memberi peningkatan ekonomi mana yang terlibat. Contoh macam Yang Berhormat bagi Mambong kata tadi, dari segi sektor pelancongan pun kita sudah kehilangan disebabkan oleh MAS. Malah tahun ini penerbangan membawa jemaah haji, kita terpaksa menggunakan Saudi Air. Banyak Saudi Air daripada penerbangan MAS disebabkan oleh kos, sedangkan Saudi boleh menurunkan harga MAS tidak boleh.

Jadi di sini menunjukkan kenapa begitu sedangkan dia hendak membawa jemaah dari Malaysia, rakyat Malaysia. Kita bangga naik kapal terbang MAS ini. Bangga kalau kita terbang dengan MAS pergi menunaikan haji dan ke seluruh pelosok dunia. Kadang-kadang lebih kurang pun kita tanggung kerana kita hendakkan lambang MAS itu terbang di negara-negara lain. Kita berasa bangga Tuan Pengerusi tetapi kita lihat MAS begitu berkira sedangkan tentu ada caranya untuk kita mengatasi kerugian itu. Memberhentikan orang kerja yang sepatutnya orang itu lagi setahun dua hendak berhenti, bayar VSS yang begitu besar sekali. Padahal yang baru bekerja itu patut di VSS. Ini lagi dua tahun kita patut tunggu, pasal apa kita hendak bayar kepada dia banyak? Jadi, ini perkiraan macam mana saya tidak faham. Sedangkan CEO MAS adalah seorang akauntan. Mungkin sebagai akauntan ini, dia kira keuntungan, *bottom line* tetapi masalah sosial, masalah negara?

Buah-buahan Malaysia macam mana nak pergi ke luar negara? Syarikat Thai Airways, dia punya buah-buahan dia bagi subsidi untuk pengangkutan untuk dijual ke negara asing. Patutlah buah rambutan dia ada di seluruh pelosok dunia. Hak kita macam mana? Kerana keuntungan, keuntungan, keuntungan semata-mata. Ini bagi saya ialah, kalau kita berniaga memang kita hendak keuntungan. Ini tak boleh dinafikan tetapi kita juga kena berkhidmat kepada rakyat. Kerana kita tidak ada alternatif lain. Kalau Malaysia ada lagi satu penerbangan yang juga milik kerajaan, itu okey tetapi kita tak dak. Sama ada suka ke tak suka, pegawai kerajaan kena naik MAS. Itu wajib. Menggunakan peruntukan kerajaan, okey...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Dan kos dia. Lagi satu saya tengok sistem dia. Ini saya biasa mengalami. Apabila saya *cancel flight* itu, saya bagitahu *centre* saya tidak jadi terbang dan sebelum 24 jam atau 48 jam maka tidak patut dikenakan *cancellation fees*. Okey. Apabila saya hendak terbang, saya pergi ke kaunter, dia kata kena bayar *cancellation fees*. Saya kata, rujukan *cancellation* ada di sini, cuba rujuk. Dia kata, tidak ada dalam sistem dan sebagainya tetapi, bila saya sampai di Kuala Lumpur, saya masuk ke *ticketing office* di *airport*, boleh pula buat! Saya boleh guna balik tiket itu.

Jadi, macam mana Tuan Pengerusi sistem dia? Jadi kita berharap pihak pengurusan MAS..., dan lagi satu, ini diberitahu oleh pekerja MAS sendiri kepada saya.

Selalunya orang-orang pencen warga emas ini, kalau dia hendak terbang dia pergi ke *airport*, kalau ada *seat* kosong, maka dia boleh naik penerbangan itu dengan harga yang direbeken tetapi sekarang dia kerana *wait list* ataupun buat *booking* dua minggu. Apa salahnya kalau *flight* itu kosong, daripada dia terbang kosong, naikkan si tua ini. Orang tua warga emas ini, apa salahnya? Begitu juga OKU. Pasal apa nak kena tunggu sampai dua minggu? Saya tak nampak dari segi logiknya, sedangkan penerbangan itu kosong, katalah *ten seat*. Kalau kata ada tiga orang tua warga tua ini, apa salahnya naikkan tiga orang tua ini? Sekurang-kurangnya kita dapat juga 50 *percent* punya *fees*? Jadi di sini, tak tahulah macam mana perkiraan seorang akauntan yang *leadkan* MAS ini? Huru hara nampaknya MAS...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan ucapan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kami dah tak laghat, Tuan Pengerusi. Tak laghat dah. Dok bising fasal MAS. Bukan kerana apa? Bukan kerana kami. Saya bukan naik MAS selalu, kerana saya naik kereta tetapi kerana rakyat merungut. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Ketereh tadi. Kalau begitu, kita *concentrate* laluan daratan. Benarkan duit yang kata nak beli kapal terbang, tok sah beli kapal terbang. Ambil duit itu, bagikan keselesaan rakyat untuk menggunakan jalan raya, LRT dan sebagainya. Tak payahlah kita *concentrate* domestik gunakan MAS.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cukup? Ya, saya bagi tahu, semua perbezaan dalam kapal terbang la ni, beza kelas, dia ada roti jala.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah cukuplah itu, berhentilah Yang Berhormat. Ya, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu sahaja. Kerana Idris Jala, ada roti jala... [Ketawa].

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Tiga minit Yang Berhormat ya?

5.33 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada Butiran 090700, 100700 dan akhirnya 009000. Pertamanya berkaitan dengan Keselamatan Jalan Raya. Apa yang kita lihat Tuan Pengerusi, seolah-olahnya jalan raya di negara kita ini semacam tidak menjamin keselamatan kepada penggunanya. Baik pengguna-pengguna yang menggunakan kenderaan-kenderaan kecil ataupun pengguna-pengguna yang berjalan kaki. Jadi, saya berharap supaya keselamatan jalan raya ini mesti diambil satu tanggungjawab yang bersungguh-sungguh supaya rakyat kita tidak terdedah dengan kematian di jalan raya yang lebih banyak daripada kematian di rumah ataupun kematian di hospital, dan juga harta-harta kita tidak ditelan oleh kenderaan-kenderaan berat hasil daripada kealpaan mereka.

Jadi, satu sistem undang-undang mestilah diperkemas supaya pengguna-pengguna jalan raya kita rasa terselamat bila mereka berada di jalan raya ataupun mereka berada di pesisir jalan raya. Kadang-kadang kita makan di tepi jalan raya bila kita menggunakan jalan raya, lebuhraya misalnya, kita rasa tidak selamat dengan kelajuan kenderaan-kenderaan yang seolah-olah tidak ada kawalan, itu satu. Jadi, saya minta sungguh.

Yang kedua pula, jalan raya yang kita lihat daripada Kuala Lumpur khususnya ke Kelantan. Di sana ada satu jalan yang begitu teruk sekali yang selalu kita dengar bahawa kematian, *accident* jalan raya, di antara Kuala Lipis ke Merapoh. Baru-baru ini, saudara saya sendiri. Sayang dia. Orangnyanya bagus, beriman, soleh, *engineer* pula. Bukan kata yang kerja kecil, *engineer*, orang yang dikehendaki oleh negara. Mati di tengah-tengah jalan raya. Ya, Allah panggil tetapi ada ikhtiar kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ajal Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ada ikhtiar kita.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Allah sayang.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, di sinilah kita rasa bahawa, ikhtiar kita, kita mesti ikhtiarkan seberapa daya yang dapat. Dah terkena juga, serah kepada Allah SWT tetapi jangan kita serah, kita terjun laut, kemudian kita serah. Berenang apa tak pandai, apa pun tak pandai, serah kepada Allah, terjun ke dalam laut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Dan yang kedua, sikit lagi ada satu, dua *point* lagi. Yang kedua, iaitu peningkatan keupayaan KTM. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Ketereh sekejap tadi. Saya di waktu kecil-kecil dahulu Tuan Pengerusi, saya di antara pengguna sehingga saya ke sekolah menengah. Pengguna kereta api daripada kampung saya, Sulur Machang ke Pasir Mas. Saya melihat kereta api daripada dahulu sampai sekarang, kereta api itu sama juga.

Selepas merdeka, saya pergi ke sekolah daripada kampung saya Slow Machang. Slow Machang maknanya kereta api *slow* di situ. Ha, melompat! Tidak ada stesen. Dahulu ada stesen, sekarang ini stesen ini runtuh dan tidak dibaiki langsung. Tidak tahu bagaimana dia panjat kereta api? Kereta api hanya *slow*, kemudian masing-masing panjat, khususnya orang-orang kampung. Dan kereta api sama. Tahun 50-an, saya ke sekolah dahulu, sampai sekarang pun sama juga saya lihat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, ya?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi saya minta kepada pihak-pihak berkaitan supaya tingkatkan keupayaan. Satu lagi Tuan Pengerusi, ini sebagai ..di antara sebuah sekolah. Namanya Sekolah Kebangsaan Tanjung Chengal. Sekolah ini benar-benar berada jauh daripada landasan yang kita boleh... yang ada *gate*, *gate* keselamatan. Dua batu di antara sekolah ini dengan *gate* keselamatan. Jadi, pelajar-pelajar, saya rasa hampir dua ribu pelajar di sekolah itu. Sekurang-kurangnya seribu orang yang melintasi landasan kereta api itu pada tiap-tiap hari. Tiap-tiap pagi di waktu mereka ke sekolah dan tiap-tiap petang di waktu mereka ke rumah. Anak-anak kecil yang berumur tujuh ke lapan tahun tidak mempunyai akal sebagaimana kita orang-orang tua. Mereka hendak lintas, mereka lintas dengan tidak ada apa-apa mengganggu tentang kereta api.

Apakah salahnya kalau pihak kereta api mengambil tanggungjawab sebelum daripada terkena ataupun terlanggar ataupun anak kita menjadi mangsa? Saya tengok.. maaf, sebut. Perangai kereta api satu hal juga. Berlaku baru dia ambil tindakan. Selagi tidak berlaku, dia tidak ambil tindakan. Berapa kali berlaku kematian, lima, enam, tujuh, lapan orang? Bas dilanda dan itu dilanda. Ini tidak ada *gate* ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Takkanlah pelajar nak berjalan kaki, nak melintasi melalui satu transisi yang begitu jauh?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cadangan Yang Berhormat? Nak bagi cadangan, ya?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi, saya minta supaya disegerakan perkara ini supaya anak-anak kita terdedah dengan maut sebagaimana yang disebut oleh sahabat-sahabat kita tadi. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat Tuan Pengerusi. Peraturan Mesyuarat 12(3).

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 13(3).

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: 12 sub kecil (3). *Twelve three. Not three twelve.* Tuan Pengerusi boleh melanjutkan masa mesyuarat selepas pukul 5.30 petang ataupun selepas apa-apa masa yang ditetapkan oleh majlis mesyuarat setakat yang tidak melebihi 15 minit untuk menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga ialah bahawa peruntukan untuk Kementerian Pengangkutan diluluskan. Termasuk jawapan Yang Berhormat Menteri atau sesiapa. Ini tak mungkin selesai, kerana kita mesti habiskan..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Dan ada orang yang mahu ucap, kenapa mahu begitu menamatkan peluang ramai Ahli-ahli Parlimen yang mahu ucap ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah mengganggu sekarang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Rancangan Malaysia Kesembilan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah ganggu masa orang lain nak berucap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan mengganggu. Ini Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Peraturan mesyuarat bahawa tidak boleh diselesaikan perkara hari ini. Oleh sebab..., tak boleh dan mengehadkan tiga minit, ini tidak adil!!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak adil, tak boleh selesai!! Selesaikan bererti bahawa anggaran ini diluluskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jadi saya berharap bahawa kita boleh teruskan hari esok oleh kerana...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila duduk. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini mustahak!!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ambil masa orang lain berucap. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sila ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan!! Ini Peraturan Mesyuarat!!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, ya saya faham. Saya dah faham

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bahawa tak mungkin diselesaikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, 12(3).

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan kalau tak mungkin diselesaikan, tak mungkin dilanjutkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, Yang Berhormat. Sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hantar masuk wadiah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat bagi Puchong pun tidak faham. Yang Berhormat bagi Puchong, bodoh-bodoh faham sahajalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Memang kita tidak faham Yang Berhormat punya perangai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana kita mahu semua boleh bahas esok.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduklah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Orang lain hendak berucap...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan..., peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah faham peraturan itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak ikut peraturan mesyuarat, tidak boleh salah guna peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya cubalah selesaikan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana beberapa minit, tidak mungkin selesai dan kita semua mahu bahas lagi. Yang Berhormat bagi Puchong pun mahu bahas. Itu baru adil, kita tidak mahu main-main di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, betul-betul mahu teruskankah?

Beberapa Ahli: Ya lah... *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa, mahu main-mainkah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini kerana tidak mengikut peraturan.

Seorang Ahli: Cakap sahajalah, cakap sahaja.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ia tidak ikut peraturan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cakap sahajalah, silakan.

Seorang Ahli: Tiga minit.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak eloklah macam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mulakanlah, cakaplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kuasa Tuan Pengerusi muktamad.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini Dewan yang mulia ini mesti mengikut peraturan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Jangan ajar sayalah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan hendak ajar tetapi kita sama-sama jaga nama baik Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bercakaplah, teruskan, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya ingin menyentuh Butiran 090600 dan juga 050000 – Pengangkutan Darat dan Pengangkutan Udara. Tengok saya pun simpan perkara saya... *[Mencari sesuatu di dalam beg]* Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau Yang Berhormat hendak bercakap esok, sambung esoklah... *[Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ha, saya pun sudah simpan perkara saya.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sehingga jam 10 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.43 petang.